



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KETIGA

Shah Alam, Selasa 09 November 2010

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)
YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)
YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
YB Tuan Edward Lee Poh Lin
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)
YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)
YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)
YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TIDAK HADIR

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)
(Menunaikan Fardu Haji)

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

TIDAK HADIR

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
(Cuti sakit)**

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Noor Diana bt. Razali
Penolong Setiausaha II

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

En Md. Saref bin Salleh
BENTARA

Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
PELAPOR PERBAHASAN

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)

YB TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

YB TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No.14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : KUTIPAN PASIR

14. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kutipan hasil pasir oleh KSSB?
- b) Kenapakah kutipan hasil tersebut meningkat secara mendadak selepas isu cuti pasir dibongkar?

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker. Menjawab soalan Sungai Pelek berkaitan dengan berapakah kutipan hasil pasir dari KSSB? Prestasi kewangan Kumpulan Semesta dari September 2008 hingga September 2010. Jumlah jualan pada tahun 2008, RM4.82 juta. Tahun 2009, RM31.03 juta. Sehingga September 2010, RM42.91 juta. Sementara royalti yang dibayar pada 2008, RM1.47 juta. 2009, RM5.76 juta. Sehingga September 2010, RM8.3 juta. Untung sebelum cukai, pada tahun 2008, RM1.88 juta. 2009, RM8.82 juta. Sehingga September 2010, RM14.72 juta.

Menjawab soalan kedua, terima kasih kepada Sungai Pelek yang mula mengakui dasar Kerajaan untuk menguruskan hasil pasir dari Kumpulan Semesta nampaknya meningkat begitu sekali. Dan kita mengalu-alukan mana-mana teguran atau pendedahan sama ada dari pihak Kerajaan mahupun pihak pembangkang atau media. Walau bagaimanapun pihak KSSB dan Kerajaan Negeri tidak bertindak atas apa-apa pendedahan dan kita berusaha memastikan bahawa Kumpulan Semesta akan terus berdaya maju di masa akan datang. Kita menjangkakan bahawa Kumpulan Semesta akan terus mendapat jualan tinggi dan royalti yang dipulangkan kepada Kerajaan Negeri akan lebih meningkat dan keuntungan tinggi dengan pembukaan 17 lombong persendirian pada tahun ini.

YB TUAN SPEAKER : Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIN : Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kota Anggerik berkenaan dengan isu pasir ini. Dalam laporan audit baru-baru ini pasir telah dikatakan merosot tidak dijaga dengan baik tetapi dalam jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO mengatakan semua ada peningkatan 2008, 2009, 2010 semua peningkatan. Apakah sebenarnya terdapat keclaruan yang berlaku dalam audit dengan jawapan daripada Yang Berhormat? Tolong perelaskan secara *detail*. Terima kasih.

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih. Soalan ini dia tak sangat berkaitan dengan Kumpulan Semesta, berkaitan dengan hasil royalti Kerajaan Negeri. Pada tahun 2008 terdapat satu projek besar tebatan banjir Sungai Damansara, di mana permit pasir seluas 200 ekar untuk projek tebatan banjir dikeluarkan iaitu hasil royalti pasir 2008 ialah RM8 juta. Pada tahun 2009, Kumpulan Semesta mula beroperasi. Sebahagian besar permit bawa pasir kita bekukan sementara untuk semakan semula iaitu pada tahun 2009 royalti pasir menurun daripada RM8 juta ke RM5 juta dan 2010 bila operasi sepenuhnya berjalan pendapatan Kumpulan Semesta meningkat dan pendapatan royalti juga meningkat.

YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL : Soalan tambahan.

YB TUAN SPEAKER : Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin bertanya dari laporan Ketua Audit yang terbaharu ini, kita dapati selain daripada keuntungan dari segi wang ringgit, kita dapati ada banyak kerosakan dari segi alam sekitar. Dan kerosakan ini memang memerlukan belanja yang banyak untuk di baik pulih. Jadi adakah berbaloi dari segi ataupun adakah pihak Kerajaan mengambil kira kesemua kerugian ini sebelum menjalankan kerja-kerja?

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Laporan Audit menyemak 2008. Pada tahun 2008 operasi pasir di bawah Kerajaan yang terdahulu memang tidak mengikut spesifikasi alam sekitar. Tetapi semenjak Kumpulan Alam Semesta menguruskan, kita memastikan bahawa semua kontraktor memenuhi AMP dan mesti memenuhi syarat-syarat AMP yang dikehendaki dan tujuan Semesta sendiri ialah memastikan bahawa alam sekitar dapat dikawal.

YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL : Soalan tambahan.

YB TUAN SPEAKER : Ia, Sabak.

YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL : Yang Berhormat Dato' EXCO, saya juga ingin tahu sila nyatakan 7 kawasan lombong yang beroperasi yang telah diberi permit oleh Kerajaan Negeri.

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : 17. Mahu tahu nama-namanya? Status lombong persendirian:

1. Go Ground Sdn. Bhd. Seluas 91.39 hektar di Bestari Jaya, Kuala Selangor. Sudah mula operasi pada pertengahan Ogos 2010.

2. Marita Sdn. Bhd. Keluasan 50 ekar di Labu, Sepang sudah mula operasi pada pertengahan Ogos 2010.
3. Benteng Nusantara Sdn. Bhd. Keluasan 90 ekar di Dengkil, Sepang iaini Kota Warisan. Sudah mula operasi pada akhir Ogos 2010.
4. First Rape Sdn. Bhd. Keluasan 49 ekar, Tanjung Duabelas, Kuala Langat sudah mula operasi pada akhir awal September 2010.
5. Associated Pan Malaysia Cement Sdn. Bhd. 50 ekar di Rawang, Gombak. Sudah mula operasi pada pertengahan Oktober 2010.
6. Lembah Jejak Sdn. Bhd. 40.8 ekar kawasan kambing susu Serendah, Hulu Selangor. Kelulusan permit ditangguhkan kerana pertikaian hak milik tanah.
7. Gula Perak Berhad seluas 101.8 ekar di kawasan Bestari Jaya, Kuala Selangor telah mendapat kelulusan PTD Kuala Selangor. Projek ditangguhkan kerana syarikat berstatus PN17 dan perlu mendapat kebenaran Bursa Saham ataupun Suruhanjaya Sekuriti.
8. The Association of Kwan Tong Cemetery Management Kuala Lumpur. 65 ekar di Sungai Long, Hulu Langat.
9. Kundang Lakes Country Clubs. 86.35 ekar di Kundang, Rawang, Gombak. Projek ditangguhkan kerana masalah tanah, premium dan cukai tanah.
10. KCS Mining Sdn. Bhd. 50 ekar, Hulu Yam, Selangor. Masih dalam proses penyediaan dokumen teknikal.
11. Jarum Angkut Sdn. Bhd. 50 ekar, Bestari Jaya, Kuala Selangor. Masih dalam proses penyediaan dokumen teknikal.
12. Sungai Rambai Angkut Sdn. Bhd. 50 ekar, Bestari Jaya, Kuala Selangor. Masih dalam proses penyediaan dokumen teknikal.
13. Banting Resources Sdn. Bhd. 90 ekar, Tanjung Dua belas, Kuala Langat. Juga masih dalam penyediaan teknikal.
14. Tai Koon Venture Sdn. Bhd. 50 ekar juga di Tanjung Dua belas, Kuala Langat. Juga masih dalam penyediaan dokumen teknikal.
15. Zanjabil Sdn. Bhd. 19.65 ekar, Tanjung Dua belas, Kuala Langat.
16. Gold Grass Sdn. Bhd. 279.61 ekar, di Bestari Jaya
17. Tuah Arus Air Sdn. Bhd. 48.98 ekar di Dengkil, Sepang.

YB TUAN SPEAKER : Sri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Tuan Speaker, soalan No.15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT
DARIPADA YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ. SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PROGRAM BLUE PRINT

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah penerima bantuan peralatan di bawah Program *Blue Print* di Daerah Klang dan Petaling dan jelaskan aduan kenapa peralatan ini lambat dihantar walaupun telah diluluskan.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANDAM : Terima kasih Sri Muda. Tuan Speaker, dengan perkara Program *Blue Print*. Jumlah penerima bantuan peralatan bagi Daerah Klang adalah seramai 41 orang dan Daerah Petaling seramai 45 orang. Kelewatan adalah disebabkan oleh beberapa perubahan dari aspek prosedur perolehan dan perbekalan bagi melaksanakan Program Bantuan peralatan *Blue Print*. Pada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap yang telah diadakan pada Ogos lepas, Jawatankuasa telah bersetuju agar peruntukan bagi pelaksanaan program peralatan *Blue Print* diturunkan kepada Pejabat Daerah yang berkenaan untuk pelaksanaannya. Justeru apabila prosedur tersebut telah diperkemaskan, aspek pelaksanaan akan dapat dipercepatkan dan proses pemantauan akan dibuat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Peralatan tersebut telah pun mula diedarkan kepada penerima bantuan dan Jawatankuasa akan memantau serta memastikan pelaksanaan program bantuan ini diteruskan dengan lebih efisien memandangkan jumlah pemohon yang diterima juga semakin meningkat.

YB TUAN SPEAKER : Kota Alam Shah.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No.16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT
DARIPADA YB TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : BANTUAN BIASISWA DARIPADA YAYASAN SELANGOR.

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peruntukan wang yang telah diberikan sebagai bantuan biasiswa oleh Yayasan Selangor bagi tahun 2008 dan 2009 kepada para pelajar yang berkelayakan?
- b) Siapakah penerima-penerima bantuan biasiswa tersebut mengikut komposisi kaum bagi tahun 2008 dan 2009, serta apakah nama-nama institusi pengajian pada penerima bantuan biasiswa tersebut?
- c) Apakah syarat-syarat dan kelayakan-kelayakan minimum bagi memperoleh bantuan biasiswa daripada Yayasan Selangor ini?

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Selamat Sejahtera. Peruntukan wang biasiswa yang telah diberikan oleh Yayasan Selangor pada tahun 2008 ialah sebanyak RM214,750.00. Tahun

2009, RM370,100.00 dan penerima-penerima bantuan biasiswa mengikut komposisi kaum adalah seperti berikut:

2008

Cina	-	1
India	-	2
Melayu	-	804

2009

Cina	-	1
India	-	1
Melayu-	762	

Dan penerima bantuan biasiswa tersebut adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang bersekolah di sekolah-sekolah berikut :

1. SMK Victoria
2. SMK St. John
3. SMK Methodist
4. SMK Lelaki Bukit Bintang
5. SMK Convent Bukit Nanas
6. SMK Seri Bintang Utara
7. SMK Perempuan Seri Aman
8. SMK Assunta
9. SMK Aminuddin Baki
10. SMK Jalan Cochrane
11. SMK Methodist ACS
12. SMK Tinggi Klang
13. SMK Convent Klang
14. SMK La Salle
15. SMK Perempuan Methodist
16. SMK Tengku Ampuan Rahimah
17. SMK Damansara Utama

18. SMK Dato' Harun
19. SMK Jalan Tiga
20. SMK Kuala Kubu Baharu
21. SMK Sultan Abdul Aziz Shah
22. SMK Telok Datuk
23. SMK Tunku Abdul Rahman Putera
24. SMK Tinggi Kajang
25. SMK Unku Aziz
26. SAMT Tengku Ampuan Jemaah
27. SAM Bestari
28. Sekolah Agama Menengah Tinggi Salahuddin Abdul Aziz Shah
29. Sekolah Agama Menengah Tinggi Hishamuddin
30. Sekolah Agama Menengah Bandar Salak Tinggi
31. SAM Hishamuddin

Dan syarat kelayakan pemohon biasiswa ialah:

1. Pemohon hendaklah seorang rakyat Malaysia. Pemohon atau ibu atau bapa lahir di Negeri Selangor atau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974.
2. Pemohon adalah pelajar asrama pusat atau asrama Daerah Yayasan Selangor.
3. Pelajar dari keluarga berpendapatan rendah atau mempunyai ramai tanggungan.
4. Mencapai keputusan peperiksaan penggal persekolahan dengan markah melebihi 60% jika berkaitan.
5. Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak sekolah dan Asrama Yayasan Selangor.
6. Tidak mendapat bantuan atau biasiswa dari pihak-pihak lain
7. Dia ada isi borangnya dengan lengkaplah dan menyerahkan borang berkenaan sebelum tarikh tutup penerimaan permohonan.

Terima kasih.

YB TUAN SPEAKER : Bangi.

YB TUAN SR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, soalan No.17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT
DARIPADA YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK: BARU EKONOMI (MBE) MALAYSIA & KESAN KEPADA SELANGOR

17. Kerajaan Pusat telah melancarkan Modal Baru Ekonomi (MBE) Malaysia. Antaranya memperkenalkan konsep '*Greater* Kuala Lumpur'.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan '*Greater* Kuala Lumpur'?
- b) Apakah kesannya kepada ekonomi Negeri Selangor?
- c) Adakah sebarang rundingan antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk bekerjasama mengenai MBE Malaysia?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, Bangi mengemukakan soalan mengenai apakah yang dikatakan Rancangan Baru Ekonomi Malaysia dan kesannya kepada Selangor dan yang model baharu Ekonomi Malaysia antara lain memperkenalkan konsep '*Greater* Kuala Lumpur': Beliau hendak kerajaan negeri menerangkan pandangan Kerajaan Negeri dan juga apakah kesannya kepada negeri Selangor? Satu perkara yang jelas dalam Modul Ekonomi Malaysia adalah pada awalnya Kerajaan Persekutuan hendak melihat di manakah tempat yang terbaik untuk mengembangkan Ekonomi Malaysia. Kajian mereka menunjukkan bahawa pembangunan di Iskandar, pembangunan di Koridor Utara dan pembangunan di Koridor Barat tidak nampak satu keadaan yang boleh mempercepat pembangunan Ekonomi Malaysia, sebaliknya mereka mengenal pasti bahawa bandar raya Kuala Lumpur dan persekitaran bandar raya Kuala Lumpur, sudah tentulah termasuk Lembah Klang, dikatakan tempat yang terbaik untuk mempertingkatkan pembangunan ekonomi. Oleh itu, mereka ingin dia mengenal pasti bahawa *Greater* Kuala Lumpur ialah tempat untuk pemangkin pembangunan Ekonomi Malaysia.

Kerajaan Negeri lantas mempersoalkan *Greater* Kuala Lumpur sebab *Greater* Kuala Lumpur tidak menyebut negeri Selangor. Oleh sebab itu perbincangan lantas diadakan termasuk dengan Tuanku Sultan sendiri untuk memperbetul kenyataan *Greater* Kuala Lumpur. *Greater* Kuala Lumpur sekarang diterima oleh Kerajaan Persekutuan dengan menambah kenyataan Klang Valley, *Greater* Kuala Lumpur – Klang Valley maknanya Lembah Klang. Jadi Kuala Lumpur dan Lembah Klang adalah pusat yang hendak dibangunkan sebagai usaha mempertingkatkan Model Ekonomi Malaysia. Oleh itu, semua pembangunan di *Greater* Kuala Lumpur termasuk pembangunan Selangor adalah bermaksud pembangunan Klang Valley.

Apakah yang mereka ingin lakukan? Mereka hendak membuat pembangunan yang mengambil kira bahawa sekurang-kurangnya 6506 juta bakal dilaburkan di kawasan ini. Antara pelaburan termasuklah menyediakan prasarana pembangunan satu bandar yang lengkap dengan sistem pengangkutan, antara lain MRT (*Mes Rail Transport*) dan LRT yang boleh menyediakan prasarana seperti kereta api, sistem *underground* transport, dan seterusnya. Dan semua ini

boleh jadi pemangkin, pembangunan di Kuala Lumpur. Antara pemangkin yang mereka katakan, oleh kerana mereka hendak menyediakan prasarana-prasarana ini dengan pelaburan-pelaburan yang banyak supaya dapat menarik mereka yang ingin menempatkan pejabat-pejabatnya dan operasi-operasinya yang berfokus di Malaysia, dan kesemuanya ini pada pandangan pengkaji merupakan bahagian yang disebut *The Knowledge and Services Industries*.

Apakah *Knowledge and Services Industries*? Pada pandangan mereka sudah tentu boleh menarik mereka yang hendak membuat kajian. Maknanya, *this is the research oriented exercise, medical support industries, financial hub* antara lain mereka menumpukan pada *Islamic Financial Hub*. Maksudnya, ada *finance* ada *medical* ada *education* dan apa yang disebut *Services Industries*, termasuk *legal accounting* dan seterusnya.

Dan kajian ini, kajian awal yang dibuat menunjukkan mereka hendak menjana jumlah pekerjaan bagi seramai 2.5 juta orang dan kajian mereka kalau dilaksanakan dengan betul boleh berkedudukan rangking 20 dalam kajian indeks kesesuaian untuk orang bermastautin di *Greater Kuala Lumpur* dan *Klang Valley*. Oleh itu, untuk melaksanakan ini, bidang melibatkan ekonomi utama nasional yang disebut MKEA.

Negeri Selangor ada di undang untuk menganggotai Jawatankuasa Pemandu iaitu *The Steering Committee* dan melibatkan Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Ahli Jawatankuasa. Dalam usaha ini kita adakan satu perjumpaan yang disebut *Down Hall Meeting* di beberapa Pihak Berkuasa Tempatan terlibat untuk menerangkan kepada rakyat tentang rancangan-rancangan yang dikaji oleh Kerajaan Persekutuan dan kita juga masukkan rancangan-rancangan yang sudah dibuat oleh Kerajaan Negeri termasuk program untuk memperbaiki atau memperbetul Sungai Klang iaitu sebagai satu daripada rancangan yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan cara itu, pembangunan negeri Selangor boleh bersama-sama dengan pembangunan bandar raya Kuala Lumpur. Ada daerah-daerah yang berkenaan termasuk Petaling Jaya, Sepang dan Hulu Selangor dan menurut map yang saya terima baru-baru ini, sampai ke Jambatan Kuala Selangor sebelum masuk ke Tanjung Karang dia punya mapnya tetapi itu masih lagi dalam perbincangan.

Kerajaan negeri menerima usaha ini tetapi hendak memantau dengan teliti bagaimana pembangunan-pembangunan ini dapat memberikan keselesaan dan kebaikan kepada rakyat Selangor. Dan kalau ditanya siapakah yang bakal membiayai program-program ini, ini tidak termasuk dalam belanjawan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sebab belanjawan-belanjawan ini dikenal pasti melalui *Public Private Finding Initiative* yang masih lagi dalam perbincangan. Sekarang juga perbahasan sangat hebat di Parlimen mengatakan perlukah kita membina apa yang disebut bangunan setinggi 100 tingkat, bangunan-bangunan pencakar langit-*Sky-scarpers*- yang hendak didirikan di Lembah Klang ataupun di *Greater Kuala Lumpur*. Tetapi pada saya ini satu inisiatif yang perlu kita terima dan perlu kerjasama kerana pembangunan ini mampu merencanakan negeri Selangor dan Malaysia. Kalau pembangunan dibuat, katakanlah di Iskandar atau di Terengganu dan Kelantan atau di Penang dan di Kedah, kajian mereka seringgit yang dimasukkan di sana gandaannya atau *multiplier*nya dalam kajian ekonomi tidak banyak. Kalau di Kelantan dan Terengganu boleh jadi dua kali, tidak sebanyak di *Greater Kuala Lumpur* atau *Klang Valley* Multi gandaannya melebihi lima kali. Maknanya, *potential* untuk *group* adalah lebih baik di Lembah Klang.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker, soalan No. 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : GOLONGAN ORANG ASLI

18. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah perancangan kerajaan negeri dalam memajukan lagi golongan orang Asli terutamanya kemudahan rumah kediaman yang mana secara umumnya masih lagi dalam keadaan yang daif.
 - b) Adakah kerajaan negeri merancang sumber ekonomi yang lebih stabil untuk diimplementasikan dalam masyarakat orang Asli.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, kerajaan negeri secara umum sangat peka dan prihatin dalam menangani masalah perumahan rakyat bagi golongan yang tidak berkemampuan. Buat pertama kali pada tahun 2010 kerajaan negeri telah meluluskan sebanyak enam permohonan bantuan bina baru dan sebanyak satu permohonan diberi bantuan baik pulih dari daerah Kuala Langat dan Sepang melalui mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Rumah Kerajaan Prihatin yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tuan Dr. Xavier Jayakumar dan dana ini diperoleh melalui sumbangan daripada anak syarikat. Masyarakat orang asli juga memperoleh bantuan kemudahan rumah melalui agensi-agensi negeri lain seperti Lembaga Zakat Selangor di bawah Majlis Agama Islam Selangor telah memberi bantuan pembinaan rumah orang asli kepada 41 penerima bantuan pada tahun 2009 dan 27 penerima pada tahun 2010. Jadi pada tahun 2010 Gombak Timur terdapat 4 penerima dan rumah-rumah mereka dibina dengan kos RM128 ribu. Di Gombak Barat ada 4 penerima, jumlah kos bantuan rumah RM131 ribu, Hulu Langat 1 RM30 ribu, Kuala Langat 9 RM278 ribu, Sepang 3 RM101 ribu, Hulu Selangor 3 RM60 ribu, Klang 2 RM60 ribu, Petaling 1 penerima dengan kos RM38 ribu. Jadi jumlah bantuan yang diberi oleh Lembaga Zakat Selangor adalah RM575 ribu. Saya ingin menegaskan bahawa bantuan perumahan ini merupakan bantuan tambahan selain daripada yang diperuntukkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Soalan mengenai sumber ekonomi yang lebih stabil di mana ianya perlu diimplementasikan dalam masyarakat orang asli secara purata orang asli menjanakan pendapatan mereka daripada beberapa program kebun dan dusun sepertimana yang dijalankan oleh sebagaimana agensi RISDA dan secara puratanya mereka dapat anggaran dua ratus ringgit sebulan. Kebelakangan ini Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah menyatakan hasrat jabatan untuk menaikkan kepada empat ratus lima puluh sebulan. Akan tetapi tak kiralah dua ratus ringgit sebulan atau empat ratus ringgit sebulan ianya masih di bawah tahap kemiskinan dan ini adalah satu isu yang kita perlu menangani bersama Kerajaan Persekutuan. Kalau kita menyiasat ataupun mendapat beberapa fakta dari beberapa perkampungan orang asli yang tidak mengikut program-program agensi seperti yang dijalankan oleh RISDA ada beberapa kampung mereka boleh menjana pendapatan sepuluh kali ganda jadi bukan dua ratus sebulan saja satu keluarga tetapi dua ribu dan saya yakin ini adalah satu jalan yang boleh dilaksanakan oleh perkampungan orang asli di mana mereka tidak perlu bergantung kepada agensi-agensi tetapi mereka boleh berdikari dan membuat sendiri dengan itu Kerajaan Negeri Selangor ada satu peruntukan khas untuk menambahbaikkan perekonomian mereka seperti pada tahun ini, akhir tahun ini kita dari Kerajaan Negeri Selangor akan mengedar benih-benih pokok getah kepada beberapa perkampungan orang asli di mana mereka mempunyai tanah lapang mereka mempunyai tanah tambahan dan mereka boleh buat sendiri. Selain daripada itu, kita boleh juga

meninjau bahawa ada beberapa kekurangan infrastruktur asas di Negeri Selangor dalam beberapa perkampungan orang asli termasuk air dan api Kerajaan Negeri Selangor pada tahun ini telah membuat satu projek perintis di daerah Hulu Langat satu perkampungan orang asli di sana mereka langsung tidak dapat tenaga elektrik kalau bila memohon kepada Tenaga Nasional Berhad kos untuk membekalkan infrastruktur asas untuk membekalkan tenaga elektrik lebih daripada dua juta tetapi kita telah menyasat dan membuat kajian di sana dan sekarang kita telah membina satu mikrohidro ataupun menjalankan projek mikrohidro elektrik di perkampungan itu dan tiga kilo wat itu memang cukup untuk dua puluh lima biji rumah di perkampungan orang asli itu, jadi kalau infra asas itu boleh diselesaikan saya juga yakin sumber ekonomi orang asli akan lebih stabil. Selain daripada itu ada, saya rasa yang asas paling adalah Kerajaan Negeri perlu memberi *security of land*. Selain daripada itu ada, saya rasa yang asas paling adalah Kerajaan Negeri perlu memberi *security of land* ataupun hak tanah yang lebih selamat jadi proses pengazetan perkampungan yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan bantuan badan bertindak tanah orang asli Selangor adalah satu proses yang sangat penting tanpa *security of land* maka perekonomian mereka tidak stabil dan kehidupan mereka juga tidak stabil.

TUAN SPEAKER : Sg. Air Tawar

YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD, SUNGAI AIR TAWAR : Tuan Speaker soalan No. 19

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : NELAYAN TERANCAM

19. Nelayan pesisir di Selangor menghadapi ancaman lanun, penculikan dan pelanggaran dengan kapal dagang.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

- a) Berikan statistik nelayan Selangor yang terlibat dengan insiden tersebut dari tahun 2008?
- b) Apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut?
- c) Apakah bantuan yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada nelayan yang terbabit?

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker menjawab soalan Sg. Air Tawar berkaitan dengan ancaman nelayan. Statistik yang diperoleh adalah berdasarkan risikan yang tidak didedahkan kepada awam kerana faktor keselamatan. Perikanan Selangor hanya menerima maklumat dari segi ancaman lanun dan penculikan sahaja dan pelanggaran lebih kepada pihak Jabatan lain berdasarkan maklumat yang diperoleh kebanyakan penculikan nelayan tempatan dilakukan oleh Pihak Berkuasa Negara Jiran yang bertindak mengugut nelayan tempatan untuk membayar wang tebusan bagi pelepasan sebuah wasel. Jumlah statistik yang diterima ini adalah bilangan tidak rasmi dan berdasarkan kepada maklumat daripada nelayan yang terlibat di kawasan perairan Selangor. Pada tahun 2008 tiada, 2009 – 5, 2010 – 11, jumlah sekali ialah 16. Bagi soalan kedua apakah langkah-langkah untuk

mengatasinya, untuk makluman Sungai Tawar, kawasan dijaga oleh Jabatan Perikanan ialah di bawah lingkungan tiga batu nautika sahaja manakala penculikan berlakunautika satu ini tidak di bawah jagaan Jabatan Perikanan Selangor. Bagi soalan ketiga, Apakah bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada nelayan terbabit? Tiada peruntukan tetapi bantuan diberi mengikut kes-kes tertentu.

YB TUAN NG. SUEE LIM, SEKINCHAN : Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Ya Sekinchan

YB TUAN NG. SUEE LIM, SEKINCHAN : Soalan tambahan mengenai ancaman yang dihadapi oleh nelayan memang perkara ini sudah sedia maklum nelayan-nelayan persisiran pantai selalu diugut, dipukul kadang-kadang maut di semasa menjalankan aktiviti mereka tapi apa jawapan yang diberikan oleh Y Berhormat EXCO mengatakan tiga batu nautika di bawah jagaan Perikanan dan selebihnya siapa yang jaga?sehingga sekarang ini dua-dua pihak semua menolak tak tahu siapa yang menjaga tapi saya nak satu penjelasan siapa yang sewajarnya mengambil tindakan terhadap keselamatan nelayan yang mencari rezeki nafkah hidup di perairan. Sekian terima kasih.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tugas Jabatan Perikanan ialah memastikan bahawa operasi nelayan mengikut peraturan-peraturan tertentu di kawasan persisiran pantai kawasan di luar persisiran pantai tugas tersebut sepatutnya dilakukan oleh pihak marin polis.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat tidak hadir, Sungai Pelek,

YB TUAN YAP EE WAH, SUNGAI PELEK : Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 21

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : LANJUTAN TEMPOH PAJAKAN TAPAK KEDIAMAN KAMPUNG BARU

21. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan permohonan yang dikemukakan sebelum 8 Mac 2008?
- b) Berapakah permohonan tersebut telah diluluskan sehingga sekarang?

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker mengikut statistik Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor sebanyak seratus dua puluh tiga permohonan untuk lanjutan tempoh Kampung Baru telah diterima sebelum 8 Mac 2008, sebanyak 76 permohonan telah diluluskan dan hak individu telah dikeluarkan. Sekian terima kasih.

YB TUAN YAP EE WAH : Soalan tambahan Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Ya Sungai Pelek

YB TUAN YAP EE WAH : Saya difahamkan baru-baru ini Kerajaan Negeri memberi lanjutan tempoh yang telah di lulus di Sungai Pelek tetapi kebanyakan permohonan yang dikemukakan sebelum kerajaan negeri menjalankan kutipan daripada kutipan semula daripada penduduk di

kampung-kampung baru sehingga sekarang permohonan awal itu masih tidak diluluskan saya mendapat aduan daripada penduduk di kawasan sekitar Sungai Pelek. Terima kasih.

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH : Untuk makluman Yang Berhormat mengikut statistik yang saya ada pejabat Daerah telah meluluskan tiga puluh satu permohonan lanjutan tempoh di Kampung Baru Sungai Pelek dan jikalau Yang Berhormat mempunyai aduan di peringkat penduduk tempatan sila kemukakan kepada saya dan saya akan cuba memberi bantuan. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Batu Caves

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI, BATU CAVES : Soalan No. 22

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : HUTANG TALAM

22. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak hutang syarikat Talam kepada kerajaan negeri Selangor yang berjumlah 392 juta telah berjaya dikutip semula sehingga Jun 2010.
- b) Boleh jelaskan perincian pecahan kewangan yang telah dikutip itu disalurkan kerajaan negeri dibelanjakan.
- c) Berapa lama lagi diperlukan untuk mengutip semua hutang tersebut.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, saya hendak menjawab soalan mengenai penyelesaian hutang talam dan jawapan ini bersesuaian dengan soalan yang dikemukakan Yang Berhormat dari Bukit Antarabangsa dan Yang Berhormat dari Kampung Tunku. Soalan ini adalah mengenai berapa banyak hutang Syarikat Talam, mengenai jumlah tiga ratus sembilan puluh dua juta yang kita ambil kira seperti yang dibentangkan di dewan ini pada tahun lepas dan apakah perkembangan yang telah berlaku?

Skim penyusunan semula hutang ini ada dilakukan dan sudah ditandatangani oleh beberapa pihak dan hasilnya Kerajaan Negeri melalui MBI dan anak-anak syarikat menerima pulangan tersebut. Antara yang diterima adalah:- Satu, tanah seluas 25.94 ekar di Bukit Beruntung yang sekarang dibeli oleh PKNS dengan pendapatan sebanyak RM16.1 juta. Kita ada menerima tanah 2773 ekar di Bestari Jaya dan penyusunan semula tanah ini sudah dilakukan. Ketiga, kita ada menerima 1322 ekar tanah di Bukit Beruntung dan kita hendak lakukan penyusunan semula tanah. Akhirnya tanah dimiliki oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad yang kita jangkakan nilai tanah itu RM345 juta. Seterusnya, kita mendapat tanah sejumlah 134.2 ekar iaitu tanah di Danau Putera yang tawarannya kita terima daripada Syarikat Medivest Property Sdn. Bhd. yang hendak membeli tanah tersebut dengan harga RM87.7 juta. Kita menerima wang tunai dari Talam berdasarkan jumlah 11.56 ekar daripada Teck City Link Ekspress Sdn. Bhd. dan kita menerima bayaran sebanyak 5 juta. Kita menerima pulangan tunai daripada PIYSSP iaitu syarikat yang membayar kepada Talam sebanyak RM7.7 juta yang duit itu diserahkan kepada MBI dan kita juga menerima tanah 12 ekar di Puncak Jalil yang ada pembeli yang menawarkan harga RM12 juta dan kita menguasai ruang pejabat di Medan Pandan dan

nilainya RM11 juta. Kita juga menawarkan secara tender kepada pasaran dan kita jangkakan boleh dapat lebih daripada RM11 juta dan kita memiliki 400 ekar tanah dan 60 peratus saham Ulu Yam Country Resort yang kita nilai sebanyak RM22.2 juta. Jika kita campurkan semua jumlah nilai aset yang kita dapati adalah RM689 juta dan kita uruskan supaya hutang-hutang bank dan hartanah sebanyak 266 juta diselesaikan dan hasilnya kita mendapat 422 juta.

Apabila ini selesai, barulah kita beri balik kepada Talam 30 juta dengan pembayaran balik kepada Talam. Sekarang belum bayar lagi hanya selepas itu barulah jumlah hutang yang kita terima dari TALAM 392 juta selesai dan akaun-akaun ini kita hendak bentangkan kepada dewan apabila semuanya selesai supaya dewan dapat melihat bagaimana pengutipan wang bagaimana penyusunan semula hutang-hutang tersebut dan kita hendak beritahu dewan tentang penggunaan wang hasil daripada kutipan hutang 392 juta. Yang sudah kita beritahu dewan adalah dari RM392 juta ini, RM70 juta kita khaskan untuk program Mikro Kredit Desa sebanyak RM50 juta dan program Mikro Kredit untuk Bandar atau Mimbar sebanyak RM20 juta, dan lebih itu pun kita boleh jelaskan tentang penggunaannya.

Berapa lama diperlukan kutipan ini, sudah kita kutip. Sekarang kita hendak jual harta tanah tu dan kita rasa ada setengah yang kita tidak hendak jual, iaitu 1322 ekar tanah di Bukit Beruntung yang kita hendak buat program untuk membangunkan semula Bukit Beruntung dan ini kita boleh dapat hasilnya daripada pembangunan hartanah yang kita lakukan nanti. Dari semasa ke semasa kita hendak jelaskan hasil pulangan daripada pembangunan yang kita buat. Dan kita ada meminta Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) untuk mengepalai pembangunan tanah ini dan saya percaya kalau pembangunan *The Greater* Kuala Lumpur ini dihasilkan, maka tanah-tanah kita ini boleh mendapat nilai lebih daripada jumlah yang saya sebut tadi.

TUAN SPEAKER : Ya... Hulu Kelang..

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Aaa..Hulu Kelang ingin mendapat penjelasan , apakah kriteria yang telah digunakan oleh Kerajaan untuk memilih PNSB menerajui pembangunan tanah-tanah tersebut.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Kita telah memilih PNSB oleh sebab PNSB juga telah menjalankan satu projek yang dipanggil *Canal City* yang telah dibuat sebelum ini dan kita dapati projek itu tidak memberikan hasil yang sebaiknya oleh Kerajaan Negeri dan kita susun semula aaa...program pembangunan *Canal City* tersebut dan menghasilkan pendapatan sebanyak lebih daripada 250juta kepada Kerajaan Negeri dan dengan wang tersebut, kita dapat gunakan untuk pembangunan projek yang kita lakukan ini. Jadi hasil, sebab PNSB mempunyai pendapatan lebih daripada 250juta, dan kita akan gunakan pendapatan ini untuk membangunkan projek-projek yang kita laksanakan. Dua projek yang besar iaitu di Bestari Jaya yang kita rasa projek ini agak lambat dibangunkan tetapi projek di Bukit Beruntung sudah dapat menerima beberapa cadangan untuk dibangunkan ataupun dibeli oleh pemaju-pemaju untuk mereka membangunkannya dengan harga yang tidak rendah daripada 345juta. Jadi pilihan sekarang pada kita membangun kan sendiri dengan harga 345juta atau menjualkannya kepada orang yang nak membangunkan dengan harga melebihi 345juta. Setakat ini kita telah menerima beberapa *offer* ataupun tawaran untuk membelinya dengan harga melebihi 345juta. Jadi jawapan kita ialah terima *cash* ataupun bangun dan dapat pendapatan yang lebih tinggi daripada tersebut. Ini masih belum diputuskan. Kalau kita nak terima *cash* , kita dapat 345juta ataupun kita buat pembangunan dan hasilnya sudah tentulah sekurang-kurangnya kita mesti mendapat hasil melebihi 345 juta. Ini belum diputuskan oleh Lembaga Pengarah PNSB dan juga Lembaga Pengarah MBI sebab kita masih lagi menimbang keupayaan ini sebab kita dapati sekarang projek di Bukit Beruntung mula menarik ramai aaa...aa...pemaju-pemaju termasuk

pemaju daripada Sime Darby melalui TESCO yang membina apa yang dipanggil, aaa...a...*centre*..pusat untuk menyimpan aaa...aaa..barang-barang yang akan dihantar ke pusat-pusat Tesco di seluruh negeri, negara, *that mean* gudang , gudang simpanan dan juga kita dapati juga pembangunan aa...*golf ...city* yang ingin membangun lebih daripada 50 lubang golf yang dibuat oleh Kumpulan yang menjayakan , apa yang dipanggil D...aaa...aa...D'Mines...saya tengah... Lombong...saya nak tulis Lombong tak boleh, Mines, saya tengah fikir apa nama, aaa...jadi kita belum buat keputusan lagi. Kita belum buat keputusan tapi yang penting ialah mengambil alih tanah-tanah ini. Malangnya, saya tak nak cerita panjang tentang ini, tanah-tanah ini dulu tanah kerajaan , kita bagi pada TALAM, tapi kita ambil balik, kita ambil balik dan tanah ini sekarang sudah dikuasai balik oleh Kerajaan Negeri. Aa...itu je.

TUAN SPEAKER : Balakong

YB TUAN YAP LUM CHIN : Tuan Speaker, soalan 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : KAMPUNG BARU CINA

23. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukan pembangunan infrastruktur bagi Kampung - kampung Baru Cina sejak pemerintahan Pakatan Rakyat?
- b) Apakah masalah yang dihadapi oleh kebanyakan kampung-kampung tersebut? Sila berikan pecahan mengikut pembangunan infrastruktur yang telah diberi sejak pemerintahan PR?
- c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan-rancangan khusus untuk menambahkan kampung-kampung ini?

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, pada 2009 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak 5.4juta ringgit untuk pembangunan kampung baru, bagan tersusun di Negeri Selangor . Berbanding dengan tahun 2008 Kerajaan negeri pada masa itu hanya memberi peruntukan sebanyak 200ribu ringgit sahaja. Manakala pada tahun 2010 Kerajaan Negeri juga memberi peruntukan sebanyak 5.4juta untuk pembangunan kampung baru dan sehingga hari ini sebanyak 4,230,308.82 telah disalurkan untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur di kampung baru, bagan tersusun negeri Selangor. Antara masalah yang dihadapi berkaitan dengan pembangunan kampung baru, bagan tersusun adalah dari segi kemudahan infrastruktur seperti longkang, jalan dan jabatan kayu rosak yang perlu diganti dengan segera. Selain itu, terdapat juga masalah dari segi kemudahan awam , yang melibatkan balai raya, perpustakaan , taman permainan dan sebagainya yang perlu di selenggara dan dinaiktarafkan. Cuma projek yang dilaksanakan demi kemajuan dan naik taraf kampung baru, bagan tersusun pada tahun 2009 adalah 82 projek . Tahun ini tahun 2010 sehingga hari ini 65 projek. Pecahan jenis projek yang dilaksanakan pada tahun 2010 adalah jalan 12 projek bernilai 1,130,541.41 , jabatan dan titi 10 projek bernilai 961,295.80, longkang 9 projek 745,813.75 , bangunan 8 projek 542,810.13 . Kerajaan negeri akan mengguna pakai peruntukan yang disalurkan bagi tujuan

seperti menaik taraf , menyelenggarakan dan membaik pulih infrastruktur serta kemudahan awam di kawasan kampung. Sekian.

YB TUAN YAP EE WAH : Soalan tambahan saya Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sg. Pelek

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin nak tau bagaimana cara pengagihan aa....peruntukan pembangunan di setiap kawasan di negeri Selangor. Adakah ia mengikut daerah atau kawasan DUN masing-masing kerana di kawasan DUN Sg. Pelek terdapat 3 kampung baru cina tetapi sejak 2008 sehingga 2010 ini saya nampak agak kurang pembangunan daripada peruntukan pembangunan negeri Selangor disalurkan kepada kawasan DUN Sg. Pelek ini. Jadi cara pengagihan tu. Terima kasih.

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih YB Kita akan mengikut prioriti lah. Kita akan menilai masalah di kawasan kampung tersebut seperti di kawasan kampung bagan , bahkan kampung bagan ini mereka mempunyai jambatan yang rosak dan tidak pernah di baik pulih selama 30 tahun hingga 40 tahun. Jadi kita memberi perhatian kepada kampung bagan seperti Sabak Bernam dan juga Kuala Selangor. Untuk makluman YB , di daerah Sepang , di daerah Sepang kita juga memberi peruntukan kepada kampung Baru Seri Lenggeng, Sepang Jaya dan Sg. Pelek kita ada. Kalau YB mahu *detailnya* saya boleh bagi secara lisan..tak ada masalah. Sekian.

TUAN SPEAKER : Lembah Jaya.

YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Tuan Speaker, soalan no.24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KUALITI HIDUP

24. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk meningkatkan kualiti hidup Negeri Selangor sebagai yang terbaik dari segi pendidikan, perumahan, pengangkutan, kesenian kebudayaan dll. Apakah langkah yang perlu diambil dan bagaimana mengatasinya jika ianya bermasalah?
- b) Apakah purata pendapatan, distribusi pendapatan, dan gini koefisien (*gini coefficient*) untuk negeri Selangor bagi tahun 2008-2010. Apakah faktor-faktor bagi menyekat bagi pengurangan ketidakseimbangan pendapatan (*income inequality*) ini?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih aa..YB dari Lembah Jaya. Soalannya, apakah perancangan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat negeri Selangor daripada segi kebudayaan, perumahan, pengangkutan, kesenian dan seterusnya?, dan Apakah purata pendapatan yang membolehkan negeri Selangor dianggap sebagai negeri maju?

Saya ingin aa...aa..membuat beberapa perbandingan. Di aaa..*United Nation*, ataupun *National Development Index*, iaitu satu indeks yang diterbitkan untuk menentukan sama ada negeri ini sudah membangun ataupun belum membangun. Kajian pada 2010, kajian yang terakhir, negara Malaysia mencapai angka 0.744 . Maknanya apa angka tersebut? Angka tersebut jika dibandingkan dengan indeks yang membolehkan negara itu dianggap negara maju adalah indeksnya mesti mencapai tahap 0.788. Tetapi negara Malaysia masih lagi di bawah angka tersebut, iaitu 0.744. Bagaimanapun, Selangor dikatakan sudah sampai ke peringkat 0.788 tetapi seluruh Malaysia masih belum mencapai ke tahap itu, masih di tahap 0.744.

Apakah '*indicator*' untuk kita berkongsi bersama yang boleh kita gunakan? Pertama, ialah kesihatan. Kesihatan ialah, untuk lelaki, kita dikatakan sampai tahap kualiti negara membangun, iaitu 74.9 tahun. Di Selangor, adalah 72.22. Maknanya, belum 2 tahun lagi '*average expectancy*', '*life expectancy at birth*' ataupun yang lahir berapa peratus kaum wanita? Kaum wanita dijangka hidup lebih lama daripada lelaki iaitu 80.2 tahun. Tetapi di Selangor ia 76.8 tahun. Ada sebab '*why we live..*', saya tak nak bincang, dalam hal ini adalah '*average*'nya iaitu 77 tahun dan di Selangor 74.55 tahun tetapi di Malaysia angka ini lagi ke bawah. Yang penting ialah pendidikan. Pendidikan yang disebut konsep literasi 99.3 peratus masyarakat ini mesti mendapat pendidikan yang sesuai. 99.3 peratus...tetapi di Malaysia kita belum dapat angka ini. Di negeri Selangor melebihi 90 peratus tetapi belum sampai 99.3 peratus.

'*Mean years of schooling*' maknanya pergi sekolah. '*mean years*' untuk pergi sekolah negara maju sekurang-kurangnya 10 tahun tetapi di Selangor kita tak ada angka itu jika hampir sama angka itu kita boleh dikatakan sudah sampai ke peringkat tersebut. Yang penting adalah pendapatan. Pendapatan per kapita di negara-negara maju adalah RM22,794 setahun. Di Selangor dan di Malaysia masih USD7,503 jadi pendapatan per kapita belum. Tetapi di Klang Valley pendapatan ini sudah hampir, di Klang Valley. Sebab itu '*Greater Kuala Lumpur*' menumpu di Lembah Klang kerana kita dapati penumpuan pendapatan yang tinggi, yang disebut '*Mass Market*' sudah ada. Jadi.. '*inequality*' maknanya pendapatan orang yang berpendapatan tinggi dan berpendapatan rendah ada bezanya. Yang diukur melalui konsep '*Ginny coefficient*' adalah pengukuran perbezaan.. jadi '*Ginny coefficient*' mestilah rendah kalau tetapi kalau kosong maknanya semua orang sama. Maka kosong ataupun kalau satu hanya satu orang sahaja yang mempunyai harta, yang lain tak ada. Jadi, satu sampai kosong.. di dunia dianggap 34.9 maka '*Ginny*' yang diterima. Tetapi di Selangor, saya rasa bawah angka 0.45 itu angkanya. Masih belum sampai ke tahap tersebut. '*Gender*' ataupun '*Labour Fourth Participation Women and Men*'.. '*women dan men*'.. di Malaysia, di dunia kalau dikatakan negara maju dianggap 0.9. Maknanya, 9 wanita 10 lelaki yang bekerja, iaitu dalam ratio tersebut. Di Selangor masih lagi ke tahap 0.57 jadi maknanya 6 wanita bekerja dan 10 lelaki.

'*Fertility rate*' ialah 42 kelahiran per seribu wanita dan angka ini memang dicapai di Selangor. '*Admission*' ialah 4.6 tan karbon dioksida per kapita. Ia masih rendah lagi baik tetapi di Selangor melebihi 7. Jadi jawapan saya adalah masih terdapat beberapa perkara yang mesti kita selesaikan terutama pendidikan dan seterusnya. Tetapi program Merakyatkan Ekonomi hendak cuba menyelesaikan beberapa perkara yang dilihat dalam indeks tersebut. Makanya, agenda yang kita boleh dapat kita samakan dalam belanjawan kita termasuk pengukuran-pengukuran tersebut dan bagaimana negeri Selangor dalam rancangan agendanya menyelesaikan perkara ini. Dan juga usaha-usaha pembangunan negeri Selangor hendak kita rancakkan supaya kita dapat membangunkan negeri Selangor dan menentukan hasil pembangunan ini dapat dirasai oleh semua rakyat negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Bukit Melawati

YB TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY : Tuan Speaker, Soalan No. 25.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : TANAH UNTUK SEKOLAH TAMIL

25. Satu permohonan tanah dan laporan lengkap untuk sekolah-sekolah Tamil di Kawasan DUN Bukit Melawati telah diserahkan pada tahun lalu.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status permohonan tersebut ?
- b) Adakah Pejabat Tanah sudah memulakan rundingan dengan syarikat -syarikat perladangan dan tuan punya tanah bagi tujuan tersebut ?
- c) Bilakah perkara tersebut akan diselesaikan ?

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI : Tuan Speaker, Yang Berhormat Bukit Melawati. Berdasarkan hasil lawatan ke atas tapak yang dipohon, didapati bahawa tapak tersebut berbeza dengan tapak yang telah dikemukakan di dalam pelan dan tapak yang dicadangkan adalah melibatkan tanah milik, tanah estet. Dan permohonan rasmi untuk pengambilan tanah dengan pengesahan bahawa pampasan yang mencukupi disediakan masih lagi belum dapat kepada Pejabat Pentadbiran, Pejabat Tanah Kuala Selangor. Jadi memandangkan tanah tersebut merupakan tanah hak milik, estet, rundingan perlu dilakukan antara pemohon tanah dengan tuan tanah dan Insya-Allah lepas itu barulah pejabat tanah bolehlah memproseskan permohonan tersebut untuk, setelah mendapatkan dokumen yang lengkap dan setelah pengambilan tanah dilakukan untuk di gazet kan sebagai sekolah..tapak sekolah.

TUAN SPEAKER : Semenyih

YB DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Tuan Speaker, Soalan No. 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

26. Kerajaan Persekutuan meminta agar peruntukan geran Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) digunakan bagi memperbaiki dan meningkatkan kualiti jalan raya dan bukan untuk tujuan lain.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan MARRIS yang diterima mengikut rekod kerajaan negeri dari tahun 2008 hingga 2010?
- b) Nyatakan statistik penggunaan peruntukan tersebut mengikut daerah dan jumlah jalan raya (km) yang di selenggara?
- c) Adakah kerajaan negeri boleh menggunakan peruntukan tersebut untuk tujuan lain?

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : *Assalamualaikum Warahmatullah*, Salam sejahtera. Tuan Speaker, saya ingin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan 231 daripada Yang Berhormat Meru. Tentang peruntukan MARRIS, Kerajaan Persekutuan meminta agar, bagaimana tentang..minta maaf, tentang peruntukan MARRIS ini disalurkan jawapannya ialah terimaan geran jalan raya berdasarkan sistem maklumat rekod-rekod jalan raya Malaysia atau MARRIS bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti berikut :

2008	-	RM3,996,292.
2009	-	RM315,627,131.
2010 – 22 Oktober 2010	-	RM263,23,250

Statistik penggunaan peruntukan tersebut mengikut daerah bagi tujuan menaik taraf jalan dan jambatan telah diperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya seperti berikut :

Petaling Jaya	-	2008 RM27 juta
2009		RM62,400,000
2010		RM20 juta
Gombak	-	2008 RM900,000
2009		RM2,900,000
2010		RM2,200,000
Klang	-	2008 RM26,500,000
2009		RM14,650,000
2010		RM5,500,000
Kuala Langat	-	2008 RM4,500,000
2009		RM500,000
2010		RM500,000
Hulu Langat	-	2008 RM3,700,000
2009		RM46,500,000
2010		RM16 juta
Sepang	-	2008 RM5.9 juta
2010		RM500,000
Kuala Selangor	-	2008 RM28,550,000
2009		RM27,750,000

2010		RM11,700,000
Hulu Selangor 2009	-	2008 RM1.8 juta RM500,000
Sabak Bernam 2009 2010	-	2008 RM15.7 juta RM2.260 juta RM13.3 juta

Jumlahnya, Tuan Speaker, tahun 2008 ialah RM114,550,000 tahun 2009 RM157,960,000 tahun 2010 ialah RM69,200,000. Jumlah jalan raya yang telah didaftarkan ke dalam sistem maklumat rekod-rekod jalan raya Malaysia atau MARRIS adalah sebanyak 13,994.045 km saya ulang balik 13,994.045 km merangkumi jalan raya bandaran, jalan raya negeri, jalan perumahan murah dan lorong-lorong belakang. Peruntukan MARRIS akan dikreditkan ke dalam akaun amanah dan wang dalam akaun ini hendaklah dibelanjakan hanya bagi tujuan seperti berikut:

1. membayar kos penyelenggaraan semua jalan-jalan negeri
2. perbelanjaan-perbelanjaan seperti pembelian jentera, pembayaran gaji serta lain-lain imbuhan kepada pekerja yang berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti- aktiviti penyelenggaraan jalan dan
3. apa-apa jua perbelanjaan lain yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

Kumpulan wang ini akan dikendalikan mengikut peraturan di bawah akta acara kewangan 1997.

Meru menambah soalan tentang prosedur bagaimana prosedur pelaksanaan sistem maklumat rekod jalan raya kerajaan atau MARRIS ini. Dia ada 6 'step' yang terlibat, yang pertama YB Meru, sistem MARRIS itu ialah melalui 'online'. Jadi kita boleh terus pergi kepada sistem 'online' dan lepas itu kita punya pusat tanggungjawab, pusat tanggungjawab akan mendaftarkan jalan-jalan baru ataupun jalan-jalan yang dinaiktarafkan untuk diadakan satu rekod. Yang ketiga, kita lepas tu mendapatkan perakuan daripada JKR negeri dan JKR negeri akan menghantar kepada JKR Persekutuan untuk semakan akhir dan peruntukan akan disalurkan kepada Perbendaharaan dan Perbendaharaan akan menyalurkan kepada negeri-negeri. Jadi untuk yang di Klang sebagaimana yang Meru hendak mengetahui jumlah peruntukan MARRIS yang diperuntukkan kepada Majlis Perbandaran Klang bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM7.5 juta. Dan untuk makluman Yang Berhormat Meru, peruntukan geran MARRIS hanya disalurkan kepada Jabatan Kerja Raya serta Pihak Berkuasa Tempatan sahaja. Ianya tidak disalurkan mengikut kawasan-kawasan Dewan Negeri.

TUAN SPEAKER : Sg. Panjang.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Tuan Speaker, Soalan 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR B. TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SUNGAI KELANG

27. Difahamkan keseluruhan pembangunan Sungai Kelang menelan belanja RM 6 bilion.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah nama syarikat-syarikat yang terlibat?
- b) Dari manakah syarikat terbabit mendapat sumber kewangan bagi membuat kajian awal?
- c) Bagaimanakah syarikat terbabit akan meneruskan projek ini tanpa peruntukan kerajaan negeri?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat dari Sg. Panjang. Mengemukakan soalan mengenai status pembangunan Sungai Klang. Status pembangunan Sungai Klang pada awalnya kita sudah mengundang mereka untuk memberi, menghantar cadangan '*Business Proposal*' dan kita ada menerima daripada 12 mereka yang mengemukakan dan kita sudah mengumumkan yang kita memilih 3 syarikat iaitu DSS Makro Sdn. Bhd., TJA Engineering Sdn. Bhd., dan Konsortium Weset Water I Bhd. untuk kita bincang tentang penempatan pembangunan di Sungai Klang. Bagaimanapun perkara ini terpaksa kita lihat semula kerana kita dalam perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan kita dapati, untuk pengetahuan Dewan, Sungai Klang itu satu pertiga awalnya adalah dalam kawasan negeri Selangor, dan satu pertiga lagi dalam kawasan Bandar Raya Kuala Lumpur. Selepas itu dari Petaling ke Klang adalah dalam kawasan kerajaan negeri. Jadi Kerajaan Persekutuan, '*Greater Kuala Lumpur Klang Valley*' ini, menerima bahawa pembangunan Sungai Klang ini adalah sebahagian daripada seluruh '*Greater KL*' dan '*Klang Valley*'. Mereka meminta untuk kita mencantumkan program untuk Sungai Klang ini dengan program untuk pembangunan Sungai Klang dalam Bandar raya Kuala Lumpur. Kita menerima cadangan tersebut sebab kita fikir, kalau pembangunan kita buat di hulu sungai lepas itu tidak mengambil kira pembangunan yang dibuat di Kuala Lumpur dan pembangunan Kuala Lumpur tidak mengambil kira pembangunan sungai kita daripada Shah Alam ataupun Petaling ke laut, maknanya kita tidak membuat satu pembangunan yang menyeluruh. Oleh sebab itu kita memberikan maklumat apa yang kita lakukan dan kita sedia menerima maklumat yang dari Kuala Lumpur. Maknanya, rancangan pembangunan Sungai Klang di Kuala Lumpur, kita cantumkan dan kita berharap perkara ini diselesaikan sebelum hujung tahun ini supaya program kita, kita dapat laksanakan.

Sumber kewangan yang kita bincangkan ini adalah melalui *private funding initiative* seperti yang dibuat dalam rancangan pembangunan *greater* Kuala Lumpur dan *Klang Valley* dan kita masih berbincang tentang perkara tersebut. Tetapi saya dapati ada juga cadangan mereka yang kita sama ada nak terima atau tidak, dia boleh gunakan satu daripada cadangannya iaitu menggunakan Sungai Klang itu, dengan *reserve* Sungai Klang itu sebagai satu tempat untuk menyediakan *transport system* dari Klang ke Hulu Klang. Maknanya, mereka hendak gunakan tempat itu untuk menjadikan *rail transport*. Saya belum lihat, Kerajaan Negeri hendak melihat cadangan itu secara terbuka dahulu, sama ada hendak setuju atau tidak tetapi mereka hendak menambah beberapa cadangan lagi untuk menggunakan Sungai Klang itu sebagai tempat untuk menyelesaikan masalah pengangkutan di negeri Selangor. Oleh itu, buat masa ini Kerajaan Negeri belum bersetuju ataupun belum membuat keputusan tentang pemikiran yang dibuat oleh perancang-perancang daripada pihak Persekutuan. Bagaimanapun, saya cadangkan kita mesti melihat cadangan-cadangan mereka secara terbuka supaya kita dapat menghasilkan pembangunan Sungai Klang secara menyeluruh.

YB TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Bharu

YB TUAN WONG KOON MUN : Tuan Speaker soalan 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : RASUAH PASIR

28. Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersetuju menubuhkan pasukan petugas khas menangani masalah rasuah pasir.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Bagaimanakah prestasi pasukan khas tersebut?
- b) Nyatakan statistik aduan dan tangkapan berhubung masalah rasuah pasir mengikut daerah?
- c) Apakah pendekatan yang akan diguna untuk membanteras kegiatan kecurian dengan berkesan?

YB TUAN IR MUTHIAH A/L MARIA PILLAY : Tuan Speaker bagi menjawab Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu Kerajaan Negeri di bawah Kumpulan Semesta yang kita rasa telus bersedia untuk membawa Suruhanjaya Pencegah Rasuah SPRM sama-sama dalam operasi untuk mencegah rasuah. Setakat ini tiada kes-kes rasuah berlaku dalam Kumpulan Semesta.

Soalan ke-2, nyatakan tangkapan berhubung masalah rasuah pasir? Juga tiada statistik berkaitan rasuah pasir Cuma di sini ingin saya maklumkan bahawa statistik tangkapan-tangkapan yang dibuat oleh pihak berkuasa negeri. Tangkapan tersebut telah dilakukan sekitar bulan Januari hingga Oktober 2010 di beberapa lokasi *hot spot* yang dikenal pasti menjadi tumpuan penyangak pasir. *Hot spot* tersebut menjadi tumpuan penyangak pencuri pasir kerana kualiti pasir, permintaan pasir yang tinggi di pasaran pada masa kini. Pecahan tangkapan mengikut daerah adalah seperti berikut :-

1) Pejabat Tanah Sepang	- 28
2) Pejabat Tanah Hulu Langat	- 24
3) Pejabat Tanah Kuala Langat	- 20
4) Pejabat Tanah Hulu Selangor	- 10
5) Pejabat Tanah Gombak	- 10
6) Pejabat Tanah Kuala Selangor	- 2
7) Pejabat Tanah dan Galian Selangor	- 2

Jumlah : 96

Maklumat yang direkodkan bagi barang rampasan atau sitaan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor sehingga 26 Oktober 2010 adalah seperti berikut:

1) Pejabat Tanah Kuala Langat	:	Eskavator- 7, Lori – 4
2) Pejabat Tanah Gombak	:	Eskavator -3. Lori – 1

- | | | |
|----------------------------------|---|--------------------------|
| 3) Pejabat Tanah Sepang | : | Eskavator – 2, Lori – 30 |
| 4) Pejabat Tanah Hulu Langat | : | Eskavator – 2, Lori – 14 |
| 5) Pejabat Tanah Hulu Selangor | : | Eskavator – 1, Lori – 4 |
| 6) Pejabat Tanah Galian Selangor | : | Lori – 3 |
| 7) Pejabat Tanah Kuala Selangor | : | Lori – 1 |

Jumlah : Eskavator : 15, Lori – 57, Lori Hantu – 1

Bagi soalan ke-3 apakah pendekatan yang digunakan bagi membanteras kegiatan kecurian pasir yang berkesan?

Langkah-langkah tersebut adalah :-

- 1) Mengadakan operasi statik di lokasi yang disyaki berlakunya kecurian pasir.
- 2) Mengeluarkan notis 7A bagi pemilik tanah memulihkan tanah mengikut syarat nyata tanah yang dikenakan. Sekiranya gagal dipulihkan notis 7B dikeluarkan untuk mendapatkan penjelasan kegagalan pemilik tanah mengambil tindakan pemulihan dan jika penjelasan yang diberikan tidak dapat diterima notis 8A akan dikeluarkan dan tanah mereka akan dirampas.
- 3) Menubuhkan jawatankuasa teknikal pemantauan dan penyelarasan permit bahan batuan bagi mempercepatkan penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan pasir dan pertimbangkan unit penguatkuasaan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan diketuai oleh Pengarah Tanah dan Galian, Pentadbir Tanah, Jabatan-jabatan Teknikal dan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.
- 4) Mengadakan rondaan atau pemantauan secara berkala di kawasan yang disyaki berlakunya aktiviti mengorek pasir secara tidak sah dan petugas-petugas khas pemantauan permit pasir yang berfungsi memantau dari aspek teknikal terhadap keakuran pemegang permit ataupun kontraktor dalam menjaga aktiviti pengeluaran pasir dalam syarat-syarat yang dikehendaki jabatan teknikal yang berkenaan di pejabat tanah. Terima kasih.

YB TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : PENYERAPAN INSTITUT KEMAHIRAN YAYASAN SELANGOR (IKYS)
DALAM KOLEJ INPENS**

29. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan rasional Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) diserapkan ke dalam Kolej INPENS. Berapakah jumlah penuntut yang terlibat dan apakah jaminan kebajikan para penuntut IKYS akan dipelihara.

YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI : *Assalamualaikum dan selamat sejahtera.* Terima kasih kepada Bukit Antarabangsa. Rasional IKYS diserapkan ke dalam INPENS adalah kerana program kedua-dua institusi kemahiran ini menawarkan program kemahiran yang sama,. Kelengkapan peralatan dan bahan pembelajaran lengkap dan struktur premis yang lebih strategik dan praktikal sebagai pusat pengajian di INSPENS berbanding dengan IKYS di Bagan Terap Sabak Bernam dan jumlah penuntut yang terlibat ialah :-

IKYS – Premis boleh menampung bilangan pelajar untuk 1 sesi pengambilan adalah seramai maksimum 75 orang pelajar sahaja.

INPENS – Premis boleh menampung bilangan pelajar untuk 1 sesi pengambilan seramai 500 orang pelajar.

Jumlah semasa pelajar IKYS ke INPENS Bagi Sesi Julai 2010 :-

- 1) Untuk Kursus Penyaman Udara adalah seramai 6 orang dan ;
- 2) Pendawai Elektrik (PW2) – 39 orang.

Maknanya 45 orang penuntut di IKYS yang terlibat dalam pemindahan ke INPENS. Jaminan kebajikan para penuntut IKYS akan dipelihara :

- 1) Penginapan
- 2) Aktiviti Pelajar
- 3) Pinjaman Pendahuluan
- 4) Peluang Pekerjaan

Program kemahiran yang sama, IKYS memiliki 2 jenis kursus iaitu Kursus Penyaman Udara, Kursus Pendawai Elektrik. Di INPENS, INPENS mempunyai 10 jenis kursus :-

- 1) Kursus Penyaman Udara
- 2) Kursus Elektrik (yang ini yang sama dengan IKYS)
- 3) Kursus Mekanik Kenderaan Motor
- 4) Kursus Mekanik Motosikal
- 5) Kursus Elektronik Industri
- 6) Kursus Dandan Rambut
- 7) Kursus Jurukecantikan
- 8) Kursus Pembuat Pakaian Wanita
- 9) Kursus Pelukis Pelan
- 10) Kursus Penyelenggaraan Sistem Komputer

Yang ke-2, yang saya sebutkan tadi pada kelengkapan peralatan dan bahan pembelajaran. IKYS menyewa peralatan untuk kursus Penyaman Udara dari kontraktor lain. INPENS, bahan pembelajaran bagi semua kursus adalah lengkap dan tidak terikat dengan pihak kontraktor lain, maknanya dah ada dalam INPENS. Bagi premis pula, lokasi premis IKYS terletak di kawasan pendalaman dan struktur premis banyak yang tidak digunakan kerana ketidaksesuaian sebagai pusat pengajian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga sebenarnya premis yang diguna oleh IKYS ini adalah satu warisan gajah putih oleh kerajaan yang terdahulu bukan dibina untuk

tujuan pusat latihan kemahiran. Yang kedua INPENS ini struktur premis lebih strategik dan praktikal kerana ianya dibina sebagai pusat pengajian. Memang dibina untuk tujuan itu. Jadi seperti yang saya jumlahkan tadi jumlah penuntut kita telah sebut bukan seperti yang di gambar gemburkan seolahnya beribu-ribu orang yang terlibat hanya 45 orang sahaja yang terlibat di dalam perpindahan dan jaminan kebajikan para penuntut IKYS akan dipelihara, yuran penginapan pelajar IKYS adalah RM 50 sebulan berbeza dengan yuran penginapan pelajar INPENS iaitu RM 100 sebulan. Pinjaman pendahuluan, INPENS mendahulukan wang saku kepada pelajar untuk bulan Julai sebanyak RM 50, bulan Ogos sebanyak RM 50 dan bulan September sebanyak RM 100 sebelum pinjaman pelajaran mereka diluluskan. Mereka pasal apa ini wang saku itu tidak perlu risau. Aktiviti pelajar pula, pelajar turut dimestikan terlibat untuk semua aktiviti di INSPENS bukanlah pelajar IKYS ini dianaktirikan tetapi mereka juga mengikuti Jamuan Berbuka Puasa, Jamuan Hari Raya dan aktiviti pelajar akan datang seperti Hari Kegemilangan Pelajar pada tahun Disember 2010 ini, dan peluang pekerjaan, pelajar akan dibantu untuk mendapatkan peluang pekerjaan sama seperti pelajar di INSPENS. Jadi dia seperti belajar di INPENS tidak ada mereka ini tiba-tiba masuk di INPENS mereka tidak mempunyai tidak mendapat kebajikan kerana baru masuk. Sekian.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Soalan tambahan.

YB TUAN SPEAKER : Masa pertanyaan sudah tamat.

III. USUL

Usul No. 9 Tahun 2010 di bawah Peraturan Tetap 17 (2) oleh Yang Berhormat Rawang

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul nombor 9 tahun 2010. Usul di Bawah Peraturan Tetap 17(2) oleh Yang Berhormat Rawang.

YB TUAN SPEAKER : Sila Rawang

YB PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian bahawasanya dewan yang mulia ini membahaskan satu perkara tertentu berkepentingan orang ramai yang perlu disegerakan iaitu mengutuk sekeras-kerasnya terhadap tindakan biadab dan tidak bertamadun yang dilakukan oleh sekumpulan samseng-samseng UMNO yang telah memukul dan menyerang serta mencederakan Yang Berhormat Tuan Ng Suee Lim, Ahli Dewan Negeri Selangor, kawasan Sekinchan pada 4 November 2010, Khamis lalu jam lebih kurang pukul 11.00 pagi. Insiden tersebut adalah diketuai oleh Setiausaha Politik kepada YB Menteri Pertanian, Dato' Seri Noh Omar iaitu Dato' Haji Shafiee bin Asmawi. Menurut kenyataan Menteri Pertanian bahawa serangan itu dilakukan adalah kerana YB Ahli Dewan Negeri Selangor, kawasan Sekinchan telah memasuki kawasan YB Menteri Pertanian di kunci air Baung, kampung Sawah sempadan Parlimen Tanjung Karang. Dengan ini juga, dengan ini juga, Dewan dengan ini juga mengutuk pihak PDRM yang gagal menjalankan tugas dengan profesional semasa insiden tersebut berlaku walaupun terdapat lebih daripada tiga (3) orang anggota Polis beruniform berada di situ tetapi mereka hanya bertindak sebagai pemerhati sahaja. Memandangkan YB Tuan Ng Suee Lim merupakan seorang wakil rakyat negeri Selangor yang dipilih oleh rakyat, maka usul ini adalah menepati perkara tertentu berkehendak disegerakan dan berkenaan kepentingan orang ramai. Sehubungan dengan itu, saya meminta usul ini diterima untuk dibahaskan dan diluluskan dalam sidang Dewan pada hari ini.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya telah menerima dan mempertimbangkan usul menangguhkan Dewan di bawah Peraturan Tetap 17 (2), Peraturan-peraturan Tetap Dewan daripada YB Rawang. Saya berpuas hati bahawa usul tersebut menepati tiga (3) syarat yang diperuntukkan di dalam Peraturan Tetap, Peraturan 17 (1), Peraturan-peraturan Tetap Dewan iaitu ia adalah satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Oleh yang demikian, menurut Peraturan 17 (3), Peraturan-peraturan Tetap Dewan, saya dengan ini menempohkan Usul ini sehingga pukul 2.30 petang hari ini.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2011/2010.

IV. RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Perbekalan (2011) 2010

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Sungai Panjang.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Terima kasih, Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam satu Malaysia. Terlebih dahulu, terima kasih kerana memberi laluan kepada Sungai Panjang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang yang bertajuk Suatu Enakmen Bagi Penggunaan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2011 dan peruntukan wang itu bagi perkhidmatan pada tahun tersebut yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Seri Menteri Besar semalam. Terlebih dahulu, saya nak ucapkan tahniahlah kepada Bukit Antarabangsa yang saya yakin dan percaya akan menjawat jawatan Timbalan Presiden Parti PKR. Yang keduanya, takziah Speaker, takziah kepada Pakatan kerana telah kalah di Galas dan kalah di Batu Sapi.

Tuan Speaker dan sidang Dewan sekalian, Sungai Panjang ingin mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Menteri Besar yang membentangkan satu belanjawan yang berimbang dengan anggaran pendapatan RM1,430,000,000.00. Y.A.B. dengan bangganya mengisytiharkan bahawa belanjawan kali ini merupakan belanjawan berimbang yang merupakan kesinambungan kepada belanjawan negeri pada tahun 2009 dan 2010. Sebenarnya tidak wujud belanjawan berimbang seperti yang didakwa oleh Y.A.B. Menteri Besar pada tahun 2009 dan 2010. Telah dua (2) tahun berturut-turut, Selangor mengalami belanjawan defisit, biarpun semasa pembentangannya menunjukkan ia merupakan belanjawan yang berimbang. Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri membentangkan satu belanjawan berimbang dengan jumlah RM1,400,000,000.00. Namun, dalam sidang Dewan Negeri, penggal kedua dan ketiga tahun 2009, Kerajaan Negeri telah membentangkan belanjawan tambahan sebanyak dua (2) kali yang kesemuanya berjumlah RM578,445,000.00. Justeru, keseluruhan belanjawan 2009 ialah RM1,978,440,168.68. Kerajaan Negeri bernasib baik, apabila berlaku pertambahan dalam pendapatan Negeri dan juga atas silap mata *round tripping*, hutang Talam. Maka, pada akaun akhir tahun 2009, Kerajaan mengalami defisit sejumlah RM65.9 juta, jika tidak defisit ini akan lebih tinggi. Bila saya dengar penerangan daripada Ijok tadi, sebenarnya pengambilalihan hutang Talam ini berlaku sebelum, sebelum lagi, sebelum lagi Pakatan Rakyat memimpin. Yang ini boleh disahkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri pada ketika itu. *Trend* ini sangat membimbangkan kerana Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional telah berjaya mewujudkan belanjawan berimbang dan mempunyai lebihan atau dengan izin, *surplus* dalam akaun Kerajaan sejak 2006. Pada 2006, akaun Kerajaan Negeri mempunyai lebihan sebanyak

RM72.5 juta. Ia kemudiannya meningkat kepada RM131.8 juta pada tahun 2007. Namun, pada tahun 2008, transisi pentadbiran negeri daripada Barisan Nasional kepada Pakatan, akaun Kerajaan Negeri mempunyai lebihan yang berkurangan kepada hanya RM49 juta. RM131 juta, dapat tak sampai sembilan (9) bulan, tinggal *surplus* RM49 juta. Akhirnya, pada tahun 2009, akaun Kerajaan Negeri mengalami defisit sebanyak RM65.96 juta, hampir-hampir sama pula hutang Ijok kepada Bank Simpanan yang dalam perbicaraan. Apabila belanjawan 2010 dibentangkan dan dalam Dewan, dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, pada 2009 dengan anggaran pendapatan dan perbelanjaan berjumlah RM1,300 juta, saya menyatakan bahawa ia belanjawan realistik. Namun, saya turut mengingatkan bahawa keadaan yang sama dilakukan dalam belanjawan 2009 tetapi akhirnya lain yang berlaku, peruntukan tambahan demi peruntukan tambahan diminta. Ketika itu, Bukit Antarabangsa, dah pergi minum dah..... dengan pantas menyanggah saya dalam satu portal berita internet yang saya petik, kata Hulu Klang, dengan izin, Tuan Speaker, "*We do not spend more than what we have. We get RM1.3 billion, we spend RM1.3 billion.*" Namun, kita semua tahu, apa yang Bukit Antarabangsa pertahankan itu akhirnya beliau sendiri terpaksa menelannya kembali.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Ketika saya digantung, Dewan ini telah membentangkan dua (2) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2010. Dalam Dewan pada bulan April lalu, peruntukan tambahan sejumlah RM69 juta dipohon untuk diluluskan. Pada bulan Julai pula, satu (1) lagi Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2010 dibentangkan dan permohonan RM117 juta diluluskan. Kini, dalam sidang November ini, satu (1) lagi peruntukan tambahan dipohon dengan jumlah RM8 juta. Keseluruhan belanjawan tambahan tahun ini ialah RM124 juta. Tak pernah dalam sejarah, tiga (3), tiga (3) Dewan, *sitting*, kita kena luluskan perbelanjaan tambahan Perbekalan. Jadi, keseluruhan belanjawan 2010 ialah RM1,494 juta atau secara ringkasnya, ia mengalami defisit RM194 juta. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, menurut anggaran Kerajaan Negeri dijangka mampu meningkatkan pendapatan sehingga RM1,350 juta. Namun, hingga 30 September 2010, Kerajaan Negeri hanya mampu memungut RM1,034 juta, berkurangan daripada *target* RM1,300 juta. Tuan Speaker, jika keadaan ini berlarutan dan Kerajaan gagal memungut RM1,350 juta, bererti Kerajaan akan mengalami defisit lebih daripada RM144 juta.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Pada tahun 2009, defisit RM65.98 juta, 2010, paling sikit pun RM144 juta, bererti *reserved* negeri Selangor telah digunakan hampir RM210 juta dan defisit pada tahun.....kita tidak tahu apa yang berlaku pada tahun 2011, 2012, 2013. Jika *trend* defisit terus berlaku, saya bimbang negeri Selangor akan termasuk dalam, dengan izin, dikatakan *pig countries*. Bukannya fasal isu babi bila Pakatan Rakyat memerintah tapi *pig countries* ini lagi bahaya Tuan Speaker. Ha, ini yang berlaku, *pig countries* bererti Portugal, Ireland, Greeceland, Sepanyol, negara *bankrupt*. Malaysia tidak *bankrupt*. Selangor *bankrupt*, ini jelas, jangan nafikan. Ini jelas, pandangan dan fakta-fakta yang dapat daripada Audit Negara ya. Kita tak mahu Selangor jadi seperti Portugal, Ireland, Greece dan Sepanyol (PIGS). Janganlah isu babi ini akan mengerak, terus meranapkan ekonomi negeri Selangor dan akhirnya kita digelar negeri *bankrupt* sebelum Pilihanraya yang akan datang. Saya pun hairan, Menteri Besar mengatakan pembaikan dibuat ke atas pentadbiran, tetapi saya lihat belanja mengurus pada tahun 2010 meningkat 16%. Kalau dulu bajet berimbang diperkenalkan oleh Barisan Nasional, jumlah yang diluluskan untuk mengurus sama jumlah yang diluluskan untuk pembangunan. Umpamanya, RM1.3 bilion, RM650 juta untuk mengurus, RM650 juta untuk pembangunan. Bajet baru-baru ini diluluskan, RM830 juta untuk mengurus, RM600 juta untuk pembangunan. Ini bererti, Kerajaan Negeri telah gagal mengurus pentadbiran dengan cekap dan yang dilaung-laungkan 'kompeten, akauntabiliti dan *transparent*' itu hanyalah retorik politik. Apakah makna belanjawan 2011? Ia tidak lebih dari belanjawan

angan-angan politik semata-mata di bawah slogan dulunya 'Merakyatkan Ekonomi Selangor', sekarang ini 'Hasil Negeri Untuk Rakyat'.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Berbanding Kerajaan Negeri Selangor, tampaknya Kerajaan Persekutuan di bawah kepimpinan Y.A.B. Dato' Seri Najib Tun Razak, lebih jujur dan ikhlas dalam membentangkan belanjawan 2011. Beliau tidak segan silu membentangkan belanjawan defisit, biarpun tahu akan menjadi mangsa kritikan dan hentaman pembangkang. Dalam pembentangan bajet Negara di Dewan Rakyat baru-baru ini, ramai daripada Pakatan yang mengkritik bajet defisit Kerajaan Persekutuan sebanyak 5.1%. Saya nak tengoklah, orang yang kritik *Federal Government* defisit 5.1%, berani tak kritik Kerajaan Negeri Selangor yang defisit lebih 10%. 10% bukannya sikit. Ini tidak dapat dielakkan kerana tanpa perlu melaungkan slogan 'Merakyatkan Ekonomi Negara', Kerajaan Persekutuan memberi subsidi begitu banyak kepada rakyat sama ada dari segi bantuan kepada rakyat miskin, biasiswa, subsidi petrol dan gas, subsidi petani dan nelayan, subsidi gula, geran pendidikan, perniagaan dan lain-lain. Pada tahun lalu sahaja, Kerajaan membelanjakan hampir RM75 bilion untuk pelbagai jenis subsidi, geran dan peruntukan sosial. Siapakah sebenarnya yang merakyatkan ekonomi? Kerajaan Persekutuan juga perlu membelanjakan banyak wang untuk menjana pembangunan negara dan meningkatkan infrastruktur luar bandar, termasuk di negeri-negeri yang ditadbir oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Namun, Kerajaan Persekutuan yang dipimpin Dato' Seri Najib Tun Razak tidak bersikap hipokrit seperti Kerajaan Negeri Selangor. Anggaran dan perancangan bajet yang dibuat berasaskan keperluan dan angka-angka yang realistik. Justeru, biarpun tahu akan menelan kritikan, hentaman, Kerajaan Persekutuan tetap membentangkan satu (1) bajet yang defisit. Inilah bentuk Kerajaan yang diperlukan oleh rakyat. Kerajaan yang jujur, membentangkan anggaran bajet, biarpun nampak tidak cantik. Sebaliknya Kerajaan Negeri membentangkan satu (1) belanjawan yang berimbang, agar nampak cantik, indah dari segi politik tetapi setiap sidang Dewan, Kerajaan Negeri akan meminta belanjawan tambahan.

Puan Speaker,

Sg. Panjang juga mengucapkan terima kasih, kepada Kerajaan Persekutuan yang memperuntukkan sejumlah lebih RM563 juta kepada Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2009. Pada tahun 2010 sahaja sebanyak RM480 juta telah disalurkan sehingga 30 September 2010. Tanpa peruntukan persekutuan ini, pasti deposit Kerajaan Negeri akan bertambah banyak. Biarpun peruntukan ini diberi mengikut lunas undang-undang dan hubungan persekutuan Kerajaan Negeri jadilah seperti budaya Melayu "orang berbudi kita berbahasa, janganlah amalkan sikap seperti dedalu api hinggap ke pohon kayu". Ada juga ucapan-ucapan pemimpin Pakatan yang mendakwa sumbangan Persekutuan kepada Selangor sedikit, berbanding sumbangan Selangor kepada Persekutuan. Terlebih dahulu perlulah dimaklumkan, jumlah yang diterima oleh kerajaan hari ini tidak lebih daripada sebelumnya, malah saya lihat peruntukan yang diterima oleh Pakatan Rakyat lebih besar daripada BN dahulu.

Saya ambil contoh ye, dalam laporan Audit Negara, peruntukan MARRIS yang paling senang kita nilai. 2006 Negeri Selangor dapat RM174 juta, 2007 dapat RM249 juta, 2008 dapat RM328 juta, 2009 RM315 juta. Semalam Yang Amat Berhormat Ijok mengatakan bahawa peruntukan RM6 juta untuk Sekolah Agama Rakyat, dia mengatakan *Federal* tak bagi apa-apa. Saya nak bagi tahu ye, bantuan per kapita persekutuan kepada tiap-tiap pelajar agama rakyat berjumlah RM60 satu kepala. Ia melibatkan 4,000 orang guru, 48,000 orang murid berjumlah RM18 juta. Bagi RM6 juta dahlah tak ikhlas, kutuk orang tak bagi, tapi sebenarnya ini kenyataannya. 30% daripada RM60 ini untuk pengurusan, 70% untuk bantuan pelajar. Jadi kalau ikhlas janganlah bandingkan dengan orang lain.

Memang benar kita mengaku Selangor juga menyumbang kepada Persekutuan, tetapi kalau Persekutuan tak buat banyak projek di Selangor itu pun dibuat masa BN, dua tahun tidak ada satu jalan *highway* pun dibina, itu masa BN dengan BN dahulu, sepatutnya Pakatan bersyukur dapat negeri yang dah maju, cuma nak tambah sana tambah sini tak ada masalah. Kita lihat kalau tanpa peruntukan Persekutuan jalan kereta api, jalan raya, pelabuhan, Lapangan Terbang, Putrajaya, Cyberjaya, universiti tempatan, saya lihat Selangor pun dalam keadaan mundur, Selangor harus mengakui jika untuk memajukan kawasan lain terlebih dahulu, maka belum tentu Selangor maju seperti hari ini. Apatah lagi ditadbir oleh mereka yang perasan pandai tetapi tidak tahu berbuat apa-apa untuk meningkatkan ekonomi Negeri Selangor.

YB TUAN LAU WENG SAN : minta laluan.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Dari semalam, Puan Speaker saya nak teruskan

YB TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker, minta penjelasan.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : dari semalam sampai hari ini, kita lihat Ijok asyik menyebut tentang kekukuhan ekonomi di pihak Kerajaan Persekutuan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Panjang.

YB TUAN LAU WENG SAN : Puan Speaker, Kg. Tungku ingin bertanya.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Panjang, Kg. Tunku, silakan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Puan Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Panjang, kalau tadi Sungai Panjang mengatakan bahawa peruntukan, ada peruntukan Persekutuan memang mendapat ataupun. Kita mengalu-alukannya tetapi, adakah Sungai Panjang merasa bernas atau betul, apabila Kerajaan Persekutuan menyalurkan wang daripada Kerajaan Persekutuan itu melalui ICU di mana mereka tidak mempunyai tenaga yang cukup untuk melaksanakannya, sedang di Pejabat Daerah dan juga di PBT kita mempunyai tenaga yang mencukupi untuk memantau dan melaksanakannya, adakah Yang Berhormat setuju dengan saya.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : yang saya sebut tadi Kg. Tunku MARRIS dijawab oleh Gombak Setia tadi dihantar ikut akaun Kerajaan Negeri, tak usah timbul masalah yang lain, peruntukan yang lain.....

YB TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat, saya menyebut tentang peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, membuat jalan, lapangan terbang dan segala kerja-kerja infrastruktur, maksud saya ialah adakah Yang Berhormat Sungai Panjang berpendapat betul atau tidak kalau wang itu dimasukkan terus kepada disalurkan kepada Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan untuk melaksanakannya daripada melalui ICU dan wang itu bila masuk ICU projek yang dibawanya terus masuk ICU juga, sakit semua.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : saya nak beritahu ye, 2009 Federal bagi RM563 juta itu terus kepada ekonomi, terus masuk akaun Kerajaan Negeri kalaulah kita nak katakan Selangor ini nak buat *highway* dengan ada JKR yang ada di Selangor ini tak cukup, sebab itulah kita ada projek daripada atas, yang Selangor buat Selangor punya, bajet Selangor

ini pun saya nak jelaskan, pada tahun lepas tak sampai 90% kejayaan bajet Negeri Selangor hanya 72% pencapaian. Sebelum ini 92%, Pakatan Rakyat perintah 72%, ini dalam Audit Negara, kalau kata Audit Negara menipu, pada siapa nak percayakan lagi. Sebab itu kalau kata Negeri Selangor mampu kenapa hanya 72%. Prestasi pembangunan yang dibuat dalam bajet Kerajaan Negeri Selangor. Kita kena terbuka hati Kampung Tunku, serahlah kepada kami, macam semalam dia kata, Ijok kata tiada peruntukan kepada Sekolah Agama Rakyat. Saya nak bagi tahu, Imam Negeri Selangor dilantik oleh *state*, Federal bayar, dua Imam, Imam tiga pula sepatutnya dibayar Kerajaan Negeri tak dibayar. Ini realiti, guru KAFA, kerajaan bertambah daripada RM450, RM500 kepada RM800, *state* hanya bayar RM300 lebih, kalau *state* kata betul nak tolong, Federal bagi RM800, *state* bagi RM800. miskin guru KAFA hari ini tetapi yang dicanangkan lain. Ini yang berlaku, serupa juga tadi, IKYS tutup di Sabak Bernam. Saya nak jelaskan, kita sepatutnya banyakkkan IKYS sebabnya Kerajaan Negeri, Ijok pernah berjanji dalam Dewan, mengatakan bahawa dia akan pastikan belia-belia mendapat pendapatan RM1,500.00, RM1,500.00 ke atas, sama ada sesuai tidak sesuai itu perkara yang kedua tetapi banyakkkan pusat latihan, banyakkkan latihan luar bandar, kalau luar bandar sebahagian pelajar tak payah duduk asrama, boleh berulang dari rumah, kos akan jatuh tetapi yang saya lihat, semalam benda yang sama disebut. INSPEN, Yayasan Selangor tak ada benda baru, tidak ada benda baru. Saya harap sangat kepada kerajaan *be for aggressive*. Saya ambil contoh pertanian umpamanya, terus terang saya katakan, laporan menunjukkan bahawa program uncang ataupun tukun tiruan mendapat, meningkat 30%, ini daripada Jabatan Perikanan tetapi tidak ada usaha untuk menambah uncang-uncang ini supaya nelayan tepi pantai mendapat pendapatan yang lebih. Padi, Kota Anggerik saya juga dapat laporan wisteria projek, hanya satu sahaja yang meningkat TASB 12, dapat 30% yang lain hanya meningkat 7.7 %. Ini kenyataan sebab itu kita kena fikir kalau kita sayangkan Selangor, nak majukan Selangor kita kena *compliment* apa yang Selangor nak buat itu o.k. jangan dituduh dan dikata tetapi kita kompelin, tambah lagi, tambah lagi yang mana tertinggal itu, itu tanggungjawab Kerajaan Negeri tetapi hari ini, kita berpolitik sehingga rakyat bercelaru fikiran dan akhirnya, tuan-tuan dan puan-puan, kita tidak dapat meningkatkan ekonomi Negeri Selangor.

Bajet deposit ini juga saya cukup bimbang hari ini, 5 PBT bajet deposit, MBSA deposit 2009 RM1.32 juta, MPK deposit 2009 RM2.42 juta, Selayang deposit RM7.68 juta, Sepang deposit RM1.7 juta, Hulu Selangor deposit RM3.6 juta. Ini trend yang amat bimbang., bukannya perkara main-main. Sebab itu saya katakan saya takut dalam *trick countries* tak mahu jadi Portugal, Iceland, Greece dan Sepanyol. Justeru itu janganlah dihasut dan diapi-apikan semangat kenegerian yang tidak tentu hujung pangkal sehingga menafikan sumbangan persekutuan Barisan Nasional kepada negeri Selangor.

Bumi mana yang tidak ditimpa hujan manusia mana yang tiada kelemahan atau justeru itu saya akui bahawa kerajaan yang lalu bukan sebuah kerajaan yang sempurna namun yang di sebelah sana sedarlah buat apa yang di kecapi rakyat Selangor hari ini termasuk pimpinan Pakatan hasil sumbangan persekutuan dan parti pemerintah Kerajaan Negeri terdahulu. Saya hanya mampu berdoa agar pimpinan hari ini tidak menjadi seperti monyet mendapat bunga atau sikudung mendapat cincin.

Puan Speaker,

Dalam pembentangan semalam, Ijok menegaskan empat strategi dalam Belanjawan 2011, sungguhpun diulas nampak cantik dan bergaya namun bila ditilik dan diteliti banyak retorik dari isi. Strategi yang pertama mengurus sumber negeri secara bijaksana sangat meragukan berdasarkan angka-angka yang telah saya nyatakan tadi melalui pengurusan belanjawan dan juga kewangan negeri. Ini disokong pula laporan Audit Negara 2009 yang baru diterbitkan

yang memberi beberapa tunjuk atau indikator yang sangat merisaukan kita, terutamanya membabitkan sumber negeri dan dewan yang mulia ini dua tahun lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar berjanji untuk meningkatkan kutipan hasil pasir kepada RM150 juta setahun. Setelah dua tahun Penubuhan Kumpulan Semester Sdn. Bhd. hasil yang diperoleh tidak seberapa, berbanding pemerkosaan tanah milik Kerajaan Negeri. Apabila teguran dan pandangan dibuat mengenai masalah pengurangan pasir ini, Kerajaan Negeri menyatakan mereka telah mengatasi isu curi pasir dan pendapatan Kerajaan Negeri dari hasil pasir meningkat jauh lebih tinggi daripada belanjawan, daripada kerajaan lalu, RM150 juta hutang duit, janji dalam Istana, saya ingat lagi, saya tak akan lupa suara Ijok ketika itu, mengatakan bahawa kerajaan BN rasuah pasir, sebab itu pendapatan sepatutnya RM150 juta hanya di *collated* pada ketika itu dikatakan RM21 juta pada ketika itu. Kerajaan negeri kena minta maaf bukan sahaja di depan Istana, dalam dewan ini kerana berbohong tentang projek pasir. Lalu dengan tidak segan silu hari ini mendakwa kerajaan lalu, gagal mendapatkan hasil pasir yang sepatutnya. Kerajaan negeri mereka mendakwa mereka lebih hebat daripada kerajaan lalu dan ada juga membuat komentar kononnya kerajaan lalu bersubahat dengan pencuri pasir. Faktor tidak pernah berani diakui oleh Kerajaan Negeri ialah kerajaan Selangor Barisan Nasional telah menghentikan sebarang pengeluaran pasir atas tanah kerajaan sejak 2005 lagi. Kerajaan juga membenarkan pasir dibawa masuk dari negeri lain, demi menjaga muka bumi Selangor ini agar suatu hari ini nanti rakyat Selangor tidak terpaksa tinggal di dalam kawah-kawah lombong pasir.

Saya percaya jika kerajaan lalu memberi permit yang begitu intensif seperti hari ini untuk penamaan atas tanah milik kerajaan nescaya pendapatan pasir ini lebih besar daripada pendapatan kerajaan negeri hari ini. Aneh tiada pula badan-badan bukan NGO yang memperjuangkan alam sekitar memekik dan melolong, mendesak Kerajaan Negeri menarik balik permit pengeluaran pasir hari ini, agaknya kerana Bukit Lanjan di dalam kerajaan hari ini semuanya yang dulu kononnya berjuang alam sekitar sehingga menebang pokok untuk buat rumah dan jalan pun tidak boleh, sekarang hanya memejam sebelah mata terhadap pendedahan Utusan Malaysia beberapa bulan lalu terhadap kawah-kawah besar di atas muka bumi Selangor. Hari ini juga ada lagi penafian, dalam Audit ini rumah nak runtuh, saya setuju dengan Kajang, Jambatan nak runtuh, jalan nak runtuh, gambar siap sekali, tetapi hanya jawab itu kerajaan dahulu. Takkan dua tahun dah, kerajaan dulu lagi. Apakah tindakan yang akan dilakukan. NGO-NGO ini seperti tikus di dalam jelapang padi. Bumi Selangor diperkosa untuk hasil tak sampai RM10 juta setahun, sudah papa kedanakah negeri Selangor sejak dua tahun kebelakangan ini dan Selangor tak pernah sebelum ini menggunakan duit pasir sebagai hasil negeri. Kita menganggap itu sebagai hasil sampingan. Kita melihat hasil yang lain yang perlu kita gembelingkan untuk meningkatkan hasil negeri. Laporan Audit mengenai hasil pasir juga amat menakutkan. Menurut Laporan Audit Negara kewujudan Kumpulan Semester Sdn. Bhd. tidak mencapai matlamat. Hasil pasir Selangor pada tahun 2009 hanya RM4.62 juta, ini semua dalam ini ye, saya tak tahulah MB dapat dari mana, tapi saya ambil dari sini. Itu sangat mengejutkan memandangkan kawasan-kawasan teroka begitu besar.

Sejak awal tahun ini kami dipihak pembangkang telah membangkitkan banyak isu mengenai pasir dan KSSB ini termasuk jumlah kutipan royalti yang tidak setimpal dengan keluaran tanah kerajaan yang dirosakkan dan keluasan tanah kerajaan yang dirosakkan. Bila dicuit KSSB, saya pun hairan kerana bukannya Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau EXCO yang terbabit melatah tetapi Seri Muda pula tiba-tiba melatah, macam ada yang tak kena aje Seri Muda dengan KSSB ini.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : Puan Speaker, ini niat jahat ni.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Puan Speaker, beberapa hari lepas keluarnya laporan Audit.....

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Panjang Seri Muda nak minta laluan. Silakan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : Terima kasih banyak-banyak, Sungai Panjang. Saya sebenarnya tidak mahu terlibat di dalam perbahasan ini nak bagi ruang kepada Sungai Panjang meluahkan rasa hati sebab dah dua tahun, setahun lebih digantung tetapi tuduhan yang mengatakan itu, ada sesuatu yang tidak kena ke apa ke, itu satu tuduhan yang jahat. Dalam dewan kalau betul bagi fakta jangan cakap saja. Saya nak bagi tahu dahulu Sungai Panjang, waktu jadi Menteri Besar lapan tahun, apa yang Sungai Panjang buat. Jadi jangan nak tuduh dah dibagi peluang dah dibagi ruang sebagai Menteri Besar buatlah dulu.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Ikut peraturan dewan nak jelaskan ke nak bahas. Peraturan 36 untuk guna untuk memberi penjelasan bukan bahas.....

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : Saya belum habis lagi

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Puan Speaker, saya nak teruskan

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : bagilah saya ruang nak bercakap, jawablah dulu

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Saya nak teruskan kalau nak beri penjelasan, ikut Peraturan 36

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : jawablah dulu

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Saya akan jawab, duduk...duduk.....

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : jadi jangan nak main tuduh saja.....

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : duduk, duduk. Itu buktinya kalau siapa makan nangka dia kena getah.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : ini satu lagi

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Beberapa hari lepas laporan Audit telah menjelaskan hasil pasir negeri beliau mendakwa hasil pasir 2009 ialah RM13.7 juta dan pada tahun ini sehingga Jun 2010 ialah RM15 juta. Berdasarkan sikap tingkah laku Kerajaan Negeri yang sering memberi kenyataan yang mengelirukan. Saya lebih mempercayai Laporan Audit apatah laporan tersebut dihantar oleh Kerajaan Negeri sendiri. Apa yang berlaku dalam kenyataan beberapa hari lalu ialah tindakan menyelamatkan diri. Sebenarnya angka yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Amat Menteri Besar minggu lalu bukanlah sesuatu yang luar biasa. Berdasarkan keluasan dan kerajinan penguasa pasir sejak 2009 hingga sekarang dan bukti fizikal kawah muka bumi seperti di bulan berada di Selangor jumlah sebenarnya mungkin jauh lebih besar daripada 13 juta dan 15 juta tersebut. Namun mengapa dengan tiba-tiba sahaja akaun hasil pasir berjumlah 4.62 juta 2009 boleh menjadi 13.6 juta. Mengikut maklumat pengusaha pasir ini perlu membayar dahulu sebelum dikeluarkan doket jadi bagaimanakah Kerajaan Negeri Selangor mengatakan ia merupakan pembayaran lewat pada 2009. Adakah, ada penguasa tertentu mendapat doket dan permit

tanpa membayar dahulu jika benar mengapa ini berlaku. Satu lagi kemungkinan ialah wang sebanyak RM9.14 juta yang tidak dikesan oleh Audit Negara merupakan wang yang berada dalam KSSB. Nampaknya gayanya syarikat orang tengah mendapat lebih berbanding tuan punya tanah. Ini diakui sendiri dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam.

Puan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian,

Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga berjanji akan membaik pulih semua tanah kerajaan yang telah dilombong pasirnya. Sehingga hari ini kita belum mendengar sebarang langkah pemulihan dirangka dan diumumkan. Dalam belanjawan 2011 juga tiada sebarang peruntukan khusus bagi membaik pulih tanah-tanah bekas tapak perlombongan pasir ini. Ini yang dikatakan strategi mengurus sumber negeri yang berkesan, berkesan untuk siapa. Alangkah anehnya ketika beliau membuat kesimpulan bahawa pentadbiran beliau telus dan berazam untuk membetulkan kesilapan-kesilapan perkara lalu apa yang menjadi realiti ialah pentadbiran beliau bukan sahaja tidak terurus malah cemerlap dan gagal memberi maklumat yang tepat kepada Audit Negara. Mungkin Yang Amat Menteri Besar perlu jelaskan berapa banyak permit lombong pasir atas tanah Kerajaan Negeri yang dikeluarkan pada tahun 2006 dan 2007 berbanding 2008 dan 2009 barulah boleh dibuat perbandingan yang jelas kecekapan Kerajaan Negeri, tanah-tanah milik negeri dilombong sesuka hati sekarang ini, sedang Barisan dahulu lagi kita tidak mengeluarkan permit melombong atas tanah kerajaan.

Puan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian,

Walau apa pun cakap-cakap politik, pihak sebelah sana angka-angka menunjuk Pakatan mengambil Kerajaan Negeri ketika kedudukan kewangan yang sangat kukuh dalam sejarah negeri. Justeru kita mengalu-alukan strategi kedua belanjawan ini untuk memantau pengurusan belanjawan yang cekap. Namun jika bersandarkan Laporan Audit 2009, baki kewangan di akhir akaun menunjukkan peningkatan sejak tahun 2005 hingga 2007 tetapi trend menurun mulai 2008. Wang tunai kerajaan meningkat daripada 415.6 juta pada tahun 2005 kepada 570.5 juta 2006 dan 776.44 juta 2007. Meningkat 2005 4.15 juta, 2006 570 juta, 2007 775 juta, *cash* dalam tangan. Namun apabila kerajaan Pakatan mengambil alih pentadbiran jumlah wang tunai makin berkurangan. Bagi akaun berakhir 2008, Kerajaan Negeri hanya mempunyai wang tunai sebanyak 733.4 juta dan seterusnya hanya tinggal RM617 juta pada akhir 2009. Naik, turun berasaskan trend belanjawan deposit yang melampau dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri maka saya jangkakan apabila akaun 2010 ditutup jumlah wang tunai Kerajaan Negeri akan susut dengan lebih banyak lagi. Berdasarkan pembentangan belanjawan 2011 ini, saya tidak nampak bagaimana Kerajaan Negeri akan mampu meningkatkan wang tunai kerajaan, lagi tiga hingga empat tahun mungkin negeri Selangor tiada lagi wang tunai. Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh memantau pengurusan perbelanjaan yang cekap sekiranya Pejabat Menteri Besar sendiri sentiasa memohon peruntukan tambahan agaknya terlebih, terlebih membelanja memasang papan tanda, papan iklan gergasi mempromosikan muka Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Puan Speaker,

Sebagai menjawab strategi ketiga belanjawan Kerajaan Negeri iaitu mendorong pembangunan modal insan, saya mencadangkan agar dewan ini merakamkan ucapan takziah dan memberi bantuan sewajarnya kepada mangsa-mangsa banjir di Utara terutamanya Kedah yang masih dalam keadaan teruk dan serius. Kalau Narjis kena serang di Burma kita bagi, di Kedah kita diam aje, Kerajaan Pakatan tu. Kawan semantan tiada bantuan pula. Inilah bentuk tindakan yang boleh menjadi contoh dan ikutan generasi muda agar terus subur semangat kemanusiaan

dan keinsanan membantu mangsa-mangsa bencana alam. Jika Kerajaan Negeri boleh berhabisan dalam meletakkan papan-papan iklan besar dengan izin *billboard* muka Yang Amat Menteri Besar Selangor hanya untuk mengucapkan Selamat Hari Raya dan juga beberapa iklan lain apa salahlah menggunakan sedikit peruntukan Menteri Besar menghantar bantuan kepada mangsa banjir, sikit je, tak payahlah Selamat Hari Raya besar-besar, nanti tak cukup minta tambah lagi.

Menurut laporan beberapa *blog* telah berjuta ringgit dibelanjakan Kerajaan Negeri untuk memasang *billboard* yang dipaparkan gambar Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ada *billboard* Selamat Hari Raya, ada *billboard* isu air, akan datang isu air ni, 1800 satu *billboard*, nak letakkan semua, ada 100 kain rentang pula nak dibentangkan tiap-tiap PBT ni, kos belanja untuk kempen air ini 299 juta, 299 ribu. Ha.....ini akan datangnya 100 *billboard* akan naik, kain rentang akan naik.

Tidak salah memasang *billboard*, cuma lihatlah ke pentingnya, saya akui zaman saya juga ada *billboard*, betul tapi ia bertujuan untuk mengiklankan nombor telefon, alamat pejabat, maklumat wakil rakyat di kawasan terbabit, mudah untuk rakyat mengetahui bagaimana nak berhubung dengan wakil rakyat, bukan macam sekarang lebih mudah hubungan wakil rakyat daripada rakyat biasa. Namun ketika itu bukan main lagi jerit pekik pihak sebelah sana menyatakan pembaziran dan sebagainya, hari ini mengata dulang paku serpih mengata orang dia yang lebih, ini dulu ini Pandamaranlah, bukan main lagi kempen *billboard* dan sebagainya, hari ini diam pula.

Puan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian,

Sungguhpun saya menyokong....

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Panjang, Sungai Panjang panggilan saya Puan Timbalan Speaker.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Tak apa bila jadi Speaker kalau ikut peraturan dipanggil Speaker puan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : ini mengikut amalan negara-negara.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : tak apa ini Puan Timbalan Speaker, tiada masalah.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : takut dengan Speaker dia ni, sebab Speaker masuk ada *bodyguard*, Puan Speaker tak ada lagi.

Puan Timbalan Speaker yang saya muliakan, sungguhpun saya menyokong strategi pembangunan modal insan, ini namun saya lihat apa yang Kerajaan Negeri perkatakan tidaklah serupa yang dilakukan. Agaknya modal insan yang bagaimana mahu dibangunkan jika sekarang ini di segenap pelosok negeri Selangor penuh dengan rumah urut, pub, pusat hiburan, pusat perjudian, berlindung di sebalik kafe siber dan SPA. Yang merisaukan saya ialah maklumat yang saya dapati menunjukkan sebahagian besar pusat-pusat hiburan dan kesihatan sekarang ini tidak segan silu menawarkan aktiviti pelacuran. Tiap-tiap hari keluar surat khabar, ada aje, yang pakai seluar kecil, baju kecil ini keluar. Pandamaran

YB TUAN NG SUEE LIM : Puan Timbalan Speaker, saya minta penjelasan....

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Saya nak teruskan sebab masa tak cukup ye. Pandamaran boleh menegakkan benang basah mengatakan tiada permit baru diluluskan, kononnya yang ada hanya 700 yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri dahulu. Hakikatnya sesiapa saja di jalanan boleh membuat penilaian betapa pusat-pusat ini tumbuh bagai cendawan selepas hujan sejak akhir 2008, malah kawasan-kawasan luar bandar termasuk Sabak Bernam, Sungai Besar, Sekinchan sudah ada pub dan rumah urut tak dinafikan betul tak. Sekinchan ni pula lagi bagus, Gombak Setia, dekat pub tu dipasang lampu, macam kat *i-City* tu, dibagi lampu lagi. Orang Sekinchan nak lampu.....

YB TUAN NG SUEE LIM : saya minta penjelasan. Timbalan Tuan Speaker sebab dia sebut Sekinchan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih. Minta penjelasan sikit. Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi dia kata banyaklah rumah urut dan sebagainya. Saya tidak menafikan di Sekinchan ada tapi rumah urut di refleksologi ini biasalah dan saya juga minta pendirian daripada Sungai Panjang projek yang dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri satu hab hiburan di Kuala Lumpur sama ada Yang Berhormat Sungai Panjang setuju atau tidak, tolong nyatakan pendirian.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : saya tak setuju, sebab itu kita kempen dan saya rasa projek ini tak akan dilaksanakan. Kita bertegas dan kita tetap kita tidak bersetuju. Hab hiburan dibuat di negeri kita, masuk rekod tiada masalah. Ini bukan sekadar isu orang Islam kerana pusat-pusat seperti ini merosakkan remaja tanpa mengira bangsa mahupun agama. Malahan banyak juga keluarga bukan Islam yang hancur kerana suami lebih membuang masa bersama gadis-gadis di pusat-pusat hiburan ini. Pusat hiburan dan aktiviti kurang sihat ini bertambah berkali ganda berbanding zaman Barisan Nasional, namun Gombak Setia pula mendiamkan diri malah tidak segan silu mengisytiharkan negeri ini sebagai *baidatun toibatun warabun ngapur* semalam Ijok dah jelaskan maknanya. *baidatun toibatun warabun ngapur* bukan *gapur ngapur*.....

YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL : Mohon laluan, saya nak tanya.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Saya nak teruskan ye. Kalau Gombak Setia tak boleh jawab mungkin Bangi boleh tolong bantu. Bagaimanakah sebuah negeri yang dianggap sebagai *Balghatun Toyyibatun Warabbun Ghofur* mensasarkan pendapatan dari hasil pusat hiburan meningkat daripada 21 juta tahun lepas kepada 30 juta bajet 2011. Rakyat marah tetapi Kerajaan Negeri terus usahakan kerana nak dapatkan duit 30 juta. Untuk menutup isu ini Kerajaan Negeri melancarkan Kempen Anti Zina, malangnya kempen ini hanya menimbulkan jenaka di kalangan rakyat kerana ada jawatankuasa kempen ini pun dikatakan mempunyai hubungan luar nikah dengan suami orang, ambil gambar sekali ini. Ada juga yang hadir dalam pelancaran tersebut orang yang pernah menghalang Pihak Berkuasa menutup sebuah pusat pelacuran di Puchong, rakyat gelak hari ini, keluar gambar, kita tahu ada orang tersebut ada hubungan luar nikah dengan suami orang yang dah lari ke Indonesia. Ada pula sorang lagi tu dalam tindakan mahkamah kerana menghalang Pihak Berkuasa menutup pusat pelacuran. Mungkin inilah konsep *Balghatun Toyyibatun Warabbun Ghofur* baru yang dirangka oleh Gombak Setia seorang Pakar Motivasi termasyhur suatu ketika dahulu.

Puan Timbalan Speaker dan Yang Berhormat Ahli Dewan, Sungai Panjang juga menyokong usaha melestarikan pembangunan Negeri Selangor atas semangat mahu melihat negeri yang dibangunkan dan dimajukan oleh Barisan Nasional sebelum ini tidak terus tertinggal seperti setahun dua kebelakangan ini. Justeru bagaimanakah Kerajaan Negeri mahu melestarikan pembangunan jika Kerajaan Negeri tidak berusaha meningkatkan pelaburan asing dan juga domestik dengan giat berdasarkan belanjawan semalam kita tidak nampak strategi yang jelas bagi menarik pelabur asing. Saya nak bagi tahu pelabur asing bimbang dah dengan ni, 2007 kita dapat 11.8 bilion, 2008 kita dapat 11.87 bilion, 2009 jatuh 6.7 bilion, 2010 sampai bulan Sembilan kita hanya dapat 4 bilion, menurun dan saya tidak nampak ada strategi khusus, insentif khusus yang boleh ditawarkan oleh kerajaan. Kalaulah Vietnam boleh menarik lebih pelabur kenapa Negeri Selangor yang lebih maju dari segi infrastrukturnya gagal menarik pelabur. Saya lihat strategi-strategi yang mampu untuk kita mendapatkan perhatian, kepercayaan pelabur-pelabur asing melabur Negeri Selangor. Kita tingkatkan daripada 2000 – 2004 bilion lebih naik sampai lebih 11.8 bilion baru 2 tahun turun, alasannya mudah kerana pelaburan peringkat negara pun jatuh. Itu bukan alasan, Selangor Negeri Termaju, kalau kita ada strategi yang baik, kita ada insentif yang terbaik saya yakin dan percaya pelabur tetap akan melabur negeri Selangor. Kerajaan Negeri tidak hanya fokus dalam menangani cabaran menaik pelaburan pada tahun hadapan. Apakah kesinambungan atau bidang tumpuan Kerajaan Negeri dalam menarik pelabur luar dan tempatan pada tahun hadapan, tak nampak. Nasiblah Barisan Nasional sempatlah buat *sime part two*, kalau tak sempat hari tu, tak ada tempat dah pelabur nak melabur hari ini. Dan kita juga sempat juga mendapatkan bantuan kewangan pinjaman daripada Federal untuk Free Trade Zone Sungai Way, kalau tidak lagi parah Negeri Selangor dan yang saya bimbang semalam Ijok mengatakan hanya mampu menyediakan pelan pekerjaan sejumlah tiga belas ribu (13,000) sebelum ini 30 hingga 35 ribu. Ini yang banyak menganggur hari ini, kerana tidak disusun secara strategik. Jika tidak silap saya sejak mengambil alih Kerajaan Negeri Bandar Kinrara bertanggungjawab mengenai pelaburan. Namun hingga hari ini belum dengar sebarang MOU mahupun perbincangan yang serius antara Kerajaan Negeri dengan pelabur, yang saya dengar pelabur dari China, semalam pun ada sebut pelabur dari China nak buka universiti, pelabur dari China nak buka kilang di Hulu Selangor, nak buka hospital di Hulu Selangor tetapi tidak ada perbincangan konkrit, lawatan dah buat tiap-tiap bulan.

Tuan Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Kita berpolitik jangan sampai merugikan rakyat. Kalau ini *trend* yang ada, saya tak tahulah Selangor yang ada hari ini masih maju ataupun tidak, sebab itu saya nak Kerajaan Negeri buat kajian terperinci, gunakan balik Syarikat IMD Switzerland dengan NPC, buat kajian balik indikator 70 indikator untuk mengklasifikasikan sama ada Selangor maju ataupun tidak dibuat semula. Ini satu tindakan yang pro-aktif, kalau kita gagal kita terima, kalau lebih baik saya terima tetapi jangan buat andaian, ambil IMD balik gabung dengan NPC, kekalkan 77 indikator daripada 2004, 2005, 2006 ada kajian, 2007 ada kajian terakhir 2008, 2009, 2010 tak ada. Kita tak naklah nanti kita maju, maju tetapi sebenarnya kita telah tidak menjadi negeri maju.

Puan Timbalan Speaker dan Yang Berhormat sekalian, baru-baru ini Setiausaha Politik Menteri Besar membuat kenyataan bahawa saya menyebabkan kerugian sebanyak 8 bilion ketika mengadakan perundingan dengan SYABAS. Malangnya tidak perlu diterangkan bagaimana saya menyebabkan kerugian ini. Inilah masalah dengan kerajaan yang suka berbohong kepada rakyat dan cakap ikut sedap mulut. Perlu diingat rundingan air ini dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dan SYABAS kerana hutang Jabatan Bekalan Air Selangor sebanyak 746 juta dilakukan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri yang mempunyai kepakaran dan pemahaman yang mendalam mengenai industri air bukannya sekadar loyar buruk, banyak cabuk yang pandai berkata-kata.

Saya nak ceritakan tentang air ini sebab ramai yang tak faham sejarahnya Puan Speaker. Air mula diswastakan pada tahun 1997 kepada PNSB. Sebanyak 27 pusat rawatan air diswastakan pada ketika itu kerana Kerajaan Negeri tidak dapat menampung pengurusan air yang begitu meningkat dan ketika itu Jabatan Bekalan Air Selangor telah berhutang dengan Kerajaan Persekutuan sejumlah 756.5 juta. Ketika berlaku krisis air pada tahun 2008, 2009, sebab itulah kerajaan pada ketika itu 2009 telah menswastakan 2 lagi projek air. Satu; kolam Dem Semenyih, Dem Semenyih kepada ABBAS dan kita menswastakan satu lagi SPLASH untuk bina satu lagi empangan air yang terbesar di Selangor yang bernilai lebih kurang 2.2 bilion pada ketika itu kepada SPLASH dan Sungai Badong Tiga untuk rawatan air. Kerana bila mana kita memohon peruntukan daripada Persekutuan, Kerajaan Persekutuan juga ada kekangan-kekangan tertentu, maka kita kalau tak ada peruntukan kita kena bina dem, empangan perlu dibina. Kalau tak dibina empangan ini hari ini kita mungkin atau kita pasti hari ini tak cukup air. Bila kita libatkan swasta *of cause* CAPEX dengan izin Puan Timbalan Speaker *Capital Expenditure* itu dikongsi oleh rakyat. Kalau sebelum hari ini rakyat hanya bayar untuk pengurusan air sebagai bil air, bila ada penswastakan kita terpaksa pinjam duit dari bank dan syarikat akan agihkan CAPEX kepada pengguna. Sebab itulah hari ini kalau nak tahu daripada 100% yang kita bayar bil 60% kos CAPEX maksudnya kalau ada 100 ringgit kita bayar bil air hari ini 60 ringgit itu untuk CAPEX, *share* hutang bank untuk bina infrastruktur, nak ganti paip, nak buat *damp* dan sebagainya. 40 ringgit sahaja sebenarnya khusus untuk membayar pengurusan air. Ada juga pendapat anggaran 10 bilion, ha... lepas tu SYABAS ye, bila saya jadi Menteri Besar kita berlaku masalah air, kualiti air yang kotor, NRW yang meningkat sampai 52%, jadi ada mengatakan bahawa Jabatan Bekalan Air tak *efisien*, JEBAS tak *efisien* jadi kita korporatkan JEBAS supaya pengurusannya lebih *efisien*. Bila PUAS dibentuk, PUAS terpaksa mengganti 24,000 kilo meter paip air, yang kritikal 6,000 kilometer. Nak ganti 6,000 kilometer ini kita kena belanja lebih 2 bilion, jadi PUAS jumpa *Federal Government*. *Federal* kata hutang masih lama, eloklah you cari kewangan sendiri, sebab itulah kita *Federal Government* uruskan perjanjian dan memilih SYABAS. SYABAS pinjam daripada bank dan CAPEX ini juga terpaksa dikongsi dengan *consumer*. Ini yang berlaku sebenarnya. Ada juga pendapat anggaran 10 bilion ini termasuk aset yang dinilai oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM9.7 bilion termasuk 1,601 tangki air bernilai satu bilion yang sebahagiannya dibangunkan oleh pemaju perumahan yang telah pun dibayar oleh pembeli rumah. Lebih dan lebih 24 ribu kilometer paip bernilai 7.8 bilion yang mana sebahagian besarnya diserahkan oleh pemaju perumahan juga sebenarnya telah dibiayai oleh pembeli-pembeli rumah pada kawasan tersebut. Jika semua ini dijual kepada Kerajaan Persekutuan, maka Perbadanan Aset Air Berhad PPAB tiada pilihan lain kecuali melepaskan kos ini kepada pengendali air. Pengendali air pula akan melepaskan kos terbabit kepada pengguna. Ini bermakna pengguna perlu membayar sekali lagi untuk paip-paip air yang telah mereka biayai serta membeli rumah. Ada tangki air dibuat di kawasan perumahan, paip air di kawasan perumahan, yang ini pembeli rumah dah bayar dah, kalau nak beri balik kepada PPAB bererti dia kena bayar dua kali kos infrastruktur ini. Sehingga hari ini Kerajaan Negeri tidak mendedahkan bagaimana ia memperoleh anggaran tersebut walau apa pun perkiraan dan anggaran jika kos menstrukturkan semula air di Lembah Klang berharga 10 bilion, siapakah yang akan mampu menguruskannya. Jika ini dijadikan panduan, kos penstrukturkan semula air seluruh Semenanjung akan memakan jumlah hampir 100 bilion. Kalau inilah yang hendak digunakan satu Semenanjung, hari ini saya difahamkan Johor di bagi nominal struktur air, Melaka pun di bagi nominal, Negeri Sembilan nominal, kalau kita caj 10 bilion kos ini akan dibebankan kepada rakyat. Apakah ini menjaga kepentingan pengguna atau menjaga kantung pimpinan PAKATAN di Selangor? Apakah ada pandangan Kerajaan Negeri yang bijaksana 10 bilion ini tidak akan dikembalikan kosnya kepada pengguna. Memanglah kalau mahu nak meletakkan harga 20 bilion pun kita boleh letak, namun persoalannya siapakah yang akan membiayai dan apa kos kepada rakyat.

Saya terbaca kononnya ada sebuah syarikat berminat membeli mengambil alih industri air Selangor sebanyak Ringgit Malaysia 10.8 bilion, tetapi apakah ada jaminan harga tarif air kekal seperti hari ini atau lebih rendah seperti janji Kerajaan Persekutuan. Saya tidak fikir ada bank akan membiayai sebesar itu dengan harga tag air hari ini. Jika ada pastinya ada bekas tokoh korporat terkemuka sedang melakukannya melalui KDEB. Saya nak tanya KDEB ... saya tak nak bagi, saya nak terangkan lagi

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Timbalan Puan Speaker, boleh saya tanya

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Saya tak nak serahkan, jangan bagi

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tentang air, air

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Panjang, okey.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Saya ingat semasa jadi Wakil Rakyat 1999, 2004 dulu, kita hanya ada satu syarikat ertinya yang mengendalikan air ialah Bekalan Air Selangor. Kemudian lepas pada itu tumbuh begitu banyak syarikat SYABAS, SPLASH, ABBAS kemudian sekarang nak bawa air dari Pahang ke Selangor. Tidakkah dengan berbagai-bagai syarikat ini memperbanyakkan lagi dari segi urusan, pejabat, tenaga dan berbagai-bagai lagi yang boleh meningkatkan kos air itu sendiri sedangkan masa kita di bawah pengendalian Kerajaan Selangor dahulu bekalan air tidak begitu banyak syarikat-syarikat yang berbagai-bagai, agaknya nak bagi untung masing-masing.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Bangi tak faham saya ingat. Saya nyatakan tadi, bila negeri berkembang kita perlukan bekalan air lebih dan peruntukan tidak mencukupi Kerajaan Negeri, sebab itu kita berhutang dengan Federal 756 juta sekarang 829 juta sekarang ini hutang. Ok. Bila kita nak kembangkan air, nak industri air lebih kita kena buat infrastruktur. Bila kita tak ada duit kerajaan negeri tak boleh pinjam bank. Kerajaan negeri tidak boleh pinjam bank. Itu peraturan kewangan negara kita. Bila kita tak boleh pinjam bank, rakyat nak air. Kita kena swastakan. Swasta pula pinjam duit bank bina infrastruktur. Bila infrastruktur dibina, kos infrastruktur itu dikongsi oleh semua. Sebab itu JBAS tak mampu bekalkan air. Bila Jabatan Bekalan Air tak mampu

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Saya faham. Maaf. Konsep penswastaan ini memang berkembang pada masa itu. Sebelum daripada itu, sebelum ada penswastaan ertinya perjalanan air di negeri Selangor walaupun tidak diambil oleh swasta berjalan baik. Kalau pun nak pinjam, ertinya kerajaan sendiri juga boleh ertinya melalui rundingan kerajaan. Nak meminjam tidak perlu diserahkan kepada swasta yang begitu banyak.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Saya mengambil contoh Bangi senang saja. Ambil contoh ya. Satu *dam* Selangor fasal 3 *Dam* SPLASH. Memakan belanja empangan ini RM2.4billion saya ingat. Kerajaan negeri tak ada duit. RM2.4billion. Bajet kita RM1.4billion saja setahun. Nak bina dia dalam masa dua tahun RM2.4billion. nak minta *federal, federal* kata kita banyak komitmen lagi. Kalau tak buat *dam* kita hari ini tak mandi wajib ni. Hari ini. Jadi apa kekangan yang ada? Pilihan? Kena swastakan. Sama juga awak kata kerajaan *federal* swastakan, tol naik utara selatan. Kalau tak swastakan tak ada jalan. Sebab kemampuan kerajaan terhad. Kita tengok bajet kita RM1.4 bilion nak bina satu empangan RM2.4billion. Kalau nak pakai ini dua tahun tak ada bajet langsung. Semua tak ada gaji ni untuk satu Selangor. Jadi kita terpaksa melakukan perkara itu kerana kemestian dan kita harap

rakyat faham kena syer CAPAX. Sebab itu JBAS kena kembangkan pada ketika itu bukan suka-suka. Tak ada. Tuan-tuan yang terhormat sekalian, puan timbalan speaker saya ulang balik terbaca ada syarikat kata RM10.8billion. Saya tak tahu sama ada nak syer ataupun tidak. Dan saya jelaskan tentang PAB itu tadi. PAB ini tugas dia ambil CAPAX. Katalah hutang CAPAX dengan SPLASH RM2billion, PAB ini ambil CAPAX (*absorb* CAPAX). Bila kita *absorb* CAPAX, jadi kerajaan akan bayar kos untuk mengurus air. 40 peratus sahaja. Sebab itu kita janjikan lebih rendah tapi kalau CAPAX ini RM10billion nak cas pada PAB? RM10billion. Dan PAB akan serah balik kos ini pada kita semua. Sebab itu saya bagi tahu dulu zaman saya dulu kita bagi RM1billion saja timbalan speaker. Sebab kita tak nak CAPAX itu pun naik sampai 37 peratus. Saya ingat lagi dalam dewan saya katakan kita tak setuju kenaikan tarif dan kita kenakan syarat-syarat. Syarat pertama kena ada komuniti teknikal. Yang kedua ada panel yang boleh mengenakan kenaikan tarif ataupun tidak. Dan syarat-syarat yang pertama SYABAS kena ganti 6,000 kilometer paip. Yang kedua NRW kena turun di bawah 30 peratus. Yang ketiga kualiti air hendaklah baik. Yang keempat aduan diselesaikan. Bila empat-empat ini dah dapat teknikal komuniti *conform* dah di tunai barulah *refer the panel*. Panel ini pula ada wakil kerajaan negeri, wakil SYABAS, wakil *federal* yang ada *golden* syer. Dan kita syaratkan juga pada ketika itu kalau SYABAS gagal memenuhi janji ini, dia kena serah balik SYABAS ini kepada negeri *at course* pada ketika itu. Saya perlu jelaskan bahawa cadangan penstrukturan semula melalui KDEB ini telah dirancang sejak dari 2006 lagi bila saya tengok SYABAS tidak puas hati saya arahkan KDEB.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Apa hubungan ini nak bawa air dari Pahang ke Selangor? Adakah ada kaitan?

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Saya cerita kejap lagi. Jangan risau. Saya akan cerita. Bagi saya masa ok. Saya boleh cerita ok. Sebenarnya penstrukturan semula air ini bermula 2006 lagi bila saya lihat kita kena urus air secara syumul. Syarikat yang mengeluarkan air dengan syarikat yang *distribute* air kena satu syarikat supaya ada *cross* subsidi kerugian. Kalau tidak hari ini syarikat keluar air, dia keluar 100 liter padu yang dapat kat *consumer* sekarang ini baru 65 meter. Yang 35 meter ini hilang. Jadi syarikat air yang keluar air akan untung, yang *distribute* air akan rugi sebabnya dia hanya mampu pungut daripada *consumer* 65 peratus daripada 100 peratus yang dikeluarkan oleh syarikat air. Jadi kita arahkan ketika itu KDEB mulakan syarikat penstrukturan semula ini dan saya lihat telah berjaya. 2007 kita dah ambil ABASS dan masuk dalam KDEB. Tinggal dua lagi SPLASH dengan SYABAS dan Puncak Niaga. SPLASH dan Puncak Niaga. Kalau air dengan SYABAS dalam usaha yang kita nak buat. Jadi kenapa kita perlu ambil air dari Pahang? Bila kita buat kajian secara teliti, terperinci kita akan mengalami kekurangan air pada 2014. Walaupun Dato' Menteri Besar kata 2019, kita kata 2014. Negeri kata 2019, *federal* kata 2014 berlaku. Tapi lima tahun ini tiada beza dan kita dah tengok dah Bangi. Dah cek lombong-lombong, dah cek dah jumlah air simpanan bawah tanah, dah cek semua dah. Ia tak berkekalan. Banyak lombong-lombong hari ini tidak boleh diminum airnya kerana mengandungi bahan-bahan kimia seperti arsenik (beracun tak boleh cuci) dan kita lihat alternatifnya dapatkan air daripada negeri Pahang ataupun negeri Perak. Kajian dibuat sumber air yang paling banyak sekali daripada Sungai Pahang merupakan sungai terpanjang di Semenanjung Malaysia. Dan kita *negotiate* pada ketika itu air mentah nak dijual lebih kurang RM1. Kita dapatkan harga air mentah RM0.10. sebenarnya penswastan air dengan air ke Pahang tak ada isu. Isu yang berbeza. Sebabnya bilamana *water treatment plant* Sungai Langat 2 dibina, dia akan diserahkan kepada PAB. Mana-mana syarikat yang berjaya mengurus air Selangor boleh sewa dengan PAB. Itu konsep *federal*. Sebabnya PAB akan *absorb* kos infrastruktur ataupun CAPAX tadi. *Federal* nak bantu ni. Lima tahun kalau kita bina sekarang harganya lebih murah, kosnya pun kurang. Kalau kita *delay cost structure* akan meningkat dan ini akan membebankan lagi. Sebab itu saya

tak faham kenapa kerajaan negeri nak berhentikan Sungai Langat 2. tetapi kalau sekarang ni kerajaan *federal* mengarahkan kerajaan Pahang buat *treatment water plant* di Pahang. Kalau di buat di Pahang daripada RM0.10 air mentah kita beli, kita kena bayar RM1.60 lebih kurang. Rugi kita. Patutnya kita belanja setahun lebih kurang RM77juta bayar kepada kerajaan negeri Pahang, tapi kalau ada permintaan tak berlaku di negeri Pahang kita kena beli air bersih daripada negeri Pahang. Bayangkanlah rakyat akan menanggung lebih banyak masalah. Sebab itu saya rasa kita asingkan dua kes ini. Penstrukturan semula ok, bina *water treatment plant* bina. Sebab dari soal keputusan *water treatment plant* Sungai Langat 2 akan diserahkan kepada PAB dan mana-mana syarikat yang mampu mengurus, yang berjaya mengurus sama ada kerajaan negeri atau syarikat yang lain terpulang kepada kerajaan negeri itu akan menyewa *water treatment plant* tersebut. Jadi kita tak nak tangguhkan kerana kita takut ada masalah krisis air. Bukan kita kata kerajaan persekutuan pun kata 'kalau *state* nak uruskan, uruskan.' Saya jumpa Menteri Dalam Negeri uruskan, tak ada halangan. Tetapi jangan tangguh sangat kerana Sungai Langat 2 kena buat. Selain daripada *company* menghadapi masalah kewangan daripada bon yang telah dilahirkan daripada industri air ini. Jika dilihat kenyataan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air, nyata kerajaan negeri telah beberapa kali berdolak-dalik dalam isu penstrukturan semula air ini. Saya dimaklumkan kementerian telah memberi laluan kepada Kumpulan Darul Ehsan untuk mengetuai penswastan air di Selangor ini tetapi ia gagal dilaksanakan. Pasti KDEB pun gagal sebab mana mungkin penstrukturan ini mampu dijalankan jika kita mahu membekalkan air murah kepada rakyat tetapi perlu membayar RM10billion kepada kerajaan negeri. Agak-agak bila boleh dapat pulangan modal tersebut? Siapa mahu memberi pinjaman RM10billion untuk industri yang dikawal harganya ini? Sebab itulah kita bagi RM1billion. Bukan kita ada kroni tak ada apa. Yang penting air dapat murah. Kita tahu kalau kita RM10billion kita caj kita boleh letak kita punya empangan, kita punya *water* simpanan air serah pada SYABAS. Itu hak negeri. Saya tak buat. Kita hanya serahkan paip-paip lama, susun yang lain dan kita bagi minimum kerana kita tak nak kos itu dilibatkan kepada rakyat jelata. Puan Speaker, yang berhormat sekalian selain itu dalam belanjawan semalam, Y.A.B. Menteri Besar menyatakan peruntukan sebanyak RM34.5juta untuk menampung bayaran 20 meter padu percuma dalam RM8juta bagi menampung subsidi kupon bagi meter pukal. Peruntukan sebanyak ini mencerminkan anggaran berjalan tidak realistik. Kerajaan membuat andaian berdasarkan kemungkinan penstrukturan air. Mengikut cadangan kerajaan negeri ia belum tentu berjaya lagi atau diselesaikan dalam masa terdekat. Dalam dewan ini dulu saya ingat lagi baru-baru Sekinchan pun dengar juga kan. Ijok kata tiga bulan selesai masalah air. Dah masuk dua tahun. Tiga bulan tu. Masuk dua tahun. Saya ingat lagi jawab soalan, dia kata tiga bulan selesai tapi masuk dua tahun. Sebenarnya kalau ikut *blue print* yang dibuat oleh kerajaan negeri ini (yang ini kerajaan negeri punyalah) kita perlukan RM166.6juta air. Tapi semalam kita keluarkan RM42juta lebih sahaja. Dan saya pasti akan ada bajet tambahan lah yang akan kita terpaksa luluskan. Dan saya nak bagi tahu di dewan ini juga sehingga hari ini kerajaan negeri telah luluskan peruntukan ataupun hutang (memberi hutang sebanyak RM200juta) kepada KDEB. Dulu ingat tak RM50juta diluluskan, lepas itu RM150juta. Dan KDEB terpaksa menanggung bayar hutang kepada SYABAS air percuma yang lebih kurang RM166 juta setahun. Dan saya difahamkan KDEB hanya mampu bayar selama hari ini baru RM29 juta sahaja. Kalau ikut laporan audit dan *blue print* yang didedahkan. KDEB pun akan jadi syarikat mufliis tuan-tuan dan puan-puan. Bila syarikat mufliis, kita menanggung rugi kerana KDEB anak syarikat kita. Dalam SYABAS dah bagi tahu, dalam SYABAS ada 30 peratus, dalam SPLASH 30 peratus, ABASS pun kita dah beli. Jadi kita tengok balik. Saya bimbang bajet ini akan mengalami defisit kerana tak realistik. Dan saya tak jangka dalam masa tiga bulan dari sekarang masalah air Selangor selesai selagi kerajaan negeri tuntutan RM10billion. Selagi tuntutan RM10billion, takkan selesai. Tak ada siapa. Ditambah pula hari ini syarikat yang terlibat itu kena bayar air percuma RM166juta. Saya difahamkan mula-mula RM12juta sebulan, lepas itu naik tiap-tiap bulan tiap-tiap tahun RM1juta. Kalau

bulan ini bayar RM12juta sebulan, tahun depan RM13juta sebulan, tahun akan datang RM14juta sebulan, tahun selepasnya RM15juta sebulan. *Cash money*. Saya tak jangka ada syarikat yang mampu memiliki *cash* sebesar itu. Ditambah dengan RM10billion tambah dengan air percuma. Saya bagi tahu kalau kerajaan boleh selesaikan air ini tanpa bantuan *federal*, saya memang angkat topi. Saya tabik spring kepada Menteri Besar. Saya ulangi kalau boleh selesaikan masalah air tanpa bantuan *federal* dan negeri dapat RM10billion saya rasa ini satu perkara yang *miracle* yang memang hebatlah. Kalau Ijok boleh buat memang hebatlah. Tapi yang saya bimbang, takut kewangan sendiri pun tak terurus, bagaimana nak urus kewangan negeri. Puan Speaker dan yang berhormat sekalian, akhir sekali saya khuatir pembentangan belanjawan yang tidak jujur seperti ini akan mengelirukan rakyat biasa. Rakyat akan berpendapat segala-galanya indah belaka dalam kerajaan hari ini. Jika bersandarkan pembentangan belanjawan setiap tahun. Kekhuatiran ini ada asasnya kerana ahli parlimen Shah Alam sendiri berpendapat Selangor mempunyai belanjawan lebih atau *surplus* (dengan izin). Baru-baru ini Ahli Parlimen Shah Alam tersebut dipetik oleh Malaysiakini.com. sebagai persoalkan keputusan Kerajaan Persekutuan memberi bayaran bantuan RM500.00 kepada kakitangan Kerajaan dalam keadaan belanjawan deposit. Beliau berkata Selangor mampu berbuat demikian kerana mempunyai belanjawan lebih. Jika Ahli Parlimen Shah Alam yang merupakan antara pakar strategik Pakatan pun boleh tertipu dengan kerajaan negeri, apatah lagi rakyat biasa. Ini yang berlaku puan, Timbalan Speaker. Kita tak ikhlas, kalau kita nyatakan bajet deposit awal-awal kita boleh menyusun strategik bagaimana strategik kewangan ini Yang Berhormat-Yang Berhormat kita ada dua posyen. Satu mengurus pendapatan, satu mengurus belanjawan. Kalau kita bijak mengurus pendapatan memang betul, pendapatan meningkat daripada tahun 2005 sampai hari ini meningkat. Meningkatkan sampai hari ini. Saya tidak menafikan. Tapi mengurus belanjawan, mengurus belanja ni yang jadi masalah. Saya bimbang ada ketitisan, ada kebocoran. Ini yang kita bimbang. Lepas itu kita harap sangat, kita harap sangat kerajaan negeri hari ini kalau kita minta 1430 bajet ini kita kekalkan. Jangan sampai ke penggal akhir sebelum kita luluskan bajet 2011 ada lagi bajet tambahan. Bajet tambahan RM 8 juta. Adakah kalau kita minta berkali-kali itu menunjukkan kita cekap mentadbir kewangan ataupun memang berlaku ketitisan. Yang saya bimbang lagi *trent* ini diikuti pula oleh PBT-PBT. Jadi kita harap sangatlah belanjawan mengurus ini dapat dikurangkan. Dulu saya terus ada jelaskan Pandamaran, Ahli Majlis kita bagi RM500.00 saja elaun, sekali mesyuarat RM100.00. Hari ini RM700.00 Mesyuarat RM150.00. Peruntukan pejabat RM2,000.00 ke RM3,000.00 sebulan. Setengahnya pejabat pun tak wujud. Dan saya *calculate* saya kira setahun lebih kurang RM17 juta diperlukan untuk mengurus Ahli Majlis. Baru-baru ni saya sokong jugalah Ijok bagi peruntukan Ketua Kampong RM10,000.00 tetapi tidak diaudit. JKPP dapat RM10,000.00 setahun buat aktiviti tak diaudit. Kerajaan marah bila kita tubuhkan JKPP ada JKKN betul tapi apa alasan kerajaan tubuh PBT. Belia tempatan sudah ada belia daerah dan ini ko, jawapan Ijok pada perlawanan Bola Selangor dulu kita tak pernah guna kerajaan negeri bagi sampai RM 3, 4 juta pada bola

YB PUAN LEE YING HA : Puan Timbalan Speaker, minta laluan.

LEE YING HA : Hanya satu soalan sahaja. Sikit sahaja.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Tapi sekarang telah berlaku, saya nak cukupkan masa tinggal dua minit lagi.

YB PUAN LEE YING HA : Hanya satu soalan sahaja. Sikit sahaja.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Saya nak jelaskan. Ok saya bagi.

TIMBALAN SPEAKER : Silakan Teratai.

YB PUAN LEE YING HA : Terima kasih. Tadi YB Sg. Panjang mengatakan bahawa ada Belia Daerah, adakah YB sedarkan bahawa itu Belia Daerah semua berumur lebih daripada 40 tahun. Adakah mereka dikenali ataupun dikatakan Belia lagi, sekian terima kasih.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Teratai, Teratai itu sudah lama...isu lama, sekarang ni dah ada PYS sekarang sudah ada syarikat ataupun yang mendaftar Persatuan Belia ini Kementerian Belia semua 40 tahun ke bawah boleh lagi Belia tua semua dah tak ada dah. Dato' Rahman pun dah *Resigned*, semua dah tak dah yang ada sekarang ini yang ada di DIMD semua 40 tahun ke bawah. Persatuan Belia semua 40 tahun ke bawah. Kalau ada Belia ahli 40 tahun ke atas dia tak dapat peruntukan daripada Kementerian Belia dan Sukan. Saya terlibat dengan *drafting* undang-undang belia ini, ketika saya DIMBM ketika itu. Jadi itu isu lama, saya nak beritahu saya menegur bukan kerana iri hati ataupun sakit hati ataupun cemburu saya menegur kerana pengalaman saya. Saya tak mahu trend ini terus menurun. Nilai wang tunai menurun, belanjawan meningkat, simpanan menurun, deposit menurun, memang perkara biasa deposit menurun tetapi adakan *trend* akan berterusan. Saya tak nak macam Pandamaran, deposit pengguna dengan deposit biasa pun tak boleh beza ini masalah puncanya. Kita gunakan deposit pengguna caruman pengguna dalam PBT salah dari segi undang-undang. Boleh ketawalah kalau kena saman nanti.

Puan Timbalan Speaker, saya lihatlah kalaulah Ahli Parlimen Shah Alam yang hebat itu boleh memberi pandangan Bajet Selangor SPLASH. Saya bayangkan orang di Sg. Burong, orang di Sg. Pelek macam mana agak-agak fikiran. Ini satu kejayaan saya lihat Kerajaan Negeri memutarbelitkan isu-isu yang sebenarnya. Tapi berbohong tetap bohong. Ia akan dapat balasan sewajarnya. Adalah menjadi harapan saya agar belanjawan

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : Puan Timbalan Speaker,

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Sri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : Terima kasih Sg. Panjang, saya cuma nak mengingatkan Sg. Panjang supaya lepas daripada berucap ini jangan balik, besok pun jangan balik sebab kita ada perbahasan dan kita akan bagi penjelasan banyak. Saya yakin semua akan beri penjelasan banyak.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Puan Timbalan Speaker, Sri Muda tak ikut peraturan, mengganggu dua perkara aja nak memberi penjelasan ataupun nak menunjukkan ke... ini

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : Timbalan Speaker, saya cuma nak mengingatkan

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Jadi kalau tak tahu peraturan, hidup ada peraturan, janganlah dewan, saya nak beritahu Sri Muda, peraturan apa, jangan jadi PKR, macam kita ada peraturan

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sg. Panjang, Sg. Panjang, teruskan perbahasan..

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Terima kasih, kita ni ikut peraturan,

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Teruskan...

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Ia nak teruskanlah ni. Kalau tak ikut peraturan ni yang bergaduh tu baling kerusi, patah tangan lagi. .

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kalau nak ikut peraturan, kena nyatakan fasal berapa peraturan itu ...

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Fasal sosial, Puan Speaker,

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Fasal dalam peraturan tetap fasal berapa

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Bajet

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kalau tak beri Sri Muda bercakap tadi tapi saya Sg. Panjang teruskan sebab kita ada 6 minit lagi..

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Jadi masalah sosial, ini Puan Speaker, isu besar ni

YB TUAN NG SUE LIM : Timbalan Puan Speaker, Badan tetap

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : 36 berapa, total 35...

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Ia nak teruskanlah ni. Kalau tak ikut peraturan ni yang bergaduh tu baling kerusi, patah tangan lagi. .

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kalau nak ikut peraturan, kena nyatakan fasal berapa ...

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Fasal sosial, Puan Speaker,

TIMBALAN SPEAKER : Fasal dalam peraturan tetap fasal berapa

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Bajet

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kalau tak beri Sri Muda bercakap tadi tapi saya Sg. Panjang teruskan sebab kita ada 6 minit lagi..

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Ok, jadi masalah sosial, ini isu besar

YB TUAN NG SUE LIM : Jagunglah *disek. Jagung desik, kesoon...* Terima kasih Puan Speaker, peraturan 87 saya minta petua daripada timbalan Speaker, saya minta keizinan untuk minta YB Sg. Panjang selepas cakap kita bagi kelonggaran yang seluas-luasnya untuk dia cakap untuk dia ngomong tapi minta selepas dia ngomong, hari ini esok jangan balik. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Peraturan apa ini Puan Speaker, Inilah masalah Sekinchan, sebab itulah kena ikut peraturan, Sekinchan, Sekinchan,

YB TUAN NG SUE LIM : *Wes ngomong entek, orak gelem lungor.*

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Bertenang, bertenang...jangan terlalu emosi, silakan Sg. Panjang, teruskan...perbahasan awak kemudian orang lain, wakil rakyat lain, Yang Berhormat lain akan berpeluang untuk membahaskan.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Puan Timbalan Speaker, sebab kalau saya masuk kawasan dia, saya tak kena pukul, sebab saya baik. Ketawa....Kalau perangai macam ni masuk kawasan orang, itu yang jadi masalah, itu yang menjadi masalah besar...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Berbalik kepada perbincangan yang berkaitan....

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Itu masalah besar kalau tak ikut peraturan, kalau tak ikut peraturan itu jadi dia...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sg. Panjang,

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Kesian...Kalau tak ikut peraturan cakap elok-elok terangkan yang baik-baik

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sg. Panjangkan. Saya kata masuk balik kepada perbahasan. Jangan buang masa.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Tak buang masa, moral penting, masalah moral cukup penting Puan Speaker, moral kena daripada pemimpin.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Teruskan perbahasan.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Jadi saya harap sangatlah, Puan Speaker, kita jadi pemimpin ni kena ikut peraturan, jangan langgar suka hati je kita tahu kita tak bukan manusia yang sempurna, ada kurang tapi kita sedar kekurangan kita perbaiki, bukan kita bagai buluh yang keras tak boleh di lentur balik. Sebab itu kita harap sangat Puan Speaker, saya harap sangatlah bajet kali ini, bajet kali ini kalau boleh ada tambahan pun Puan Speaker, biar dapat ditambah juga pendapatan supaya tak ada deposit saya minta sangat. Saya minta sangat kalau deposit 3,4 tahun berturut-turut diikuti PBT deposit saya rasa ini satu perkara yang patut kita elakkan. Saya harap sangat, boleh, kita boleh pastikan *income* kita dapat dan saya nak bagi tahu juga ya wang disatukan ni apa dia, cukai hasil, cukai bukan hasil, penerimaan bukan hasil. Pada tahun 2008 dengan 2009 berlaku pengurangan 104 juta wang disatukan. Jadi kita harap sangat Puan Speaker, Adalah menjadi harapan saya agar Belanjawan Kesebelas ini tidak lagi akan menjadi seperti Belanjawan 2010 dan 2009. Saya tak bagi sebab saya nak habiskan, Satu minit, dua minit saja lagi

YB TUAN MAT SHUHAIMI SHAFIEI : Tiga puluh saat saja.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Saya bagi

YB TUAN MAT SHUHAIMI SHAFIEI : Baik, terima kasih. Kalau dah bagi nak tanya peraturan...

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Peraturan mana tu..

TIMBALAN SPEAKER : Sg. Panjang, kalau awak dah benarkan, awak tanya pula peraturan mana?

YB TUAN MAT SHUHAIMI SHAFIEI : Saya pun tak faham Sg. Panjang ni.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan..Sri Muda, Sri Muda

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Puan Speaker jangan emosi. Puan Speaker, apa nak emosi, saya cakap ni kalau saya tak cakap betul, Sri Muda boleh ambil ni baca ni. Tak ada masalah saya tak benarkan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Perkara berkaitan,

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Saya nak beritahu adalah dalam audit Negara, ia merupakan prestasi yang sebenar-benarnya bukan *figure* yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri kalau Audit Negara disalahkan, saya harap kerajaan negeri ambil tindakan kepada Audit Negara kerana saya bercakap sebab saya baca semua ni. Dan saya tak sempat baca lain-lain *report* lagi ini. Jadi saya harap Sri Muda duduk, kerana ini peluang saya dan saya harap dah pukul satu adalah menjadi harapan saya agar tidak ada lagi rang undang-undang tambahan 2010 dan 2008 Saya berharap tiak ada lagi Rang Undang-undang Tambahan 2011 dikemukakan di dalam Dewan yang Mulia ini pada tahun hadapan. Jika ada nyatalah 2011 ini pun tidak lebih daripada Belanjawan Mat Jenin. *Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.*

PUAN TIMBALAN SPEKER : Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah pun menunjukkan jam 1.00 tengah hari dengan itu saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul di Bawah Peraturan Tetap 17 yang di bawa oleh Yang Berhormat Rawang bagi menangguhkan mesyuarat perkara tertentu bagi kepentingan orang ramai hendaklah disegerakan. Saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Rawang untuk memulakan perbahasan.

YB PUAN GAN PEI NEI : Terima kasih Tuan Speaker. Tuan speaker dan Ahli Dewan Yang Berhormat sekalian, izinkan saya untuk menceritakan sedikit tentang kejadian yang telah berlaku pada 4 hari bulan November Khamis lalu, yang mana sahabat saya Yang Berhormat Sekinchan telah di serang dan dipukul. YB Sekinchan telah turun ke Kunci Air Baung, Kampung Sawah Sempadan kira-kira jam pukul 11.30 pagi pada hari itu atas jemputan petani di kawasan tersebut untuk mendengar rintihan serta membincangkan isu harga jualan padi yang rendah dan potongan basah yang terlalu tinggi. Yang Berhormat Tanjung Karang sepatutnya berasa gembira kerana Yang Berhormat Sekinchan membantu beliau menyelesaikan masalah rakyat. Malangnya niat baik Yang Berhormat Sekinchan ini disangka buruk oleh Yang Berhormat Tanjung Karang. Sebaik sahaja Yang Berhormat Sekinchan tiba dan turun daripada kereta beliau bukan sahaja di sambut oleh petani yang menjemput beliau malahan telah dikepung oleh sekumpulan yang disyaki ahli UMNO Bahagian Tanjung Karang. Mereka menghalang dan menghalang Yang Berhormat Sekinchan supaya balik.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat berhenti. Ya.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Nak minta penjelasan saja.

TUAN SPEAKER : Ya bagaimana.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Boleh tak sikit.

YB PUAN GAN PEI NEI : *Sorry*, saya tak bagi sebab nanti Yang Berhormat Sungai Burong boleh terlibat dalam perbahasan juga.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Bukan nak bahas, nak penjelasan tadi pasal nak tanya, kata nak bagi dengar rintihan petani tu.

YB PUAN GAN PEI NEI : Tak apa, boleh nanti boleh sekali lagi lah, sekali. Ha tak apa nanti you boleh terlibat dalam perbahasan sekali. Sebab saya tahu Yang Berhormat Sungai Burong juga jiran kepada Yang Berhormat Sekinchan.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Nak tahu tempat dia aja, ya Tuan Speaker nak tahu tempat dia, kata nak rintihan tu tempat dia kat mana.

TUAN SPEAKER : Oh... nak tahu tempatnya kat mana. Baiklah boleh duduk.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tempat yang dia kata nak dengar tu apa majlis tempat perjumpaan itu kat mana.

YB PUAN GAN PEI NEI : Tak apa nanti saya jemput Yang Berhormat Sungai Burong turut terlibat dalam perbahasan ya. Memandangkan keadaan tidak terkawal Yang Berhormat Sekinchan telah membuat keputusan untuk beredar. Pada ketika itulah Yang Berhormat Sekinchan diserang dan dipukul, kepala ditumbuk, perut ditendang dan tangan juga di pukul. Dua orang pembantu Yang Berhormat Sekinchan turut di pukul dan kereta milik pengiringnya juga kemek di pintu belakang. Tindakan samseng ini menyebabkan Yang Berhormat Sekinchan pening kepala, cedera di bahagian kepala dan dibawa di hantar ke Subang Jaya Medical Centre untuk mendapat rawatan selanjutnya. Apabila ditanya oleh media Yang Berhormat Tanjung Karang menyatakan Yang Berhormat Sekinchan kurang ajar dan padan muka. Ini yang bukti yang boleh saya tunjuk yang mana Yang Berhormat Tanjung Karang berkata memberi *media statement* pada Utusan Malaysia kerana masuk kawasan beliau.

Seolah-olah dialah dalang di sebalik insiden ini. Orang yang dipukul dilabel kurang ajar, orang yang memukul sebaliknya tidak bersalah. Inilah logik dan mentaliti Menteri Pertanian Satu Malaysia. Mungkin Yang Berhormat Tanjung Karang ingin tunjuk kuasanya yang ingin mengambil alih tempatnya Sungai Panjang sebagai ketua pembangkang di negeri Selangor, tetapi bagi saya lebih baik kekalkan Yang Berhormat Sungai Panjang tapi dia dah balik dah. Kerana beliau lebih bertamadun dan jiran baik kepada Yang Berhormat Sekinchan. Betul Yang Berhormat.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Tugas dan tanggungjawab wakil rakyat adalah mendengar suara hati rakyat. Di mana ada aduan dan kemahuan dan disitulah wakil rakyat akan turun. Contohnya rakan saya Yang Berhormat Meru yang baru sahaja balik dari Indonesia semalam kerana mewakili pihak Kerajaan Negeri Selangor memberi bantuan kemanusiaan kepada mangsa tsunami di Negara tersebut. Beliau disambut baik oleh penduduk di situ. Ini lah semangat jiwa rakyat yang ditunjukkan oleh wakil rakyat Pakatan Rakyat. Tanpa mengira sempadan, masa, bangsa dan agama kita memberi bantuan kepada rakyat yang memerlukan. Ingin saya tegaskan juga bahawa perlembagaan persekutuan menjamin hak dan kebebasan setiap individu untuk bergerak secara bebas dan selamat di Negara kita. Adakah Yang Berhormat Tanjung Karang sebagai seorang penggubal dasar lebih hebat daripada perlembagaan persekutuan kita. Oleh itu kenyataan dan tindakan Yang Berhormat Tanjung Karang yang menghalang orang lain pergi ke Tanjung Karang jelas menggambarkan pemikiran beliau yang cetek dan sempit. Yang Berhormat Kuang pun selalu melawat ke kawasan saya, saya tiada masalah. Dunia sekarang adalah dunia tanpa sempadan, barangkali Yang Berhormat Tanjung Karang hanya boleh Tanjung Karang *roaming* dengan izin tetapi tidak mendapat *International Roaming*.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, boleh dapat penjelasan.

YB PUAN GAN PEI NEI : Tindak tanduk, nantilah saya tak bagi.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Kenyataan tadi yang kata tadi Kuang datang.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat nantilah saya bagi peluang untuk bahas.

YB PUAN GAN PEI NEI : Nanti bahas ok. Tindak tanduk yang tidak bertamadun yang ditunjukkan oleh yang Berhormat Tanjung Karang ini seolah-olah memberi mesej kepada orang ramai bahawa budaya samseng dan *gangster* ini adalah betul dan digalakkan.

Ahli-ahli dewan yang saya hormati sekalian. Saya juga ingin menyeru dewan ini untuk mengutuk PDRM yang gagal menjalankan tugas dengan profesional untuk menjaga keselamatan Yang Berhormat Sekinchan semasa insiden tersebut berlaku. Walaupun terdapat lebih dari tiga orang anggota polis yang beruniform yang berada di situ tetapi hanya mereka bertindak sebagai pemerhati sahaja. Saya mencabar Yang Berhormat Tanjung Karang untuk memberi maklumat dan bekerjasama dengan PDRM untuk membawa mereka yang menimbulkan kekecohan ke muka keadilan kalau sekiranya dikatakan beliau tidak kenal dengan mereka yang menimbulkan dan memukul Yang Berhormat Sekinchan. Pihak polis patut nya bertindak cepat dan bersikap adil bagi menangkap mereka yang memukul Yang Berhormat Sekinchan. PDRM tidak harus mengamalkan polisi *double standard* dengan izin dalam pengendalian kes yang melibatkan pemimpin Pakatan Rakyat. Selalunya kita nampak masanya yang begitu panjang di ambil untuk dijalankan siasatan terhadap kes yang melibatkan orang BN UMNO khasnya, sedangkan dalam insiden ini maklumat dan gambar telah dibekalkan kepada pihak polis.

Tuan Speaker dan Ahli yang Berhormat sekalian, sekian saja ucapan saya dan saya mohon usul ini dibahaskan dalam dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Selepas ini saya akan membenarkan maksimum lima belas minit setiap ahli di dewan untuk membahaskan usul ini. Baik dipersilakan Sungai Burong.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker. *Assalammualaikum w.b.k.* selamat petang, selamat sejahtera. Sungai Burong mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan isu yang sepatunya tidak perlu di bawa ke dewan ini walau pun telah diputuskan oleh Tuan Speaker dianggap segera.

Tuan Speaker, tuan-tuan dan puan-puan, saya sebenarnya lebih terkilan terutama sekali ia berlaku di DUN Sungai Burong. Saya wakil rakyatnya, kampung tu kampung saya Kampung Kuchai Buang ya, dan saya pada pagi itu ada program majlis dialog dengan Persatuan Nelayan di Parit Tiga. Saya dapat telefon lebih kurang pukul 12.00 suatu insiden telah berlaku di jalan raya nak masuk ke kampung saya. Itu sebabnya tadi saya bertanya dengan Teratai apabila Ahli Dewan Undangan Sekinchan datang ke tempat saya tu, dia katakan ada majlis perjumpaan dengan pesawah-pesawah Sawah Sempadan Tanjung Karang, saya bertanya tempatnya di mana, adakah majlis di adakan. Selalunya kalau ada perjumpaan-perjumpaan ini terutamanya wakil rakyat untuk penduduk-penduduk atau pun pesawah-pesawah tu telah dikumpulkan sebab kita nak dengar rintihan daripada pesawah-pesawah tersebut. Tapi apa yang berlaku saya di fahamkan Yang Berhormat telah datang dan kemudian berlaku satu insiden yang kontroversial yang mengakibatkan pergaduhan di kawasan ataupun Yang Berhormat telah didakwa telah dipukul. Ini yang berlaku. Setahu saya apa yang telah dibuat oleh DUN Sekinchan ini ya, tidak langsung beritahu kepada saya sebagai wakil rakyat. Saya itu nak bertanya tadi kalau Teratai ke Kuang tu datang adakah dia datang senyap-senyap sahaja masuk pintu belakang rumah Teratai ataupun dia beritahu. Tidak ada pun satu *courtesy* Rawang, minta maaf ya Rawang tadi datang. Tak ada pun rasa nak beritahu, nak beritahu sebab ini adalah majlis dialog sama ada isu ini telah dibincangkan di peringkat DUN Sungai Burong atau tidak. Sebab ada wakil rakyat di sana tentang isu masalah padi. Dan kita dalam Barisan Nasional ada cara kita sendiri. Sebenarnya isu padi, harga padi ini akan berlaku setiap musim dan sebenarnya kita ada cara dan setiap musim pun majlis dialog kita adakan. Saya sendiri telah dijemput untuk menghadiri majlis dialog di Dewan Sri Tiram Jaya dengan pesawah-pesawah di Sawah Sempadan yang membangkitkan isu-isu sama. Kita telah mendengar dan kita akan mengambil perhatian tentang isu-isu tersebut. Dalam musim yang lepas pada bulan awal pada musim menuai yang lepas begitu juga. Boleh dikatakan setiap musim di sawah-sawah di setiap kampung di tempat saya itu kalau padi isu-isu ini akan dibincangkan di tempat kita. Tetapi sebab saya tahulah ADUN Sekinchan ini nak jadi juara, ya jadi tiap kali musim padi dia akan bawa isu demonstrasi. Dah banyak kali dia tunjuk perasaan ini. Hari tu di Dewan Dato Noh Omar dah tu pada musim dua musim yang lepas dia bawa di tempat pengilang membeli padi. Dan kemudian walau pun satu majlis dialog ingin diadakan ya, tapi ha ini lah satu masalah DUN Sekinchan. Di belakang bukan main, kalau tak ada orang dia kumpulkan orang di bawalah orang-orang dia. Yang ini saya tak hairan kalau Yang Berhormat Ahli Parlimen Tanjung Karang sebutkan dia bawa samseng dia. Sebab budaya ini telah diserap begitu lama ya. Bila nak di adakan majlis dialog, Sekinchan tak nak pergi, macam-macam dalih. Saya ingat lagi dialog di Dewan Sekinchan ada saja alasannya sanggup menteri bertanggung tarikh. Hari itu pun tak datang. Lepas itu buat tunjuk perasaan lagi. Ini lah budaya yang di bawa oleh Sekinchan dan orang tempat saya marah. Hari ini saya difahamkan ada dua ratus orang marah berhimpun di Pekan Tanjung Karang atas apa yang berlaku. Bukan kita tak simpati, tapi saya fikir cara budaya yang dibawa oleh Sekinchan ini satu budaya yang

mengajak orang mengganas. Yang ini yang mungkin penjelasan akan diberikan lah. Dia datang kat situ bukan tujuan apa-apa. Tapi kita tahu beberapa hari sebelum itu ya saya difahamkan ada orang turun di kedai kat pekan di kawasan Kampung Kunci Air, bukan Baung ya, Buang. Baung itu nama ikan yang terdapat di sungai di tempat saya. Tetapi tempat itu namanya Buang. Kampung Kunci Air Buang itu, ya. Dah cakap kali ini tengoklah orang Kunci Air Buang dia cakap kedai-kedai kopi jadi agaknya yang menimbulkan kemarahan kepada orang sawah. Orang sawah sana baik-baik, orang sawah tempat saya dia cintakan keharmonian, dia tak suka gaduh, masyarakat cina di Tanjung Karang, masyarakat India di Tanjung Karang hari ini dia berhimpun beramai-ramai nyatakan sokongan bahawa kita orang Tanjung Karang tak mahu orang luar campur tangan. Kita boleh uruskan sendiri, Kita ada Menteri Pertanian kita sendiri. Masalah padi dibereskan. Tahun lepas apabila berlaku masalah kenaikan harga padi mereka yang telah dibeli padi pun dibantu.

Tuan Speaker dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Masalah harga padi ini ditentukan oleh pasaran, permintaan dan penawaran. Amat malang kawasan Sawah Sempadan tempat saya tu mula-mula padi dituai. Oleh kerana pengeluaran yang mula-mula harganya biasanya

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, ya Yang Berhormat. Usul ini isu pokoknya adalah keganasan bukan soal harga padi.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : lalah pasal nak rintihan harga padilah itu saya nak tunjuk bahawa masalah....

TUAN SPEAKER : Tapi, nanti dulu Yang Berhormat. Saya perhatikan 80 peratus daripada ucapan Yang Berhormat berkenaan dengan kenaikan padi. Bukan soal harga padi, balik kepada isu pokok dia keganasan.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya faham, sebenarnya ini adalah provokasi, provokasi yang dibuat oleh DUN Sekinchan yang menyebabkan orang marah. Ini dia dan puncanya ialah masalah harga padi. Jadi yang ini orang tak suka.

YB PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker, minta laluan.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Ya ya ok nak tanya.

YB PUAN GAN PEI NEI : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong. Bolehkah saya tanya kalau tak kira provokasi atau pun apa. Apakah ini betul untuk pukul orang dari segi undang-undang. Kalau pukul orang ini di bawah satu kes jenayah. Kena dilokap dan kena dituduh di mahkamah. Tak kira dia macam mana provokasi, kalau Teratai pergi Sungai Burong adakah Sungai Burong nak pukul Teratai ke, ada ke, tak adakan. Kalau Sungai Burong datang juga saya akan jemput makan tak ada masalah, tak akan pukul orang. Ini satu demokrasi yang matang kita di negara ini. Bukan datang pukul orang. Keganasan itu menunjukkan kualiti ahli-ahli UMNO memang runtuh, memang jatuhkan imej UMNO. Saya nak tanya adakah

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuduhan jahat, kata Ahli-ahli UMNO budaya ganas, memukul orang saya boleh buktikan beliau pun ada masanya bergaduh di Galas pun bergaduh. Apa yang menyebabkan satu insiden pergaduhan adalah provokasi. Di bawah undang-undang ialah undang-undang amnya dia ada yang dipanggil reaksi daripada aksi, tepuk tangan sebelah tak boleh jadi ha. Saya tak tahu lah kalau DUN Sekinchan dia boleh mabuk langgar orang, kemudian tu lepas.

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker minta penjelasan ini sangkaan jahat peraturan tetap 36(1) sangkaan jahat kerana menuduh saya mabuk, mana bukti saya mabuk, tolong tunjukkan, kalau tidak tolong tarik balik.

TUAN SPEAKER : 36(6) ya baik Yang Berhormat saya rasa itu satu tuduhan, lebih baik ditarik balik.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tapi saya rasa Tuan Speaker memang dia mabuk la hari tu, dia langgar orang.

TUAN SPEAKER : Ha, Tuan Speaker mabuk pula.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Eh..minta maaf-minta maaf, silap itu DUN Sekinchan, Sekinchan.

YB PUAN LEE YING HA : Tuan Speaker, saya rasa Sungai Burong mabuk...

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya sebagai seorang yang melakukan kesilapan tersalah sebut, saya minta maaf, bukan niat saya nak kata Tuan Speaker, saya nak kata DUN Sekinchan, DUN Sekinchan yang mabuk, saya berani kata dia mabuk, sebab, saya nak tanya mabuk ke tak mabuk, masa langgar.

YB TUAN NG SUEE LIM : Hei, mana ada, laporan perubatan yang mengatakan saya mabuk, saya minta ditarik balik.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya tak boleh tarik balik Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat saya rasa kalau menuduh seseorang ahli itu kelakuannya mabuk, saya rasa itu dah melanggar peraturan, saya rasa lebih sesuai di tarik balik.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, kita ada laporan polis kalau salah laporan polis itu, salah lah saya, dalam laporan dibuat dia kata yang melanggar itu mabuk.

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, dalam laporan polis tidak ada menyatakan mabuk, ini rekaan daripada Sungai Burong, jadi saya minta ditarik balik, tak ada...

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tak ada rekaan.

TUAN SPEAKER : Kita ada peraturan, saya kena bertegas, kalau Yang Berhormat tidak mahu tarik balik ada menyatakan laporan polis maka kalau ada usul boleh di bawah ke Jawatankuasa hak dan kebebasan, kita cuba elak perkara seperti itu, kalau satu tuduhan lebih baik ditarik balik..

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya tak ada sebab ini sebab saya tengok daripada laporan polis ada mengatakan [laporan polis ini kita boleh dibuktikan] saya bersedia bertanggungjawab hukumlah saya kalau saya salah demi kebenaran dan keadilan, Insya-Allah.

YB TUAN NG SUEE LIM : Minta tunjuk laporan Polis, Sungai Burong yang terlibat ke?

TUAN SPEAKER : Ya bagaimana Sungai Burong bagaimana, nak tarik balik tak?..

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Ini kawasan saya, saya ada 9,000 ahli-ahli UMNO di tempat saya yang menyokong saya, kalau saya tidak berdiri di depan mereka di belakang mereka untuk mempertahankan mereka, siapa lagi saya Wakil Rakyat yang dipilih, hari ini saya bercakap demi maruah orang-orang di dalam DUN Sungai Burong, saya beritahu Sekinchan kalau nak buat budaya jangan buat budaya di Sungai Burong.

TUAN SPEAKER : Nanti, nanti dulu, nanti dulu Yang Berhormat.. ya.. sekarang ini saya dah buat satu rumusan nak patuh ke tak nak patuh.. sama ada nak patuh nak tarik balik, itu tak sesuailah.. disebut dia mabuk.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Ok. Kalau tak sesuai tak apa..saya tak nak tarik balik..

TUAN SPEAKER : Nak tarik balik ke tak nak?.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tak..saya tak nak tarik balik..tak..

TUAN SPEAKER : Jadi saya tak benarkan teruskan untuk perbahasan ini, ya Yang Berhormat Sungai Burong .. ya.. sila Ahli Dewan lain.

Kampung Tunku.....

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih, Tuan Speaker, Kampung Tunku juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul tergepar ini, bagi Kampung Tunku apa yang paling penting sekali ialah sesuatu apa-apa sahaja acara yang diadakan oleh mana-mana Wakil Rakyat ia nya tidak boleh melibatkan sebarang bentuk elemen keganasan dan di sini saya lihat ini adalah sesuatu yang tidak harus berlaku dan kita lihat pula apa yang pernah dilakukan oleh Menteri Pertanian kita ini, iaitu Ahli Parlimen Tanjong Karang, saya rasa dia (beliau) mempunyai rekod yang amat teruk sekali dari segi percakapannya dari segi cara beliau menangani isu-isu, terutama sekali beliau pernah menjadi Setiausaha Parlimen pada tahun 2003 pernah sekali beliau mengeluarkan kenyataan kafir zimmi/kafir habie yang mana kenyataan bahawa beliau menuduh DAP dan bukan Muslim sebagai kafir habie adalah sesuatu yang amat provokasi dan tidak adil bagi anggota-anggota daripada DAP dan juga bukan Muslim yang menyokong DAP.

Saya rasa ini adalah satu kenyataan yang tidak betul, daripada beliau, Yang Berhormat Ahli Parlimen Tanjong Karang juga pernah mengeluarkan kenyataan pada tahun 2005 dalam satu kes di mana beliau merupakan pada masa itu merupakan Timbalan Menteri Hal Ehwal dalam Negeri bahawa mereka yang tidak suka dengan cara polis menjalankan siasatan di Malaysia mereka boleh balik ke negeri asal masing-masing, jadi ini juga menimbulkan satu isu yang besar sehingga menjatuhkan imej negara dan sehingga Perdana Menteri pada masa itu Tun Abdullah Badawi perlu mengeluarkan kenyataan menegur beliau, meminta beliau untuk menarik balik.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat saya kira ini pun dah keluar daripada tajuk, lebih baik kita berbalik pada isu..pokoknya.. jangan kata ia..ia saya belum habis ya.. tolonglah saya tak benarkan usul ini dia tidak menepati tiga syarat, jadi lebih baik kalau kita tumpukan kepada isu tersebut, isu keganasan yang berlaku ke atas seorang ADUN.. ya.. saya rasa itu lebih sesuai..

jadi tak sesuai kalau kita membawa perkara-perkara sampingan ya saya minta semua tumpu pada isu pokok. Sila..

YB TUAN LAU WENG SAN : Ok. ok terima kasih Tuan Speaker, atas nasihat itu, jadi apa yang saya ingin mengulas ialah apa yang berlaku kepada terhadap Yang Berhormat dari Sekinchan ini merupakan sesuatu yang amat tidak betul, dan ianya perlu dikutuk sekeras-kerasnya oleh Dewan yang mulia ini, satu lagi perkara yang tidak kita lupa ialah, tindakan yang diambil oleh Polis terhadap kes ini, sehingga sekarang kita belum dapat apa-apa penangkapan atau siasatan dibuat, dan saya rasa itu adalah satu ketidakcekapan yang amat-amat besar sekali pada pihak Polis dan saya berpendapat di sini saya ingin membuat satu seruan kepada PDRM supaya kes ini perlu disiasat dengan segera dan penangkapan perlu dibuat dan mereka yang melakukan kesalahan ini perlulah di bawa ke muka pengadilan. Apatah lagi sekarang ini saya

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya mohon penjelasan..terima kasih Kampung Tunku. Tuan Speaker, saya minta penjelasan daripada Kampung Tunku sama ada Kampung Tunku terbaca atau tidak kenyataan akhbar hari ini oleh Ketua Polis Daerah Kuala Selangor bahawa telah mengambil percakapan ataupun peramalan pada hari ini untuk dua orang lagi saksi. Jadi saya fikir itu, mengatakan tidak ada tindakan itu satu perkara yang sangat tidak tepat.

YB TUAN LAU WENG SAN : Fasal apa, kalaulah Polis telah mengambil tindakan maka saya terima kasih kepada Polis, tapi berdasarkan daripada bukti-bukti yang ada pada Yang Berhormat daripada Sekinchan saya sudah pasti Polis sudah tahu siapa di antara mereka yang bertanggungjawab terhadap kes ini, saya berpendapat adalah tidak cukup kalau hanya setakat merakamkan *statement* sahaja sebab apa yang perlu dilakukan sekarang untuk kes jenayah seperti ini yang tidak begitu rumit dan malahan Yang Berhormat Sekinchan sudah ada bukti ada gambar foto maka penangkapan atau penahanan boleh dibuat sekarang.

Saya perlu memberi peringatan kepada pihak Polis bahawa kita tidak boleh membeza-bezakan seseorang itu, bukanlah kerana sesuatu itu merupakan Setiausaha Politik kepada Menteri Pertanian, maka kita tidak perlulah melakukan sebarang bentuk penahanan, saya rasa ini adalah tidak adil dan tidak berdasarkan kepada prinsip keadilan yang kita amalkan di Malaysia ini. Pada pendapat saya Tuan Speaker isu ini perlu diselesaikan dengan segera Dewan yang mulia ini perlu membuat satu pendirian yang kukuh bahawa kita mengutuk tindakan ataupun keganasan seperti ini pada masa yang sama kita perlu meminta Polis untuk mempercepatkan kalau tiada siasatan yang dilakukan maka perlu siasat kalau sudah adakan siasatan maka kita perlu bawa mereka yang bertanggungjawab ini ke muka pengadilan. Ini adalah Wakil Rakyat, Wakil Rakyat menjalankan tugasnya sama ada Wakil Rakyat itu dari kawasan itu atau tidak sama ada Wakil Rakyat itu mewakili kawasan itu atau tidak kalau isunya adalah berkaitan dengan rakyat saya rasa tidak ada masalah untuk mereka untuk mendekati dan memahami isu yang diberikan.

Di sini saya rasa setakat itulah, ucapan saya dan saya meminta Dewan ini menyokong usul ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sila Alam Shah.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Terima kasih, Tuan Speaker, apa yang berlaku kepada rakan saya di Sekinchan cukup menyedihkan dan apa yang telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO di Tanjong Karang cukup memalukan,

Tuan Speaker, isu *gengsterisme* dan samseng ini amat meluas di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO. Ini bukan kali pertama, insiden seperti ini berlaku kalau ini boleh berlaku kepada seorang ADUN apatah lagi rakyat yang berada di negara Malaysia. Pemimpin-pemimpin UMNO ini cukup gengster no. 1 di Malaysia bukan 1 Malaysia, mereka adalah gengster dan samseng no. 1, di Malaysia, tengok Perdana Menteri Malaysia sendiri di dalam ucapan beliau di Persidangan UMNO mengatakan sanggup mati untuk mempertahankan Putrajaya.

Bukankah itu satu gengsterisme punya ucapan itu satu yang memalukan, lagi satu Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong Karang, mereka pemimpin-pemimpin UMNO ini menghasut ahli-ahli UMNO, saya menyeru ahli-ahli UMNO cepat keluar UMNO dan masuk parti Keadilan Rakyat, ataupun parti DAP dan parti-parti PAS, DAP memang tak boleh kalau kita sanggup menerima ahli-ahli UMNO untuk masuk menjadi ahli Pakatan Rakyat, sebab mereka sentiasa dihasut oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Kita ada gengster no. 1 di Melaka, Ketua Menteri Melaka, gengster no. 1, di Perak, Ketua Menteri Perak, tapi Ketua Menteri kita cukup bersih, tak ada isu gengsterisme, tak ada isu kes jenayah, tapi Tuan Speaker, Sungai Panjang adalah gengster pecah kuil, gengster no. 1, pecah kuil orang hindu, kita ada budak gengster Ketua Pemuda UMNO. Macam-macam gengster tetapi apa yang amat menyedihkan dan menakutkan saya adalah di kalangan kita ada seorang gengster beliau adalah Ahli Yang Berhormat daripada Sementa, saya ada bukti, saya ada bukti Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Sementa adalah rakan sejenayah seorang bernama Dato' Pathmanathan.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Peraturan Dewan Tuan Speaker 36(1).

TUAN SPEAKER : Duduk dulu sila duduk dulu, Peraturan Tetap.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker, Peraturan 36(1) seorang Ahli hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan perkara yang dibincangkan itu, saya ingat ini adalah satu sangkaan yang tiada kaitan pun dengan apa yang kita bawa usul pada hari ini.

TUAN SPEAKER : Saya setuju. Saya berharap Yang Berhormat jangan lanjutkan perkara itu, sebab tidak ada berkaitan dengan isu keganasan ke atas ADUN Sekinchan.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Tuan Speaker saya ingin berucap atas gengsterisme di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO bukan sahaja Ahli Yang Berhormat daripada Sekinchan yang kena pukul mungkin ramai lagi yang mungkin kena akan kena pukul, akan dibunuh oleh pemimpin-pemimpin UMNO seperti yang saya katakan tadi, Ahli Yang Berhormat daripada Sementa adalah Pengarah bersama dengan seorang bernama Dato' Pathmanathan mempunyai saham yang sama banyak dengan Dato' Pathmanathan. Dia daripada Ample Qualiti Sdn. Bhd, Syarikat Ample Qualiti Sdn Bhd, Abdul Rahman bin Palil adalah rakan kongsi niaga Pathmanathan Maliannan seorang yang telah ditangkap atas alasan membunuh 4 orang, bukan sahaja membunuh, pakar dan buang.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Tuan Speaker Peraturan 36(1) saya minta..

TUAN SPEAKER : Ya, ya. Yang Berhormat saya

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Saham 750 ribu.

TUAN SPEAKER : saya dah dengar ucapan Yang Berhormat saya rasa memang keluar tajuk lah.. Saya minta jangan lanjutkan lagi...

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Tuan Speaker, saya sudah pun berucap panjang lebar atas Yang Berhormat Sementa saya harap gengster-gengster yang saya sebut tadi berhenti daripada cuba menjadi gengster no. 1 di Malaysia, gengsterisme pecah kuil, gengster-gengster UMNO curi pasir, gengster-gengster bawa kepala lembu ke kawasan kita, gengster-gengster yang memukul YB. Karpal Singh di kawasan Parlimen, di perkarangan Parlimen, gengster-gengster yang cuba membakar gereja baru-baru ini, gengster-gengster pelbagai jenis, macam-macam di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO. Dan atas alasan ucapan saya tadi saya harap perkara ini dapat dihentikan oleh pihak Polis. Saya juga tidak percaya kepada Polis. Pihak Polis hanya akan menumpukan kepada orang-orang yang tidak bersalah tetapi orang-orang yang bersalah tidak ditangkap. Mengapa sehingga ke hari ini orang-orang yang telah memukul Y.B. Sekinchan tidak ditangkap. Sekurang-kurangnya mereka mesti dituduh di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan sehingga ke hari ini masih belum dituduh, masih belum dihadapkan ke mahkamah. Hanya nak ambil percakapan, untuk apa nak ambil percakapan perkara ini berlaku di hadapan khalayak ramai dan atas itu saya menyokong penuh usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat daripada Rawang dan saya mengutuk sekeras-kerasnya pemimpin-pemimpin UMNO yang menghasut ahli-ahli mereka untuk memukul rakyat Malaysia, itu saja.

TUAN SPEAKER : Ya, Permatang.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Speaker: *Assalamualaikum wrt. Wbt.* Salam sejahtera, salam satu Malaysia. Terima kasih Tuan Speaker memberi peluang kepada Permatang untuk sama-sama membahaskan usul yang dibawa oleh Rawang. Pada saya, pemandangan bahawa usul yang dibentangkan, dikemukakan dalam dewan ini amatlah berat sebelah tidak adil dan pada saya boleh menganggapkan dia sebagai membuang masa dewan. Pertama, Tuan Speaker, saya nak meringkaskan..

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat... Yang Berhormat, ini yang saya tak boleh terima ni, ini adalah keputusan setelah saya mengkaji, sekarang ini ada keganasan dilakukan ke atas orang Wakil Rakyat yang dituduh masuk ke kawasan orang lain. Saya rasa ini ada satu perkara yang amat serius. Jadi, kalau..kalau Yang Berhormat nak bahas, bahas, kalau nak mempertikaikan keputusan saya sila rujuk kepada peraturan Tetap. Kalau nak cabar keputusan saya tolong rujuk pada Peraturan Tetap, gunakan Peraturan Tetap itu untuk mencabar, jangan dalam ucapan mencabar.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya tidak gentar.... Saya minta maaf Tuan Speaker kalau itu berupa satu ucapan untuk mencabar, saya mohon maaf kepada Tuan Speaker, tapi saya berpandangan bahawa ketidakadilan ini yang pertama di atas pada beberapa perkara. Yang pertama, kita adalah dewan, kita bukan mahkamah. Dalam kes ini Sekinchan dan juga Rawang yang bawa usul memberikan pandangan berupa pandangan-pandangan dari segi pandangan Sekinchan sebagai orang yang berasaskan dia dipukul tetapi dalam dewan kita tidak beri peluang kepada PDRM, kita tidak beri peluang kepada orang yang dituduh, siasatan sedang berjalan, polis sedang jalankan siasatan dan hari ini kenyataan akhbar Ketua Polis Kuala Selangor mengatakan bahawa dua orang lagi sedang dipanggil untuk diambil percakapan jadi saya merasakan apabila satu perkara yang masih dalam siasatan Polis saya fikir itu tidak sepatutnya kita bincang dalam dewan ini.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, kalau mengikut Peraturan Tetap dalam 36 ada menyebut bahawa perkara yang dibicarakan di mahkamah tidak boleh dibahaskan tidak ada satu peruntukan tetap yang menyebut bahawa perkara di dalam siasatan Polis tidak boleh dibahaskan, kalau itu kamu tak faham lebih baik kamu duduk.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker..

TUAN SPEAKER : Jangan cabar, jangan cuba..

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya tidak mempertikaikan...

TUAN SPEAKER : Saya bagi peluang kepada semua pihak, saya bertindak adil, bantahan daripada kamu tadi terhadap Y.B. Kota Alam telah pun saya terima sebab itu betul

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya terima teguran Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat boleh cabar mana-mana ADUN di sini, jangan cabar Speaker. Jangan cuba nak bermain-main dengan Peraturan Tetap. Saya hafal kamu tak faham.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Tuan Speaker, jadi pada saya usul yang dibawa menuduh UMNO sebagai gengster, sebagai pengganas dan sebagai, ini satu ketidakadilan, saya cabar kepada Sekinchan sepatutnya buktikan, yang terlibat itu betul ahli UMNO, bagi nombor keahlian UMNO cawangan mana, bahagian mana, baru boleh tuduh UMNO secara spesifik tetapi tidak dibagi keahlian UMNO dan UMNO dituduh ada 3 juta lebih UMNO di seluruh negara, di Tanjung. Karang ada hampir 20 ribu, jadi saya sebagai ahli UMNO, apakah saya berasakan adakah saya juga patut terima tuduhan ini. Jadi pada saya itu sangat tidak adil menuduh kepada ahli UMNO. Kedua, menuduh PDRM kerana PDRM sebuah agensi yang ada kredibiliti, kita tahu hari ini kadar jenayah dapat diturunkan atas usaha-usaha PDRM dan kalau ada pun berlaku perkara-perkara dan saya pun hairan apa pula tak percaya kepada PDRM kalau Sekinchan buat aduan *report* kepada PDRM sepatutnya tak payah buat *report* kalau tidak kepercayaan kepada PDRM. Jadi pada saya menuduh tuduhan-tuduhan yang sangat liar ini sangat tidak benar dan saya juga nak perjelaskan saya cuba dapatkan gambaran sebenar mengenai kejadian yang berlaku. Saya dimaklumkan waktu berlaku kedatangan Pegawai Khas Y.B. Sekinchan datang lebih awal bersama dengan seorang Ketua Kampung JKK Hamidon bin Salim buat perkumpulan sebab PDRM sudah mengenal pasti dan sudah mengetahui tujuannya diadakan satu demonstrasi untuk harga padi. Sebelum kedatangan Y.B. Sekinchan PDRM sudah beritahu minta kepada Pegawai Khas Y.B. dan juga Hamidon supaya tinggalkan kawasan ini dan tidak perlu dibuat bantahan atau demonstrasi kerana tidak ada permit dan sebagainya. Sudah diberi peringatan kerana PDRM melihat apabila ada sekumpulan lagi orang kampung yang keluar, yang mungkin tidak berpuas hati dikhuatiri keadaan itu tidak boleh dikawal, sebab itu nasihat awal telah diberi tetapi tidak diendahkan dan tidak dipedulikan dan kalaulah PDRM tidak hari itu, tidak mengambil tindakan dan saya ingat Yang Berhormat mungkin dapat kecederaan. PDRM mengambil tindakan apabila berlaku kekecohan tolak menolak PDRM arahkan Yang Berhormat masuk dalam kereta minta tinggalkan kawasan, itu yang saya dimaklumkan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, minta mencelah sikit. Saya rasa tidak adil bagi seorang ADUN yang dengar saja daripada cerita pihak ketiga dan beliau tidak berada di kawasan kejadian tersebut. Ini saya rasa ada sesuatu yang tidak sepatunya tidak berasas

kerana PDRM ketika itu tidak mengarahkan saya masuk kereta, beliau pun tidak menegur saya langsung pun.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sebab itu Tuan Speaker saya sebelum datang ke mari saya cuba dapatkan telefon dapatkan penjelasan daripada PDRM supaya apa yang saya bahaskan ini perkara yang sebenar saya dapat. Saya akui saya tidak ada di tempat lokasi kejadian, saya akui, Sekinchan, tetapi kita kena ingat bahawa apa juga maklumat yang diberi saya anggap itu adalah maklumat yang resmi daripada PDRM dan saya nak bertanya kepada Sekinchan tujuan sebenar apa niat datang, sedangkan waktu ini Sekinchan belum menuai, tidak ada isu harga padi yang nak dimainkan di Permatang yang di sawah sempadan sedang ada Majlis Tuaian Padi. Di Sekinchan belum, belum sampai ke kawasan Yang Berhormat kenapa buat kerja EXCO Pertanian. Satu ingat EXCO Pertanian yang patut turun bukan Y.B. Sekinchan yang patut turun, kalau EXCO Pertanian, saya rasa saya terimalah. Jadi ini sangat tidak adil, dan Yang Berhormat pertikaikan kenyataan saya kerana dapat daripada Polis, saya pun boleh pertikaikan kenyataan Yang Berhormat juga Sekinchan kerana sebab itu saya kata ini bukan mahkamah sebab itu kalau boleh kita nak keadilan kita panggil pihak-pihak yang terlibat untuk adakan siasatan kalau boleh dalam SALCAT atau apa-apa juga atau agensi ataupun apa-apa badan yang kita boleh gunakan, Tuan Speaker, itu saya berpandangan dan juga mengenai isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Sekinchan, saya menyokong pandangan Y.B. Sg. Burong, kita jemput Y.B. Sekinchan bersurat, telefon untuk adakan dialog, itu cara yang kita buat, dan kita buat dalam kawasan yang Berhormat sendiri di dewan Sekinchan. Kita jemput dialog tapi Yang Berhormat bagi dalih Menteri tukar tarikh, sesuaikan tarikh, Yang Berhormat tidak datang juga dan esok harinya Yang Berhormat rasa itu tidak betul. Jadi saya rasa Tuan Speaker, saya pun lebih fokus daripada tujuan ini, saya mengharapkan bahawa menuduh UMNO, menuduh PDRM sangatlah tidak tepat dan saya rasa itu adalah perkara yang sangat mendukacitakan. Jadi saya fikir PDRM hari ini sudah menjalankan tanggungjawab dengan begitu baik dengan cemerlang dan siasatan sudah dibuat, kita tunggulah keputusan, sama ada dakwaan tangkapan dan sebagainya dan barulah, kalau terbukti mahkamah membuktikan bahawa Yang Berhormat Sekinchan dipukul dengan saksi dan jelas mahkamah jatuh hukum, saya pun bersetuju untuk mengutuk serangan itu dan kena buktikan ia dibuat oleh orang-orang UMNO. Terima kasih Tuan Pengerusi, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker, Sekinchan bangun untuk turut membahaskan usul yang dibawa oleh usul tergepar yang dibawa oleh Y.B. Rawang untuk mengutuk keras tentang serangan terhadap saya sendiri sebagai mangsa pada kejadian tersebut pada 4hb. Sebelum saya memperincikan beberapa perkara yang dibangkitkan saya ingin turut untuk menjawab tentang dakwaan yang mengatakan ada jemputan daripada Menteri Pertanian pada tempoh hari pada 6 bulan yang lepas, sekiranya, lebih kurang 6 bulan yang lepas untuk saya turut bersama dialog di dewan Sekinchan pada ketika itu Yang Berhormat Permatang pun ada hadir, kalau tak silap saya. Ini memang betul, ada jemputan tetapi jemputan tersebut berakhir dengan pertikaian di dalam telefon. Ketika itu saya di Kota Baharu dan panggilan telefon daripada Setiausaha Politik Y.B. Menteri Pertanian iaitu Dato' Haji Shafiei dan kemudiannya disambut terus, oleh ditukar tangan dengan Menteri, Yang Berhormat, beliau meminta saya datang dan mencabar saya dalam telefon, kalau you hero, kalau you berani, you datang kita jumpa dengan cara yang tidak sopan maki hamun di dalam telefon, saya rasa tidak wajarlah seorang Menteri Pertanian, Pertanian yang tarafnya Menteri, taraf Menteri Tuan Speaker, cabar saya dalam telefon, maki hamun, saya walaupun ADUN biasa bukan EXCO pun tapi saya pun tak sangguplah nak maki hamun seorang Menteri macam tu ini cara dia dalam perbualan telefon tersebut dan saya terus memberitahu beliau yang saya tidak akan hadir

jemputan seperti ini yang tidak ikhlas yang tiada kesudahan dan saya minta kalau Y.B Menteri Pertanian dari Tg. Karang Dato' Seri Omar ikhlas nak menyelesaikan masalah petani, rungutan, keluhan, rintihan petani dalam aspek soal penjualan harga padi dan potongan basah dan benih padi, padi benih wajar jawab selesaikan kepada rakyat kepada petani tak perlu jawab kepada Sekinchan, ini yang saya nak jawab sini sebab Sekinchan bukan nak jadi hero, tak perlu pun yang jadi hero, publisiti yang menuduh yang saya nak cari publisiti mudah untuk menonjolkan kepada umum, saya rasa itu tidak perlulah, nampaknya Sekinchan ramai orang dah kenal, dengan kawasan Sekinchan pun ramai orang dah datang tak perlulah publisiti untuk dipukul sampai macam itu, saya rasa tak perlu, ini perkara yang saya nak jelaskan dan seterusnya saya mengutuk, saya marah dan kesal dengan insiden yang berlaku kepada saya walhal pada hari itu saya pergi ke kawasan sawah sempadan Kg. Kunci Air Buah. Di situ atas jemputan ahli-ahli UMNO. Walaupun tak ramai berapa orang saja ahli-ahli UMNO ini ada laporan Polis. Salah seorang daripada Ahli UMNO yang nama dia Nasri bin Mustafa tempat alamat tempat tinggal Batu 2 Kunci Air Buah, 45500 Tg. Karang Selangor bersama dengan Aminuddin bin Saidul ahli UMNO Cawangan Sawah Sempadan Selatan bersama dengan Basri bin Kosnan bersama dengan Ahman Nasiron bin Said semuanya daripada Sawah Sempadan ada, Basri Kosnan daripada kawasan Sempadan.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh bagi nombor ahli UMNO ketiga-tiga itu, boleh bagi nombor ahli UMNO ketiga-tiga mereka.

YB TUAN NG SUEE LIM : Mereka semalam sudah datang dan memberitahu *reporter* mereka adalah ahli-ahli UMNO, ini sudah cukup

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekinchan kena beritahu kalau ahli UMNO,

YB TUAN NG SUEE LIM : nak detailkan tak perlu..sudah macam mana nak beritahu dalam laporan ini tak perlu nak menunjukkan sama ada dia betul ahli UMNO, bukan isunya.. saya nak jawab tadi adalah tentang, jemputan.

TUAN SPEAKER : Baik, baik sekarang ini Y.B. Sekinchan kata yang buat laporan itu ialah ahli UMNO, sekarang Permatang kata tidak ada nombor ahli, saya rasa itu, berhenti kat situlah, memang dicatat dah Permatang berkata yang dikatakan ahli UMNO itu tidak dibekalkan nombor, itu cukuplah.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Dia minta nombor ahli sebab ahli UMNO yang menjemput parti bukan pemimpin UMNO untuk tujuan ini kita kena pecat, kita akan ambil tindakan disiplin, itu sebab kita nak ambil Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Jadi sekarang dia tidak dapat bekalkan macam mana, saya nak suruh balik rumah bawa ke, tidaklah, cukuplah memang dah tercatat tak rekod di mana Sekinchan tidak dapat membekalkan nombor ahli, itu saja. Ya silakan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Ya Tuan Speaker, saya tidak membekalkan nombor ahli sebab ramai orang beli nombor ekor cabutan dia, yang ini adalah satu kemungkinan sebab mengatakan mereka ini ahli UMNO kalau Y.B. Permatang tak berpuas hati laporan polis ini boleh saya bagi salinan kepada Y.B. Permatang boleh balik selidik buku daftar UMNO dan akan tahu sama ada tuduhan atau percakapan saya ini sah atau tidak, itu saja saya minta Y.B. Permatang maklum perkara ini dan saya dijemput oleh mereka ada laporan polis yang mengatakan menjemput

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, sekarang ni Kajang pula.

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin minta penjelasan daripada Y.B. Sekinchan dikatakan ada ahli-ahli UMNO yang buat laporan polis untuk membela hak Y.B. Sekinchan. Dalam keadaan ini bukannya semua UMNO yang jahat ya....Sebahagian saja yang mengasak dan jadi samseng. Jadi tidak betul juga nak mengatakan semua tu tak baik ...ia kan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih atas ingatan daripada Y.B. Kajang ..rakan seperjuangan saya. Memang saya setuju dan memang saya sokong 100% bukan semua ahli-ahli UMNO itu yang disebutkan samseng...tidak....ramai ahli-ahli UMNO kawan saya, *batir-batirku* (Bahasa Jawa), yang baik budi pekertinya kecuali satu dua yang akan saya sebutkan nanti. Saya dijemput pada hari...aa...4 hari bulan pukul 11.30 saya berada ...aa....bawa kereta sendiriduatiga pembantu saya sudah sampai yang bersama dengan En. Hamidun, Ketua Kampung Ampangan di situ dan untuk pergi ke warung di sini ditulisnya dalam laporan polis ya"membuat perjumpaan dengan Wakil Rakyat di DAP iaitu Ng Suee Lim di kedai minum Haji Kamidi....Kamidi, Kampung Kunci Air Buang Tanjung Karang berkenaan permasalahan padi. Perjumpaan tersebut telah menjadi kalam-kabut disebabkan campur tangan oleh pihak parti UMNO Tanjung Karang yang menyebabkan Wakil Rakyat tersebut dipukul". Haa...ini dia....saya pergi sana, pergi ke kawasan tersebut atas.....ingin saya tegaskan dengan jelas di dalam Dewan Yang Mulia ini, atas kapasiti saya sebagai Wakil Rakyat dan keprihatinan selama ini secara konsistennya saya terhadap isu penjualan padi dan harga padi dan potong basah. Saya pergi ke sana nak dengar rintihan rungutan mereka...apakah permasalahan sebenar yang berlaku di Sawah Sempadan sebab sekarang ini *saeiki* (Bahasa Jawa)....ya....musim menuai."*harbor season*". Jadi mereka menghadapi masalah di mana harga padi yang mereka jual terlalu rendah , 1,150....mereka minta 1,300.....ini petani minta dan potongan basah mencecah terlalu tinggi sehingga 25%.....aaabukan 17.....dulu 17 sekarang ada potong 25.....mereka kata tak puas hati.....walaupun sudah berjumpa dengan ketua-ketua kampung yang ada di situ ataupun badan-badan yang berkenaan tetapi tak ada penyelesaian. Perjumpaan dengan menteri pun tak ada penyelesaian. Jadi mereka nak bincangkan perkara ini di warung untuk minum kopi sahaja*ngombe kopi woyii*.....*orak eneng apo-apo* (Bahasa Jawa).....dan saya pergi sana saya diserang.....Tuan Speaker...ini masalah yang berlaku.....kenapa

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker, saya mohon penjelasan. Sekinchan, saya tanya dengan hati yang betul ikhlas lah, saya dapat maklumat bahawa sebenarnya Y.B. Sekinchan peringkat awalnya nak buat perjumpaan di hadapan kilang Bernas STJ, Serti Tiram Jaya. Tapi oleh kerana barangkali saya tak tahu apa masalahnya perjumpaan itu ditukar ke kedai Kamdi. Apa itu benar? Saya nak tanya itu.

YB TUAN NG SUEE LIM : Saya di sini di Dewan Yang Mulia Tuan Speaker saya ingin tegaskan tidak benar. Saya tak ada perjumpaan di kilang padi tersebut, tak ada.....kita cuma nak dengar rintihan, dengar dan bertukar pandanganminum kopi.....ya.....*ngombe teh tarik nang kono wei*....kat situ...kat kawasan situ.....itu saja. Dan saya pergi seorang, kalau saya nak berdemonstrasi saya kena bawa ramai, *reportemya* penuhnya....barulah boleh apa.....gempar gempur....ini pergi sorang.....saya pergi sorang, bawa kereta sorang, tak ada lah Driver....macam.....

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekinchan....Sekinchan datang ramai, datang ramai, datang yang lebih awal.....

YB TUAN NG SUEE LIM : Itu berapa pembantu sahaja....berapa pembantu saja.....

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : *Reporter* datang.....*reporter* datang.....

YB TUAN NG SUEE LIM : *Reporter* bukan, itu pembantu saya, setiausaha akhbar saya, tak ada *reporter*, ada Sinar Harian seorang tetapi tak keluar pun berita hari itu, Sinar punsaya tak tahulah kenapa hari tu.....

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Surat Khabar Cina pun ada.....

YB TUAN NG SUEE LIM : Tak ada, itu kita keluarkan sendiri...bukan ada *reporter*tak ada.....jadi saya minta tak perlulah penjelasan di situ.....saya dah bagi tahu perkara yang kisah benarnya itukisah benarnya. Jadi saya pergi situ minum kopi ya.....Malaysia ni aman damai...yaNegeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat ini pun aman damai. Saya walaupun Wakil Rakyat Sekinchan.....ya....kawasan Selangor, Wakil Rakyat Negeri Selangor, ADUN Ahli Dewan Negeri Selangor kawasan Sekinchan tapi dalam masa saya memberi perkhidmatan membela hak rakyat Sekinchan saya juga mempunyai tanggungjawab dan wajib prihatin terhadap mana-mana kawasan di luar daripada saya di seluruh negeri Selangor untuk saya ambil tahu sebab atas kapasiti saya Wakil Rakyat Negeri Selangor. Jadi saya nak jelaskan di sini tak ada sempadan "dunia tanpa sempadan". Wakil Rakyat perkhidmatannya pun tanpa sempadan. Yang ada sempadan Tuan Speaker adalah orang-orangnya yang mentalitinya kampunganmentaliti kampungan...Yang Berhormat Menteri Pertanian tu Menteri Kampungan, tidak layak menjadi menteri, menteri kampungan sepatutnya dia menjadi Menteri Kampong....

YB PUAN GAN PEI NEI : Saya mungkin penjelasan sikitlah sebab orang kampung yang saya faham sebenarnya orang kampung mesra dan mereka bersopan, mereka menyambut kita dengan baik saya rasa dalam konteks ni kita yang kutuk Noh Omar saja lah, Menteri Pertanian, bukan orang kampung lah yang dikatakan.

TUAN SPEAKER : Betul juga.....bukan semua orang UMNO jahat bukan semua orang kampung fikirannya kampungya sila.....

YB TUAN NG SUEE LIM : Ya...saya setuju....kalau ada terlanjur tadi saya tarik balik benda yang tak betul ya....sebab kita insan biasa....seperti yang Y.B. Sungai Panjang tadi sebentar tadi dalam bahas...."kita insan yang serba tidak sempurna. Baru hari ini dia orang mengaku.....baguslah walaupun terlambat sikit, bertaubat, ini kita di akhirat kita kena jawab, ini perkara penting...ya...Y.B. Meru ya....kalau tazkirah tu saya kena terima sikitlah.....yang pentingnya perkara ini orang kampung di situ mintak nak ada perbualan dan perbincangan tetapi yang memukul saya, saya pergi , bila saya sampai saya turun dua langkah tiga langkah saya jalan mereka dah kepong dan ada seorangnya datang terus bagi amaran saya "you bukan Wakil Rakyat sini, you balik kita tak mahu you datang kawasan kita"ha...dengan nada begitu .."balik"...oleh kerana kawasan situ dah dikepung dengan orang ramai, 30 hingga 50 saya pun seorang saja dan diapit oleh Ketua Kampung, Hamidun, dan pembantu khas saya saudara Wong Ah Chai saya pun dah nampak keadaan macam itu *ngak* bolehlah.....dan polis pun tak ada, polis ada dekat luar sikit sana, polis tak buat apa pun, aa.....ini bukan saya nak tuduh, pihak polis boleh tolong jawab. Dan saya, saya kata saya baliklah sebab kalau nak gaduh saya kata saya tak nak....saya bukan nak gaduh, tak ada niat pun saya nak gaduh, Sekinchan ini bukan pandai bergusti, tak pandai. Sekinchan tak pandai bergusti, kalau soal padi bolehlah faham sikit kalau gusti saya rasa UMNO lebih pandai. Budaya gusti budaya samseng. Dan saya, saya terus nak beredar tetapi waktu saya nak beredar nak buka pintu

itulah saya diserang kepala saya dipukul dua kali berturut-turut dan telinga sebelah saya dipukul oleh ahli-ahli UMNO empat orang yang boleh dikenal boleh dicam oleh Ketua Kampung saya, En. Hamidun bin Salim, boleh cam. Dan lebih malangnya, lebih malangnya yang saya kesal dalam insiden itu diketuai dikepalai oleh seorang Setiausaha Politik, namanya Dato' Haji Shafei dengan gambar saya ada, ini gambar. Ini kenyataan. Kalau boleh sangkal, tolong sangkal, tolong sangkal Tuan Speaker sebab ini Dato' Haji Shafei Asnawi, Setiausaha Politik Menteri Pertanian Ahli Parlimen Tanjung Karang Dato' Seri Noh Omar, Menteri Kampung. Aa...ini dia....jadi saya bagi tau ini ada gambar....saya ada gambar dengan tu.....saya dah bagi kat polislah...gambarnya.....

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Sekinchan.....

YB TUAN NG SUEE LIM : Ya....

TUAN SPEAKER : Y.B.,.....Y.B Batu Caves mencelah.....ada apa ni....

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Ni saya nak tanya Sekinchan, tadi saya lihat di sebelah sana tu bersungguh-sungguh mengatakan tidak ada ahli UMNO. Mungkin di sebelah sana tu saya nak tanya pandangan Sekinchan mengatakan bahawa Setiausaha Politik Menteri Pertanian tu bukan Ahli UMNO kot.....Apa pandangan Sekinchan.....

YB TUAN NG SUEE LIM : Sudah semestinyalah ya....kalau dalam konteks ini memang ahli UMNO lah tapi biarlah dia *check* sendiri nanti dia akan diminta nombor, saya tak ada nombor....nanti minta nombor dengan saya, saya tak ada nombor ya.....Terima kasih Batu Caves dan persoalannya sepatutnya Dewan Yang Mulia ini kita kena tetap, dalam dunia tanpa sempadan ini kita kena keluarkan satu keliling lah...ya...YAB kerana bagi tahu menteri yang punya menteri kampung ini bahawa setiap ADUN Ahli Dewan Negeri Selangor termasuk speaker nya, termasuk Menteri Besarnya, EXCO nya dan termasuk yang daripada pembangkang-bangkangnya daripada UMNO dan MCA, sahabat saya Sg. Pelek, semuanya bebas bergerak ke mana-mana tanpa halangan, serangan dan pukulan. Ini sepatutnya kita kena ada satu capai kata sepakat, pergi mana-mana pun, saya nak bagi tau.....

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh minta penjelasan, Sekinchan....saya nak bagi tahulah sekarang dalam Negara kita sekarang, tidak ada halangan apa-apa untuk pergi ke mana-mana. Apa ada masalah kepada Sekinchan pula. Exco biasa datang ke tempat saya, tak bagi tahulah saya pun saya tau dia ada di mana-mana di kawasan saya tak pernah ada apa halangan, untuk bergaduh dan sebagainya, keadaan selamat, balik dalam keadaan selamat, dapat maklumat dapat jumpa orang ramai. Isunya ialah Sekinchan sendiri yang membawa masalah, itu saja.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Permatang. Isu sekarang Permatang kalau saya pergi Permatang mungkin tak kena seranglah sebab Permatang bukan jenis yang di kategori dalam konteks samseng tersebutlah. Saya yakin dan percaya sesungguhnya begitulah, sesungguhnya begitu. Ya....Tuan Speaker, jadi kita kena ada satu garis panduan ataupun pekeliling supaya tak ada timbul isu kemudiannya ada menteri jawab dalam surat khabar Utusan ataupun "UTUSAN"....aa..."UTUSAN"...Utusan Malaysia ataupun dalam Malaysia kini dan sebagainya dalam....blog mengatakan "padan muka Sekinchan kena pukul sebab masuk kawasan orang lain". Ada ke menteri, seorang menteri ...jawapan daripada seorang menteri, tanggungjawab seorang menteri jawab jawapan macam ini. Kelas Fardu Ain pun tak lulus. Masya-Allah.....saya tak tau lah, Sekinchan pun kena tuduh la tapi keadaan begitulah.....begitulah...keadaannya..Masya-Allah.....saya tak tau.....kita sesama insan

manusia ni jawapan macam tu, kalau saya jadi menteri.....kalau ditakdirkan....ditakdirkanlah.....tak ada jawapan macam tu.....tak ada....Insya-Allah tak ada.....Insya-Allah tak ada ya.....jadi begitulah jawapannya.....begitu ego, sombong dan beliau tidak menafikan sesungguhnya tidak menafikan bahawa Setiausaha Politik beliau terlibat dan ahli-ahli UMNO yang pukul ini pukul siapa, orang ini baju "abang *iki*" "*Wong Iki*" (seterusnya menggunakan bahasa jawa) kalau tak nampak matanya buka besar sikit ni....ini ada gambar...ada gambar ni ha.....bukan saya nak tuduh secara tak berasas, gambar pun ada.

Dunia sekarang bukan senang kita nak cakap bohong dan seterusnya saya nak bagi tahu oleh kerana saya pergi sana turun sekejap pun dah kena serang sebegini maka saya mintaklah Menteri yang berkenaanpersoalan yang utamanya ialah.....ialah apa.....masalah petani. Saya boleh kena pukul, kena pukul dengan cara macam tu tak apa tapi tak bolehlah gunakan samseng macam tu, tak boleh. Kalau saya buat salah lain cerita...tak ada...saya kena pukul macam itu tetapi saya nak bagi tahu pada sidang dewan ini dalam bahas usul tergepar ini, walaupun saya diserang, dipukul, ditekan, diugut namun semangat dan keikhlasan saya untuk menolong petani akan saya teruskan untuk membela hak mereka. Ini janji saya dalam dewan sidang dewan ini. Dan sebagai seorang pejuang saya nak bagi tahu "membujur lalu melintang patah" "kalau takut dilanda ombak jangan berhuni di tepi pantai". Saya bukan nak *provoke*, tidak, saya nak pergi nak selesaikan nak dengar nak bawak ke sidang menteri, EXCO, selaku EXCO Kota Anggerik boleh panjangkan dan dia boleh tulis surat kepada menteri, begitu caranya dan saya pergi tak bawa senjata pun, senjata air kalau ada, air minuman, tak bawa senjata apa pun, saya tak bawa.....saya bukan orang kaya pergi sana boleh bagi duit hasutbagi duit kepada petani hasut, macam Y.B Sg. Panjang kaya raya, duit paling banyak.....tak ada.....lagipun saya nak bagi tahu Y.B. Sg. Panjang selalu saban hari datang ke Sekinchan

TUAN SPEAKER : Ya, Y.B Seri Muda mencelah.....

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Terima kasih Y.B Tuan Speaker. Saya nak tanya kepada Sekinchan, 4 hari bulan yang lepas Timbalan Pengerusi UMNO negeri Selangor mengatakan yang dakwaan Sekinchan dipukul itu mengarut. Padahal sepertimana yang dijelaskan oleh Y.B tadi Setiausaha Politik dia sendiri terlibat. Jadi apa komen Y.B. ni.....

YB TUAN NG SUEE LIM : Itulah sebabnya seorang menteri yang bertaraf kampung, mentaliti kampung *dia orang* begitulah tidak pelik dan ajaib. Begitulah jawapan saya. Terima kasih Seri Muda ya.....jadi permasalahannya, masalah petani harus diselesaikan. Sekarang orang bising, petani marah sebab apa masalah padi angin, Y.B Exco tentu tahu, padi angin yang banyak menyebabkan hasil merekaya....terjejas. Padi angin ni siapa yang bekalkan, Syarikat Haji Mat Nor yang diberikan subsidi padi benih yang begitu tinggi, kaya raya kan mereka, suku sakat mereka.....ini permasalahannya. Kalau mereka dapat membekalkan padi benih yang berkualiti.....Alhamdulillah.....saya jawab. Tapi kalau bagi benih padi, padi benih yang tidak berkualiti menyebabkan hasil petani merosot dengan teruk, pendapatan mereka susah, ini tidak patutlah...aa ini yang nak saya pertikaikan dalam konteks ini. Ya...oleh yang demikian dalam perkara ini saya mintaklah Y.B sekalian semua, kita sama-sama kena bertekad, kita elakkan sebarang politik, budaya politik samseng, budaya politik vandalisme ataupun bersifat keganasan. Ini bukan budaya politik Malaysia, saya tidak pernah pun serang Y.B Sg. Panjang pun...tak pernah...bahkan saya mengalu-alukan Sg. Panjang, Ketua Pembangkang yangtadi baru kita cerita....jangan balik..."*oju bule*"...dia balik...kita dah bagi tau....dia balik...tak apalah dia balik, tapi tak pernah pun kita serang dia...tak pernah...dia lari....Melayu lah *ngomongnge jawo*....dia balik. Saya tak pernah datang

Sekinchan dia nak tolong, dia nak cari tukang paku, tukang buat rumah, silakan...tolong, bagi duit banyak-banyak sebab apa yang ada pada Sg. Panjang ini tidak lain tidak bukan duit, fulusduit dia ada...ha...tahniah dan syabas saya ucapkan dan saya alu-alukan, datang lagi tiap-tiap minggu kalau boleh, bagi duit banyak-banyak kepada rakyat Sekinchan. Ini satu kebanggaan rakyat Sekinchan. Satu lagi kebanggaan projek di Sekinchan lah. Dan Tuan Speaker, saya di sini ingin mencadangkan, mencadangkan kepada pihak polis sebab saya ada gambar dan kita dah beritahu pihak polis, ya...memang kita perlu bagi masa kepada pihak polis untuk menyiasat tapi rakyat jelata, rakyat di Negeri Selangor tidak kira Melayu, yang Chinanya, yang Indianya, yang Jawonya, Banjar, Kapeh...semua mereka tertanya-tanya seorang Wakil Rakyat boleh dipukul sedemikian rupa dalam masa semasa beliau menjalankan tanggungjawab sebagai seorang Wakil Rakyat, seorang ADUN, pada masa tersebut untuk berkhidmat kepada rakyat boleh dipukul macam itu bagaimanakah jaminan mereka sebagai rakyat biasa....bagaimana? Dan Polis harus mengambil satu sikap profesionalisme dan bertindak dengan pantas, dengan gambar-gambar yang ada, bukan sahaja tahan lagi sebab benda ini kalau berlaku hari ini seandainya, saya ingin bagi tahu, seandainya perkara ini berlaku kepada Y.B Permatang, Permatang kena pukul "dibendung telung kali telung kali.....(bahasa jawa)" sampai bengkak saya yakin dan percaya malam itu juga ada tangkapan dibuat. Setuju ke tidak ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini...(meja diketuk sebagai tanda sokong)....setuju....aa....ini yang kita marah sebab "*double standard*"! Apakah Wakil Rakyat dari Pakatan Rakyat bukan Rakyat! Apakah Wakil Rakyat dari Pakatan Rakyat ini bukan Pilihan Rakyat, kita masuk dari pintu belakang....ini satu minda yang harus kita perbetulkan. Kena perbetulkan persepsi ini kalau tidak rakyat sesungguhnya tidak akan yakin terhadap pasukan penyiasat daripada Balai Polis. Dan di sini saya ingin mencadangkan dalam Dewan Yang Mulia ini, menurut Seksyen 124 Kanun Keseksaan, menyerang Ahli Parlimen dan lain-lain dengan niat hendak atau menghalang apa-apa kuasa sah di sisi undang-undang dijalankan, barang siapa dengan niat hendak mendorong atau memaksa mana-mana ahli Parlimen atau Ahli mana-mana Dewan Negeri atau mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) supaya menjalankan atau jangan menjalankan dengan apa-apa cara kuasa ahli itu yang sah di sisi Undang-undang, menyerang atau menghalang dengan salah atau mencuba dengan salah menghalang atau mempertakutkan dengan jalan kekerasan jenayah atau dengan menunjukkan kekerasan jenayah atau mencuba dan demikian mempertakutkan ahli itu hendaklah, hendaklah diseksa dengan penjara selama 20 tahun dan bolehlah juga dikenakan denda.....ini seksyen 124 Kanun Keseksaan yang ada. Jadi saya sebagai Wakil Rakyat saya tentu, kalau lain kali seandainya berlaku kepada Jeram, berlaku kepada Semenyih, berlaku kepada Kota Anggerik dan sebagainya kita wajar mengutuk sekeras-keras, polis wajar bertindak dengan profesional tak kira mereka siapa. Inilah betul-betul semangat yang kita hendak pupuk dalam masyarakat Malaysia ini. Haa...ini yang saya tekankan,oleh yang demikian kes ini saya nampak tak rumit. Polis kena jalan profesional sebab ini bukan kes bakar mayat seperti kes Sosilawati. Yang susah dah jadi mayat dan dibakar jadi abu agak sukar sedikit polis ngak bisa tangkap. Ini ada gambar-gambar sah dengan bukti-buktinya saya yakin polis pasti akan dapat melakukan sesuatu....sebelum saya habiskan perbahasan saya ingin juga saya sekali lagi menyeru semua pihaksekali lagi kita tentang budaya samseng budaya gengsterisme yang dibawa oleh Setiausaha Politik, Dato' Haji Shafei kepada Menteri Pertanian. Beliau seharusnya memberi penjelasan, Menteri Pertanian wajar memberi penjelasan kepada rakyat dan umum bahawa beliau kena bertanggungjawab dalam isu ini kerana Setiausaha Politik beliau terlibat dalam insiden mengetuai kumpulan penyerang samseng tersebut. Haa...ini isu yang kita "*highlight*" kan di sini jadi sekian sajalah Tuan Speaker. Kita tidak mahu ada seorang menteri yang bertaraf kampung, mentaliti kampung atau kita dengan bahasa Mandarinnnya,"*phu fei phu chang....phu fei phu chang....syiang chon phu chang*" ataupun "*par chein phu chang*". Aaa inilah kita tidak mahu dan kita wajar selesaikan masalah petani supaya tak payah nak tuduh Sekinchan nak jadi hero. Kalau perkara ini diselesaikan tak adalah bermusim-musim

Sekinchan nak jadi hero. Tak ada ruang langsung. Kalau Barisan Nasional, Menteri Pertanian dapat menyelesaikan ...ya...rakyat puas hati dengan masalah harga padi, potongan basah dan sebagainya saya yakin dan percaya tiada ruang langsung untuk kita nak jumpa nak *provoke* dan sebagainya. Ini tuduhan tidak berasas. Saya kesal dengan Sg. Burong yang tuduh saya macam-macam, mabuk dan sebagainya, beliau tarik balik dan cabut tidak berani berhadapan dengan saya apabila saya berbahas. Inilah seorang pengecut ataupun bacul yang ada daripada Sg. Burong. Tidak wajar seorang Wakil Rakyat, seorang Yang Berhormat bertindak sedemikian. Mesti berani menghadapi. Menuduh dan kita berani, jangan balik dulu. Ini apa punya tanggungjawab, apa punya aa...sikap yang ditunjukkan. Jadi sekian sajalah.....saya menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekarang saya meminta pihak kerajaan untuk memberi kenyataan.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih , terima kasih speaker dan terima kasih kepada teman-teman yang mengambil bahagian membahaskan usul mengenai ahli Y.B daripada Sekinchan dipukul, dibelasah oleh sekumpulan tiga puluh(30) orang yang disebut sebagai orang pemuda-pemuda UMNO yang mengambil undang-undang, meletakkan undang di tangan mereka yang usul ini telah pun diluluskan untuk diperbahaskan oleh Tuan Speaker. Saya yakin Tuan Speaker bila meluluskan usul ini sudah memikirkan panjang-panjang perkara ini. Sudah memikirkan masak-masak. Saya fikir yang difikirkan tidak lain tidak bukan implikasi daripada kejadian ini. Apa implikasinya? Adakah kejadian ini satu perkara yang *isolated* berlaku hanya di Sawah Sempadan di Kunci Air Buang begitu ataupun kejadian ini akan menimbulkan satu reaksi kepada masyarakat kita. Reaksi masyarakat yang katakan Selangor ini negeri yang sudah maju. Adakah begitu sifat kita? Sebagai insan-insan yang duduk dalam negeri yang maju tapi tak boleh lihat orang lain yang namanya Wakil Rakyat daripada Sekinchan sedangkan tempat ini adalah sebelah dengan Sekinchan. Tak bolehkah orang Sekinchan pergi ke Sg. Burong, saya mewakili Sg. Burong dulu, sejak tahun 1998 dulu. Saya tahu orang Sg. Burong ni Speaker, orangnya baik-baik, miskin tapi hatinya kaya. Tapi pemimpin-pemimpin mereka yang akhir-akhir ini UMNO, kaya tapi hatinya miskin. Itu beza dia. Aa..Orang Sg. Burong dia miskin tapi hatinya kaya, tapi mereka dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang kaya hati mereka miskin. Sebab itulah timbul masalah-masalah yang sedemikian. Saya tengok benda ni tak masuk akal. Pasal apa tak masuk akal yang pertama sekali mana boleh kita nak mengehadkan sama ada Wakil Rakyat, orang biasa, orang yang tak ada kedudukan, orang yang tak ada pangkat pergi ke mana-mana di Malaysia ni atas nama demokrasi kebebasan untuk menyuarakan sesuatu, sama ada pangkat atau tak pangkat kalau namanya kebaikan kita mengalu-alukan. Ini ADUN. Di sebelah, di sebelah Sg. Burong tu namanya Sekinchan, di sebelah Sekinchan namanya Sg. Burong. Apa masalah dia? Saya tak nampak langsung ada masalah dalam hal ini. Tapi masalah ini ditimbulkan oleh kerana Politik Sempit ini Aa saya rasa Speaker mesti mengambil perhatian ini kerana politik sempit di Selangor, Politik Sempit tak ada tempat. Di Selangor, politik sempit, orang politik sempit tak ada tempat. Di Selangor orang Politik Sempit termasuk *minister* yang dikatakan kampung, mentaliti kampung itu sepatutnya tak ada tempat. Inilah yang berlaku dalam masyarakat. Kalau kita biarkan ini terus-terus berlaku apa gambarannya kepada anak-anak sekolah rendah. Apa gambarannya pada anak-anak Sekolah Menengah. Ramai anak-anak sekolah rendah, sekolah menengah dalam 55% di kawasan Sg. Burong itu anak-anak Sekolah Rendah Sekolah Menengah. Bagaimana dia tengok pemimpin dia misalnya yang masuk ke kawasan yang namanya Kunci Air Buang atau Sawah Sempadan nak mempertahankan nak bersama-sama dengan petani yang potongan basahnya dulu 17 % sekarang dah jadi 20 ke 25%. Dulu dapat RM1,300.00 satu tan sekarang dapat RM1,150.00 satu tan. Betul tak betul? Kan ini masalah, kan ini masalah rakyat. Masalah rakyat ini tidak ada sempadan. Kalau masalah rakyat itu di Kedah, kita ke Kedah, apa masalahnya. Masalah rakyat itu di Sarawak kita ke Sarawak hatta

masalah rakyat di “Timbaktu” pun kita ke harus ke “Timbaktu”. Apa masalahnya kita. Sebab itu saya fikir Negara yang maju seperti Selangor ini manusianya manusia yang *universalistic, universalis*. Manusianya yang globalisasi, manusia yang faham tentang kedudukan manusia. Hati aspirasi manusia. Sebab itu saya sokong sangat bila speaker tadi membenarkan usul ini dibahaskan, saya antara orang yang gembira sebenarnya. Pasal saya merasakan ini penting. Ada orang menganggap agaknya usul ini tak penting tapi sangat penting pasal saya memikirkan budaya dan *culture, what sort of culture are we creating*, dengan izin. Apa benda *culture* yang kita hendak. Sebab itu saya memandangnya tuan speaker ya, teman-teman daripada Rawang tadi, daripada Sg. Burong, daripada Kg. Tunku, daripada Kota Alam Syah, daripada Permatang, daripada Sekinchan rasa saya telah pun memberikan pendapat dan pandangan masing-masing. Tapi apa pun *bottom line* nya ialah kita mesti berfikir luas. Kita mesti berdada lapang. Kita mesti terbuka. Soal politik memang soal politik. Inilah namanya “*The Politics of Development*”. Bukan Politik sempit. *Politics of Development*. Siapa yang patut dibantu mesti dibantu. Siapa yang patut menerima rawatan mesti dirawat. Siapa yang perlu ditunjukkan jalan mesti kita menunjukkan jalan pasal kita adalah pemimpin-pemimpin yang dilantik, yang dipilih oleh rakyat. Sebab itu bagi saya terlalu, terlalu tak cerdik lah bagi saya tindakan yang diambil oleh pemuda UMNO yang 30 orang yang disebut tadi tu. Apalagi ulasan daripada menteri. Ulasan daripada Menteri, ulasan yang disebutkan oleh Y.B. daripada Sekinchan tadi, itu ulasannya. Bagi saya ini satu ulasan yang tidak bertauplah, maknanya tidak akan timbul suasana yang namanya suasana kedamaian, keamanan, keselesaan dalam hidup ini kalau menteri-menteri berfikiran yang sedemikian. Kalau menteri yang berfikiran sedemikian, Timbalan Menteri pun mungkin berfikiran sedemikian. Kalau Timbalan Menteri pun berfikiran sedemikian itulah yang Setiausaha Politik yang disebut tadi tu bertindak sedemikian.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat.....

YB DATO’ DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Ya....

TUAN SPEAKER : Sejangkang ingin mencelah.....

YB DATO’ DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Silakan.....

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya nak minta penjelasan. Adakah ini merupakan satu manifestasi apabila baru-baru ini kita mendengar Perdana Menteri sendiri mengatakan bahawa Silat Gayong ini *as a part of defence mechanism* di Malaysia ni yang saya kira saya tidak menyalahkan Silat Gayong itu tetapi apabila keluar daripada seorang Perdana Menteri yang mengatakan Silat Gayong ini diiktiraf sebagai *defence* di Malaysia ini. Saya minta penjelasan.

YB DATO’ DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Ialah, itu pun serupa jugak yang mempertahankan Putera Jaya sampai titisan darah yang terakhir, lebih kurang lah, gayon-gayong dengan itu lebih kurang lah tu. Jadi maknanya, sebenarnya satu masa dulu Tuan Speaker, UMNO ada satu pasukan gerak gempur. Kalau kita ingat pada masa dululah. Gerak gempur dia pakai baju hitam.....pakai baju hitam. Apa kerja dia, ialah tidak lain dan tidak bukan memporak-perandakan sistem pilihan raya. Ini UMNO. PAS tak ada, PAS yang...dalam PAS yang ada ialah unit Amal....Beramal....beza dengan gerak-gempur UMNO dengan PAS. PAS beramal. Tengok kita punya orang-orang Unit Amal kita, ketua kita ni, Y.B daripada Meru. Tak balik-balik, baru semalam balik daripada nuun.....daripada Sumatera sana. Nak Bantu orang sana yang tersepit akibat daripada Gempa Bumi. Dengarnya nak pergi ke Merapi tapi tak dapat. Inilah kita. Tapi pakai baju hitam, jolok sana jolok sini, maki sana maki sini, naik motosikal bising kat sana, runtuhkan sana, runtuhkan sini, inilah budaya dia. Saya ingat lagi

gerak-gempur ni, dilatih dekat tu...nun...salah satu tempat latihan di Kem Tun Ghafar. Kat Ampang sana....Sila atau bekas Gerak Gempur.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Terima kasih. Dah taubat. Saya hendak bertanya dengan Gombak Setia adakah waktu itu Gombak Setia terlibat sebagai seorang fasilitator dalam Gerak Gempur pada waktu itu.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Saya tidak pernah menjadi orang UMNO macam YB dan saya tidak tersenarai mana-mana pun sejak dari lahir sekarang ini boleh disemak saya tidak pernah menjadi orang UMNO. Tapi apa yang hendak saya sebutkan saya ini terlibat sebagai pakar motivasi memotivasikan orang supaya di peringkat diri mereka menjadi insan yang baik. Di peringkat keluarga, keluarga yang sejahtera, di peringkat masyarakat, masyarakat yang damai, di peringkat negeri dan negara Menteri Besar menyebutkan *bothdatun toibatun warabun ngapur* negeri yang aman sentosa Allah Maha Pengampun itulah kerja saya. Tak adalah pakai baju hitam pergi ketuk sana ketuk sini, seghah sana seghah sini, naik motosikal loyang sana loyang sini tak de tak de tak de ini UMM...ooooo. sebab itu saya Tuan Speaker akhirnya saya menyebutkan. Saya mengharap sangat ini kita kena jaga prinsip-prinsip kita ini. Tak guna Selangor ini maju kalau majoritinya *wholellsme* ini. Tak guna Selangor ini maju majoritinya perompak penyamun ini. Tak guna Selangor ini negeri yang maju, tak guna you kalung dengan kalung Selangor negeri maju tapi manusia, manusianya miskin jiwanya tak guna sama sekali. Sebab itu Kerajaan Pakatan Tuan Speaker alhamdulillah 2 tahun 8 bulan kita tengok kita tengok ya. Di Kuala Selangor baru-baru ini dalam minggu lepas kita adakan program namanya memperkasakan institut keluarga ya. Masya-Allah masa qiamullail pukul 31/2 pagi itu masjid penuh ruang lega penuh sampaikan ada 8 khemah dekat masjid 8 khemah penuh pukul 31/2 pagi. Seluruh minta ampung kepada Allah SWT. Itu kita, itu kita sebab itu kita, kita hendakkan suasana yang baik, suasana yang aman membangun mempunyai kekuatan rakyat Selangor mempunyai kekuatan. Nombor 2 Tuan Speaker saya hendak mengakhirkannya saya harap sangatlah saya harap sangatlah polis seperti seruan Kg. Tungku tadi. Polis yang kita tahu mempunyai profesional yang tinggi dapat melihat perkara ini daripada kaca mata yang penuh keadilan. Sebagaimana Sekinchan menyebutkan bila peristiwa ini berlaku 3 orang Polis kan. 3 orang Polis duduk, duduk, duduk jauh berdiri jauh dari situ. Tak ambil satu, satu langkah pun. Ini saya rasa menyalahi prinsip-prinsip menjaga keamanan dan menjaga *public order – public order* ya menjaga ketenteraman awam - ketenteraman awam bukan begitu. Itu caranya. Saya tidak Polis tetapi saya pernah memberi syarahan kepada Maktab Polis sebagainya. Jadi saya tahu prinsip – prinsip kerja Polis ini. Yang ke 3 ingin kita menyebutkan saya harap perkara ini tidak berulang lagi. Harap sangat perkara ini tidak berulang lagi. Mari kita jana kekuatan yang ada di Selangor ini

YB TUAN NG SUEE LIM : celah sedikit

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : sila

YB TUAN NG SUEE LIM : Setuju YB EXCO tentang profesional seharusnya tidak pilih bulu tidak pilih kasih. Tidak pilih kasih sama ada Pakatan ataupun Barisan wajar kita ambil tindakan. Sekarang ini seolah-olah Pakatan sahaja kurang tindakan sebab apabila kena Barisan terus bertindak. Bersetuju tak.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Saya pun kadang-kadang pening kepala tengok dulu bila Pilihan Raya yang memekik itu orang-orang Pembangkang, yang membalik botol itu Pembangkang yang minum itu UMNO. Jadi tidak beberapa betullah. Saya ingat cara itu paparan sedemikian sama sekali tidak secocok dengan semangat kita hendak melahirkan

Selangor ini sebagaimana disebut Negeri Idaman. Ini yang kita hendak dan percik-percik daripada suasana yang tidak sesuai ini saya rasa teman-teman daripada UMNO sebelah sana harap memikirkan dan salam-salam saya kepada Menteri-menteri saya kepada Setiausaha Politik beritahu mereka seluruh yang ada di sini di Dewan ini mengutuk sekeras-kerasnya apa yang mereka lakukan dan kita tidak izin sama sekali budaya ini masuk ke sawah sempadan, budaya ini masuk ke kunci air buang, budaya ini masuk ke Sg. Burung dan burung-burung lain pun di mana-mana pun kita tidak mahu budaya ini mengalir kepala dan hati benak masyarakat. Tuan Speaker Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekian perbahasan usul di bawah tetap 17 yang telah dibawa oleh YB Rawang. Setiausaha

V. RANG UNDANG-UNDANG (Sambungan)

Rang Undang-undang Perbekalan (2011) 2010

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Mesyuarat seterusnya sambung rang undang-undang perbekalan 2011-2012

TUAN SPEAKER : Perbahasan disambung. Dipersilakan

YB. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Pertama sekali Kg. Tungku mengucapkan tahniah kepada Y.A.M Menteri Besar kerana telah berjaya membentangkan Bajet kerajaan Negeri Selangor Tahun 2011 pada hari semalam. Sepintas lalu bajet 2011 merupakan satu bajet yang kesinambungan daripada bajet-bajet yang di bentang pada tahun sebelum-sebelum ini. Ia berlandaskan konsep Kerajaan Negeri Selangor pada 2008, iaitu konsep merakyatkan ekonomi Negeri Selangor. Bajet Kerajaan Negeri Selangor untuk Tahun 2011 juga tidak mencadangkan hasrat pembinaan bangunan setinggi 100 tingkat. Ini adalah apa yang dilafazkan oleh Y.A.B Menteri Besar semalam. Ini juga tidak seperti bajet Kerajaan Persekutuan yang disarankan dengan dasar-dasar populis. Walaupun begitu populis kita 1.4 ringgit Tuan Speaker bajet Kerajaan Negeri Selangor untuk tahun hadapan menjanjikan pulangan rakyat keseluruhan dari jangka panjang dan pendek.

Tuan Speaker saya juga berpendapat pujian harus diberi kepada Kerajaan Negeri Selangor setakat ini, kerana nampaknya apa yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak 2 tahun yang lalu termasuklah beberapa dasar-dasar penting seperti cuti bersalin 100 hari untuk kakitangan awam dan konsep atau dasar keperluan bandar, pembersihan Sg. Klang, kenaikan elaun kepada Guru Kafa dan banyak lagi dan sekarang ini pula sebahagian daripada program Kerajaan Persekutuan dan telah diserap di dalam Kerajaan Persekutuan pada tahun hadapan. Tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana sekali lagi menunjukkan bahawa Negeri Selangor negeri idaman kita ini menerajui perubahan dan kali ini kita ada di hadapan Persekutuan. Sekurang-kurangnya kita memandang lebih jauh sehinggalah apa yang dicadangkan oleh kita sekarang ini kita Kerajaan Persekutuan sebenarnya menerima.

Walaupun begitu sebelum saya melanjutkan ucapan saya terdapat beberapa perkara yang dilafazkan oleh YB Sg. Panjang tadi perlulah saya mengemukakan pendapat saya sebagai satu hujah di sini. Pertama sekali YB Sg. Panjang mengatakan bahawa terdapat tirsan dan beliau mengambil contoh bahawa peruntukan-peruntukan yang kita beri kepada Ahli Majlis kepada JKKK kepada PBT-PBT merupakan peruntukan-peruntukan yang tidak di audit tidak digunakan sebaik-baiknya untuk Kerajaan Negeri Selangor sehingga berlaku ketirisan sehingga berlakunya *defesit* RM65 juta saya rasa ini satu kritikan yang tidak berasa kalau mana-mana

Ahli Majlis yang tidak membuka pejabat atau tidak mengambil wang dan tidak membuat kerja. Maka saya boleh mencadangkan saya rasa cadangan ini boleh diterima oleh semua kita tukar Ahli Majlis itu dan saya juga ingin melafazkan cadangan saya di sini supaya Ahli Majlis kita tahu betul-betul pada sidang yang lepas saya pernah mencadangkan supaya Ahli Majlis yang kita lantik ini diberi satu *time limit* makna mereka diberi satu tempoh dan hak tempoh pelantikan sebagai Ahli Majlis selepas hak tempoh mereka itu markah mereka itu memberi peluang kepada orang lain. Bagi Ahli Majlis yang mempunyai prestasi yang tinggi maka kita boleh mempertimbangkan untuk menukarkan mereka kawasan ataupun PBT-PBT yang lain supaya profesi lima mereka ataupun kecekapan ataupun skli yang ada apa mereka itu boleh disumbangkan kepada majlis-majlis yang lain. Selain daripada itu terdapat tuduhan bahawa peruntukan sebanyak RM100 ribu setiap tahun kepada JKKK peruntukan sebanyak RM5 ribu kepada setiap zon PBT-PBT ini juga dikritik oleh YB Sg. Panjang. Saya rasa ini tidak betul kalau wang ini tidak digunakan maka ia akan dipulangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor betul tak. Kalau wang ini kalau peruntukan ini kita sebagai Wakil Rakyat tidak dihabiskan maka ia akan dipulangkan. Jadi tidak apa timbul ketirisan dan wang ini setiap peruntukan atau setiap perbelanjaan di bawah ini di bawah peruntukan ini ia perlu disertakan resit dengan gambar foto dan diserahkan kepada Pejabat Tanah baru boleh pembayaran di buat. Jadi saya rasa sangat hairan kenapa Sg. Panjang tidak tahu dalam perkara-perkara ini. Bukan kita bagi sahaja wang itu kemudian dihabiskan begitu sahaja.

Tetapi kita ada caranya atau acuannya. Sejalan dengan itu saya ingin menimbulkan satu isu YB Tuan Speaker tentang satu isu yang pernah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini pada sesi Dewan yang lepas yang mana saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah menerima satu memorandum berkenaan dengan wang MARRIS yang di peruntukan kepada sebuah PBT secara rundingan terus. Saya rasa isu ini isu itu pernah dibangkitkan dalam sidang yang lepas hingga sampai sekarang saya rasa kita pun ditanya oleh rakan-rakan kita dalam Dewan yang mulia ini apakah hasil siasatan terhadap isu ini dan saya rasa ini satu isu yang penting.

Dari semalam dalam ucapan Y.A.B Menteri Besar beliau mengatakan tentang kepentingan integriti. Saya rasa kita sebagai kerajaan Pakatan Rakyat kita perlu integriti dalam isu ini dan satu penjelasan perlulah diberi kepada Dewan yang mulia ini untuk menjelaskan isu ini dan bagaimana kita boleh menjelaskan masalah ini dan mengelakkan masalah ini daripada berlaku pada tahun hadapan. YB Tuan Speaker ini dibangkitkan satu isu yang mana dalam ucapan bajet semalam ini mungkin tidak berapa diberi perhatian iaitu masalah sosial di kalangan masyarakat India. Tuan Speaker masalah sosial seperti kadar pengangguran yang tinggi di kalangan pemuda pemudi India. Taraf pendidikan yang rendah serta pendapatan isi rumah rendah serta masalah-masalah lain yang dihadapi oleh masyarakat India sehingga sekarang sebenarnya masih belum dapat diselesaikan dengan sepenuhnya. Pada tahun lalu kita dikejutkan dengan percubaan membunuh diri orang kakak kepada pandiang Aswidan yang ditembak mati oleh Polis di Taman Klang Utama. Sekali gus menimbulkan kepincangan ataupun masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di Selangor ini. Dan ianya sewajarnya memerlukan perhatian khas daripada Kerajaan Negeri. Mendiang Aswidan bersama-sama dia 5 orang suspek jenayah yang lain semuanya keturunan masyarakat India mereka mati ditembak oleh Polis di Bandar Klang utama. Polis mendakwa kelima-lima mereka ini berusia antara 17 hingga 18 tahun terlibat dengan Geng IC Body yang terlibat dalam beberapa rompakan. Kakak kepada Aswidan ini cuba membunuh diri dengan meminum racun kerana beliau merasa sedih dan amat sedih ke atas kehilangan adiknya mati ditembak Polis. Wanita berkenaan jika diberi racun kepada 4 orang anaknya jadi ini satu episod sedih yang dihadapi oleh masyarakat Selangor. Saya berpendapat masalah sosial yang dihadapi oleh

masyarakat India di Negeri Selangor ini tidak boleh dipinggirkan kerana ia memberi kesan berpanjangan kepada kestabilan sosial kepada seluruh masyarakat di Negeri Selangor.

Jika ia berpanjangan saya rasa Negeri Selangor akan menghadapi impak yang panjang yang sangat teruk ke atas pembangunan ekonomi Negeri Selangor. Justeru itu Kerajaan Negeri perlulah melakukan sesuatu untuk membangunkan masyarakat negeri dengan memberi tumpuan kepada pendidikan dan juga sosial. Kita telah memberi peruntukan kepada AJKST dan kita juga telah memberi peruntukan kepada pembangunan agama kuil hindu di Negeri Selangor saya rasa kita juga perlu melakukan sesuatu. Sesuatu yang lebih efisien supaya kita boleh menghasilkan loncatan lontan atau kuarters lif dalam meningkat taraf masyarakat India dan masyarakat yang lain di Negeri Selangor ini. Tuan Speaker pendidikan dalam pendapat saya satu aspek yang sangat-sangat penting untuk melahirkan masyarakat modal insan yang berkualiti tinggi. Saya mengesan Kerajaan negeri Selangor supaya mempercepatkan proses pemberian tanah atau pewartaan tanah kepada SJKS(T) Selangor supaya mereka dapat membina sekolah mereka. Selain itu saya juga ingin menggesa Kerajaan negeri Selangor untuk memikirkan bagaimana untuk membuat pewartaan SJK(T) yang ada di Selangor ini apa bila mereka sekolah-sekolah ini perlu dipinggirkan atau perlu dipindah apabila estet yang sekolah ini terletak perlu dibersihkan untuk pembangunan. Kita hendak melihat apabila estet itu sesuatu estet itu dibersihkan untuk bangunan maka sekolahnya kena hilang rumah mereka kena roboh dan ini sesuatu yang harus berlaku. Kita perlu memikirkan satu cara bagaimana kita boleh membantu sekolah ini supaya ia boleh dikekalkan. Kerajaan negeri Selangor tidak harus lupa satu fakta yang penting ialah sekarang ini Negeri Selangor lebih setengah pekerja-pekerja ladang estet adalah terdiri daripada bangsa asing mungkin pada masa dahulu mereka ini kebanyakan mereka terdiri daripada India tapi zaman telah berubah yang menjadi pekerja-pekerja ladang sekarang ini kebanyakan warga asing jadi apa yang berlaku kepada pekerja-pekerja India yang dahulunya pekerja estet mereka sekarang ini ada di bandar. Ini mereka telah berhijrah Klang, Shah Alam, Petaling Jaya, Puchong dan tempat-tempat yang lain. Saya masih ingat di kawasan saya terdapat seorang penduduk India yang menduduki flat Impian Baiduri iaitu di kawasan DUN Kg. Medan, kawasan YB Puan Timbalan Speaker, beliau selalu datang ke pejabat saya menuntut bantuan kebajikan. Saya mengenali beliau kerana beliau selalu datang ke pejabat saya. Walaupun beliau merupakan penduduk di Impian Baiduri tetapi beliau sebenarnya berasal dari kawasan Ijok iaitu kawasan YAB Menteri Besar sendiri dan beliau menghadapi masalah kerana beliau menganggur kerana beliau tidak menerima pendidikan yang tinggi dan beliau memiliki seorang anak yang mempunyai prestasi yang sangat-sangat cemerlang tetapi oleh kerana beliau menganggur beliau tidak dapat menghantar anaknya ke sekolah. Saya rasa ini merupakan satu episod yang sedih bagi saya dan saya rasa ini adalah satu kepincangan yang bukan sahaja berlaku kepada individu berkenaan itu sahaja ianya berlaku kepada masyarakat-masyarakat kelas bawahan masyarakat India di Negeri Selangor dan saya dengan ini saya ingin menyentuh sedikit tentang keberkesanan tabung pendidikan anak pekerja ladang. Saya sempat membaca tentang beberapa program yang telah dilaksanakan di bawah tabung ini iaitu bantuan biasiswa secara *one-off* kepada anak pekerja ladang, program kemahiran teknikal di Kolej INPENS, program kelas tambahan sekolah Tamil di ladang Negeri Selangor, program-program peningkatan pembelajaran untuk anak-anak pekerja ladang, program usaha sama dengan NGO yang membantu meningkatkan pembelajaran anak-anak pekerja ladang, bantuan kewangan untuk sekolah-sekolah Tamil di ladang, subsidi tambang bas sekolah untuk anak-anak pekerja ladang, program penyerahan ataupun sumbangan hadiah kecemerlangan UPSR kepada anak-anak pekerja ladang. Pada pendapat saya program-program di bawah tabung ini perlulah dirancakkan dan disemarakkan supaya rakyat tahu tentang program ini.

Yang kedua nama pada tahun ini saya rasa perlu ditukar. Seperti apa yang saya katakan tadi kebanyakan anak-anak atau pekerja-pekerja ladang yang berketurunan India sekarang ini mereka telah berhijrah, tidak lagi tinggal di dalam ladang, mereka tidak lagi bekerja di ladang tetapi tabung ini hanya menjaga kebajikan mereka yang masih berada di ladang sahaja. Saya rasa tabung ini harus diberi nama baru supaya mereka yang berhijrah ini kebajikan mereka juga dituntut dan dipelihara. Saya juga meminta Jawatankuasa Membanteras Masalah Sosial yang didirikan di bawah portfolio Pembangunan Insan untuk menilai kembali dengan telitinya keberkesanan program yang dirancang supaya kita boleh tahu apa yang telah berlaku. Lebih baik lagi saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat EXCO yang berkenaan supaya Dewan ini diberi satu laporan dari masa ke semasa tentang keberkesanan tentang laporan perkembangan dan status terkini masalah sosial di Negeri Selangor supaya kita boleh memikirkan sama-sama bekerja untuk menyelesaikan masalah ini. Dewan perlu diberi makluman tentang laporan ataupun laporan kerja tentang Jawatankuasa ini.

Puan Speaker, untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di Bandar ini saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor mungkin kita boleh cuba untuk tahun 2011 kita meninjau sama ada mungkinkah kita menyerap golongan ibu tunggal dan juga mereka yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap untuk berkhidmat dengan PBT secara kontrak. Ini adalah satu cadangan yang saya rasa bernas kerana ianya boleh dilakukan. Mereka yang merupakan ibu tunggal ataupun mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetap boleh berkhidmat secara kontrak dengan PBT sebagai pembersih bangunan, jalan dan juga longkang yang diuruskan oleh PBT. Saya rasa daripada kita bergantung terus menerus bergantung kepada kontraktor Alam Flora, terus menerus mendapat kritikan daripada rakyat kerana prestasi kontraktor Alam Flora yang tidak memuaskan apa kata kalau kita ubah sedikit, kita mengubah ibu tunggal ini sebagai pekerja kontrak di PBT dan mereka bertanggungjawab untuk membersihkan bangunan, pejabat, longkang ataupun jalan yang diuruskan atau dijalankan oleh PBT. Saya rasa ini akan memberi kelebihan kepada kerajaan, PBT akan dapat mengurangkan kos ataupun perbelanjaannya. Kita tidak perlu bergantung kepada Alam Flora dan pada masa yang sama ibu tunggal ini akan mempunyai pekerjaan yang tetap dan ini akan membantu mereka untuk menaikkan taraf hidup mereka. Ini boleh dilakukan kalau kemudian hari MEMBA Skim Mikro Kredit Bandar ini diwujudkan. Ianya boleh digunakan secara berkesan untuk menaikkan taraf hidup golongan yang bernasib baik ini secara keseluruhan.

Jadi ini adalah satu cadangan saya, saya amat berharap supaya cadangan ini boleh diteliti oleh Kerajaan Negeri Selangor dan eloklah kalau kita boleh melakukan satu program ataupun projek perintis untuk projek ini. Satu lagi isu yang saya ingin bangkit, Puan Timbalan Speaker ialah kebajikan Orang Asli. Saya pernah bangkitkan beberapa soalan bertulis dan soalan lisan di dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan pencapaian-pencapaian yang telah di kecapi oleh Badan Bertindak Orang Asli Negeri Selangor yang juga disebut oleh Menteri Besar semalam. Saya juga menggesa Kerajaan supaya berasaskan kepada prinsip ataupun semangat kebertanggungjawaban kepada Dewan yang mulia ini saya meminta Kerajaan Negeri Selangor supaya membentangkan laporan dari masa ke semasa berkenaan dengan kerja ataupun pencapaian yang telah dicapai oleh Badan ini. Saya berpendapat adalah tidak cukup kalau hanya setakat menyentuh secara dasar atau secara *general* apa yang telah dilakukan.

Saya rasa laporannya sudah pasti akan mengandungi butiran-butiran terperinci tentang apa yang telah dilakukan, apa masalah yang sedang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli di seluruh Negeri Selangor, berbeza tempatnya masalahnya pun berbeza. Jadi perlu tahu apa yang telah dibincangkan dalam Dewan yang mulia dalam Badan Bertindak ini supaya kita tahu. Saya rasa ini sangat penting kerana wakil rakyat dan orang ramai harus diberitahu, mereka sekarang ini tidak diberitahu apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan dan saya rasa bagi

mereka bagi wakil rakyat mempunyai penempatan Orang Asli di kawasan mereka adalah penting untuk mereka tahu apa yang sedang dilakukan oleh Kerajaan Negeri supaya mereka boleh memantau, mereka juga boleh tahu kalau Kerajaan sudah melakukan sesuatu dan mereka berpendapat sesuatu itu masih tidak mencukupi maka mereka boleh memberi *feedback* kepada Kerajaan Negeri. Daripada kita menyentuh secara dasar, saya rasa dan saya meminta supaya satu laporan terperinci dikemukakan ke Dewan yang mulia ini dari masa ke semasa. Saya juga ingin menyentuh tentang Kempen Tanpa Beg Plastik yang saya berpendapat pada masa sekarang perlulah diperluaskan walaupun Kempen Tanpa Beg Plastik ini telah dilancarkan oleh Kerajaan Selangor pada tahun lalu tapi masih juga ada beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian.

Penggunaan beg plastik pada masa sekarang masih lagi popular di kalangan pembeli. Justeru itu adalah penting dan adalah perlu untuk Kerajaan Negeri memperluaskan kempen ini sekurang-kurangnya ke pasar-pasar yang diuruskan oleh PBT. Semasa program ini dilancarkan pada awal tahun 2010 ini Kerajaan pada masa itu berkata satu kajian akan dijalankan 6 bulan selepas kempen ini dilancarkan. Berdasarkan maklum balas daripada para peruncit sekarang sudah lebih daripada 6 bulan dan kita masih belum terima apa-apa laporan ataupun kajian. Terdapat juga cadangan bahawa para peniaga akan dikenakan syarat di mana mereka yang tidak mengambil bahagian di dalam kempen ini mungkin mereka tidak dapat memperbaharui lesen perniagaan mereka dengan PBT. Pada masa sekarang dasar ini masih belum lagi dilaksanakan. Saya berpendapat bahawa sebelum kita melaksanakan dasar ini satu kajian terperinci perlu dilakukan tentang sama ada berkesan atau tidak kempen ini, sama ada kempen ini betul-betul telah mengurangkan penggunaan beg plastik di Negeri Selangor. Kita tak tahu, sehingga sekarang tiada laporan sama ada kempen ini berjaya atau tidak. Satu lagi isu ataupun satu lagi isu yang perlu diselesaikan oleh Kerajaan Negeri ialah ketelusan di dalam pengurusan tabung yang disumbangkan 20 sen setiap satu beg plastik yang dibayar oleh setiap pembeli setiap hari Sabtu dan sehingga sekarang, sehingga saya mengatakan bahawa kita tidak dimaklumkan, ke mana perginya wang 20 sen setiap satu beg plastik yang dibayar oleh para pembeli ini dan saya ingin menggesa supaya Kerajaan Negeri Selangor membuat pengumuman dari masa ke semasa tentang wang yang telah dibayar oleh para pembeli ini kerana wang ini dikatakan digunakan untuk tujuan amal. Kita tidak tahu ke mana wang ini diberi, wang ini dikutip oleh para peniaga dan sama ada mereka menyerahkan wang ini kepada Kerajaan ataupun digunakan untuk tujuan yang lain kita tidak tahu.

Jadi ini perlulah kita memerlukan satu ketelusan. Secara keseluruhannya Puan Timbalan Speaker, saya berpendapat Kempen Tanpa Beg Plastik merupakan satu dasar murni, satu dasar yang baik dari Kerajaan Negeri Selangor tapi kelemahan-kelemahan yang terdedah semasa pelaksanaannya seperti apa yang saya terangkan tadi perlulah diperbetulkan dengan segera. Kerajaan juga harus menggalakkan penghasilan beg plastik yang boleh *dibiodegradasi*. Buat masa sekarang beg plastik yang mesra alam sekitar ini hanya digunakan oleh pasaraya-pasaraya besar sahaja, manakala peniaga-peniaga kecil di pasar malam, di pasar pagi di pasar tani mereka masih menggunakan beg plastik yang kurang mesra alam sekitar atau beg plastik yang langsung tidak mesra alam sekitar. Maka saya menggesa kepada Kerajaan untuk meninjau cara-cara yang boleh kita lakukan untuk mempertingkatkan penggunaan beg plastik yang mesra alam sekitar dan mengurangkan, kalau boleh mengharamkan penggunaan beg plastik yang langsung tidak mesra alam sekitar.

Kita juga perlu pro-aktif, kita juga perlu mencontohi Kerajaan-kerajaan Tempatan di luar Negara. Apa yang boleh kita contohi ialah Kerajaan Tempatan di luar Negara mereka ada sesetengah daripada mereka mengeluarkan beg plastik mesra alam sekitar dan disyaratkan oleh mereka beg plastik ini sahaja yang boleh digunakan oleh peniaga dan pembeli, beg plastik

yang lain tidak boleh digunakan. Sekiranya beg plastik ini digunakan untuk membungkus sampah maka beg plastik ini tidak akan diterima, tidak akan diurus oleh PBT-PBT berkenaan. Saya rasa ini adalah satu contoh yang mungkin kita boleh ambil dari luar Negara dan dipraktikkan di Malaysia dan di Selangor ini. Puan Timbalan Speaker saya juga ingin menyentuh sedikit tentang industri pelancongan di kawasan persisiran pantai. Saya berpendapat bahawa di Negeri Selangor kita mempunyai banyak potensi untuk membangunkan pelancongan. Baru-baru ini BBC ataupun Kelab Penyokong Kerajaan mengadakan *retreat* di Morib, dan kita lihat potensinya memang ada dan saya berpendapat bukan sahaja di Morib malahan kalau kita lihat seluruh persisiran pantai di Negeri Selangor ini merupakan satu kawasan yang penuh dengan segala potensi untuk membangunkan industri pelancongan di Negeri Selangor.

Saya antaranya saya antara yang saya ingin sebutkan di sini potensi-potensi yang ada ialah yang pertama, persisiran pantai ini mempunyai banyak kampung bagan, kampung nelayan dan kita sebagai pelancong boleh menikmati makanan laut yang lazat lagi murah di kawasan persisiran pantai Negeri Selangor. Di Kuala Selangor kita mempunyai banyak kawasan-kawasan bersejarah, di Kuala Selangor juga terdapat industri kelip-kelip yang sedang berkembang tetapi potensinya masih belum di*explore* secara maksimum. Kita juga mempunyai keluasan kawasan hutan paya bakau untuk eko pelancongan. Terdapat juga industri *homestay* yang pesat di sekitar Bandar-bandar dan pekan-pekan di persisiran pantai negeri Selangor dan ini membekalkan satu peluang untuk kita bersantai di kampung yang merupakan satu bentuk pelancongan yang digemari oleh pelancong luar Negara. Jadi dengan berbekalkan kelebihan-kelebihan yang ada di persisiran pantai Negeri Selangor ini saya rasa kita negeri Selangor yang mempunyai pelabuhan antarabangsa mempunyai lapangan terbang antarabangsa, mempunyai jaringan lebuhraya, jaringan landasan keretapi yang begitu luas dan pesat, kita dapat menarik pelancong yang berkualiti tinggi dari luar Negara. Saya rasa persisiran pantai mempunyai potensi yang tinggi dan saya menggesa kepada Kerajaan Negeri supaya kita memikir untuk mempertingkatkan infrastruktur yang masih lagi ketinggalan di kawasan-kawasan ini, kawasan Klang, Sabak Bernam, Kuala Selangor, Tanjung Karang, Sepang dan juga Kuala Langat. Ini juga adalah penting, saya menerima aduan sebenarnya daripada Ahli Majlis Kuala Langat bahawa kawasan Tanjung Sepat dan Morib yang kita tahu semakin popular dan semakin popular sebagai kawasan pelancongan sehingga kawasan-kawasan ini berjaya menarik kunjungan pelancong dan rekod yang saya dapat ialah satu hari 80 buah bas pelancong yang masuk ke kawasan Tanjung Sepat dalam sehari. Bayangkan jalannya begitu kecil tetapi jalan yang kecil ini perlu menampung 80 buah bas pelancong satu hari, orang datang dari luar semata-mata nak tengok pantai, nak makan makanan laut dan nak pergi sembahyang sikit.

Jadi ini adalah satu potensi yang sangat besar, saya meminta supaya Kerajaan Negeri Selangor besarkan jalan itu, tambahkan lampu jalan di sekitar jalan-jalan besar ini dan kita membangunkan industri pelancongan ini secara komprehensif. Puan Timbalan Speaker saya juga ingin menyentuh tentang sedikit tentang perumahan iaitu sistem 10%, 90% bina dahulu jual kemudian, konsep *build then sell*. Sehingga sekarang saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor masih lagi dibelenggu dengan berpuluh-puluh projek perumahan dan pembangunan hartanah yang terbengkalai. Saya mengucapkan kepada Yang terhormat EXCO Ahli Yang Berhormat dari Cempaka kerana telah bertungkus lumus untuk menyelesaikan masalah projek terbengkalai tetapi saya ingin juga berpesan bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah membazirkan semua kewangan dan tenaga manusia yang banyak untuk memulihkan projek-projek yang terbengkalai itu dan kita sudah sampai masanya untuk melihat kembali apakah berkesan atau tidak untuk kita terus bertungkus lumus seperti ini ataupun kita perlu memikirkan sesuatu yang baru untuk mengelakkan masalah ini daripada berulang. Jadi konsep

build then sell merupakan salah satu jawapan yang saya ingin ketengahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Apa yang kita lihat sekarang ini ialah teruskan dengan konsep *sell then build* yang sekarang ini di praktis di Negeri Selangor maka saya bimbang masalah rumah terbengkalai ini mungkin tidak dapat dihapuskan seratus peratus. Kalau sekarang ini kita ada 100 lebih projek rumah terbengkalai yang masih belum selesai, kalau kita selesaikan pun masih juga akan berlaku projek rumah terbengkalai yang akan datang dan akan berlaku jikalau kita tidak mengimplementasikan sistem *build then sell* ini. Sistem yang ada sekarang iaitu *sell then build* merupakan satu sistem yang merugikan para pembeli rumah kerana pembeli rumah jikalau mereka tidak bernasib baik mereka tidak akan dapat rumah mereka dan pada masa yang sama mereka perlu membayar balik pinjaman kewangan kepada bank, pada masa yang sama mereka perlu membayar sewa rumah di tempat yang lain. Jadi 3 kepincangan yang perlu dihadapi oleh mereka. Jadi saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Selangor kita mendahului pembaharuan, kita membawa agenda reformasi, maka kita perlulah membawa Sistem *Build and Sell* ini supaya kita dapat melaksana di Negeri Selangor. Saya rasa kita tidak perlu bergantung kepada dasar ataupun arahan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pada masa ini, saya rasa kita perlu mendahului mereka, kita telah terbukti sebagai sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Dasar-dasar yang kita bawa dalam masa 2 tahun yang lalu kita telah terbukti bahawa kita, apa yang kita cadangkan 2 tahun yang lalu itu memang bernas dan sekarang ini sudah diterima. Jadi untuk isu ini juga, saya rasa adalah penting dan adalah sesuatu yang amat memberangsangkan jikalau Kerajaan Negeri Selangor boleh mendahului Kerajaan Persekutuan dengan menekankan kepada konsep *Build and Sell*. Apatah lagi pada masa sekarang, isu-isu tentang pembangunan perumahan ini ianya perlu diluluskan oleh Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri yang jaga tanah. Dari segi *Development Order*, Kerajaan Tempatan pula yang jaga. Jadi Kerajaan Negeri kita pegang, Kerajaan Tempatan pun kita yang uruskan, jadi saya rasa tidak ada masalahnya untuk kita memulakan konsep ini. Kurang-kurangnya kita cuba dulu, saya rasa ini akan membantu kita untuk *me filter* pemaju yang tidak berkualiti dan akhirnya apa yang kita ada di pasaran perumahan ini ataupun *development* ini adalah pemaju yang *prestigious*, yang boleh berdaya maju dan membina rumah dan menyerahkan rumah kepada pembeli dan bukan rumah yang terbengkalai.

Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang pembaharuan pembangunan semula bandar di kawasan Petaling Jaya. Saya rasa keseluruhannya program ini adalah sangat baik dan ianya telah diumumkan sebagai salah satu program daripada salah satu di bawah rangsangan ekonomi yang dilancarkan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2009. Malahan, pembangunan semula merupakan salah satu agenda yang ditekankan oleh Kerajaan Persekutuan semasa mereka membentangkan Bajet Kerajaan Persekutuan Tahun 2011. Apa yang ingin saya tekankan di sini biarlah sementara kerajaan menumpukan perhatian kepada pembaharuan Bandar Klang sebagai Bandar Diraja yang di *complement* dengan pembersihan Sungai Klang, saya ingin menarik perhatian pula tentang program pembaharuan ataupun pembangunan semula bandar yang berjalan dengan agak perlahan di Petaling Jaya. Terdapat kawasan-kawasan, beberapa kawasan Bandar Petaling Jaya yang pada pendapat saya memerlukan pembangunan semula tapi masalahnya ialah dorongan ataupun suntikan semangat dan modal daripada Kerajaan Negeri Selangor pada masa sekarang, apa yang saya dapat saya perhatikan ialah agak perlahan, kawasan-kawasan ini adalah sangat kritikal. Pada pendapat saya, untuk dibangunkan semula kerana ianya telah uzur, maknanya yang tinggal ataupun yang hanya pada di kawasan itu merupakan kawasan orang tua. Kawasan Petaling Jaya kalo kita ikut *data base* di bawah rangkaian mesra usia emas, DUN Kg. Tunku, DUN Bukit

Gasing dan juga DUN Damansara Utama merupakan 3 kawasan Dewan Undangan Negeri di Selangor yang mempunyai peratusan warga emas yang paling tinggi iaitu 10,000, 9,000 dan 8,000. Ini adalah data pada tahun 2008, saya pun berpendapat kalau kita kira *data base* yang paling kemas kini sekarang ini sudah pasti bilangan warga tua yang ada di ketiga kawasan Dewan Undangan Negeri melebihi apa yang dicatatkan tahun 2008. Jadi saya rasa, kawasan ini sudah menjadi uzur dan menjadi semakin tidak *livable*. Ada sesetengah tempat sudah bertukar wajah menjadi penempatan warga asing. Jadi saya menggesa kepada Kerajaan Negeri supaya menyiasat, menjalankan siasatan kawasan-kawasan berbukit-bukit di Bandar raya Petaling Jaya ini, sama ada terdapat kah tanah-tanah berbukit-bukit yang masih belum dibangunkan ataupun dibiarkan begitu sahaja walaupun mempunyai hak milik. Terdapat juga bangunan-bangunan yang sekarang ini sudah menjadi bangunan hantu, tidak ada orang yang mendiami dan dibiarkan begitu sahaja. Tempat-tempat ini termasuklah beberapa kawasan lapang di SS2, di kawasan Sea Park, di kawasan saya dan sebagainya.

Jadi saya meminta, perhatian daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk memberi perhatian juga kepada pembangunan semula bandar di kawasan Petaling Jaya. Kerajaan harus memainkan peranan yang proaktif dan membangunkan tanah-tanah ini supaya seluruh Bandar Petaling Jaya ini menjadi bandar yang berdaya maju. Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Laporan Agenda Rakyat Selangor yang dibentangkan dan diedarkan kepada semua rakyat Selangor, ini merupakan satu laporan yang dibentangkan hasil daripada perbincangan PULPRIN yang dijalankan di semua PBT. Apa yang saya dapat perhatikan ialah input daripada mereka yang menghadiri mesyuarat-mesyuarat PULPRIN ini kebanyakannya adalah daripada wakil persatuan penduduk dan NGO yang ada di kawasan itu. Masalahnya ialah, apa yang dapat saya perhatikan ialah input daripada golongan belia, input daripada NGO-NGO yang asaskan belia ini adalah amat sedikit. Maka, saya rasa adalah perlu untuk Kerajaan Negeri Selangor untuk melibatkan belia ini pada masa yang depan supaya cadangan ataupun hasrat mereka dapat diserapkan ke dalam agenda rakyat negeri Selangor ini.

Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pembangunan modal insan. Ini merupakan topik yang terakhir bagi saya. Pembangunan modal insan di Negeri Selangor pada masa sekarang haruslah mengambil kira juga penarikan balik golongan cendekiawan untuk mereka kembali dari luar negara dan berkhidmat di Malaysia amnya di Selangor khususnya. Dulu, kalau saya tidak silap Kerajaan Negeri Selangor pernah membawa satu program iaitu *Jejak Ilmuwan* supaya kita dapat menarik balik seberapa banyak seberapa ramai yang boleh cendekiawan-cendekiawan ataupun golongan profesional yang berkhidmat di luar negara supaya mereka balik ke Malaysia untuk berkhidmat di Negeri Selangor khususnya. Jadi untuk tahun 2011 saya telah melihat kita telah memperuntukkan 7.7 juta ringgit untuk menjalankan 390 program di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan. Perkara pertama yang saya ingin sentuh, ialah koleksi buku di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor dan koleksi buku ini perlulah dibanyakkan dan dipelbagaikan. Koleksi buku berbahasa Inggeris, Tamil dan Mandarin masih berada dalam peratusan yang sangat rendah dan PPAS perlulah menggiatkan usahanya untuk menambah koleksi bukunya dalam bahasa-bahasa yang lain. Saya juga mencadangkan PPAS untuk mengadakan lebih banyak program anjuran bersama dengan NGO dan JKKK dan lain-lain untuk kita menyemarakkan budaya membaca di kalangan orang kampung. Saya rasa tumpuan tidak hanya harus diberi kepada warga-warga kota besar sahaja walaupun kita telah mengadakan program besar untuk memupuk budaya membaca di kawasan-kawasan bandar, kita telah mengadakan satu program membaca buku di kawasan di Bandar raya Shah Alam. Saya rasa itu adalah satu usaha yang baik tetapi sebagai permulaan kita boleh buat begitu. Tetapi sebagai program susulan kita perlu membawa budaya membaca ini ke kawasan kampung, ke kawasan desa, JKKK, Kampung Baru, dan juga kawasan-kawasan yang selama

ini dipinggirkan. Supaya anak-anak itu, anak-anak mereka yang duduk di kampung ini mereka juga mempunyai peluang untuk memajukan diri mereka sendiri.

Saya juga berasa, saya juga ingin menyentuh tentang UNISEL di dalam ucapan Y.A.B. Menteri Besar, kita difahamkan terdapat beberapa perjanjian persefahaman telah ditandatangani antara UNISEL dengan beberapa universiti terkemuka di dunia. Namun begitu, kerjasama ini kita harus setakat menandatangani perjanjian persefahaman sahaja. Ianya juga tidak hanya dihadkan dengan perlanjutan pengajian mahasiswa mahasiswi UNISEL ke universiti-universiti terulung di seluruh dunia sahaja. Malahan saya berpendapat UNISEL harus bersaing dengan Universiti-universiti terkemuka ini dan membandingkan diri dengan mereka ataupun perkataan yang ingin saya katakan di sini ialah *Benchmark*. *UNISEL should benchmark the university should benchmark itself against the highest the best technical university in the world* dan ini perlu dilakukan, saya berharap UNISEL untuk tahun 2011 ini bolehlah mengambil bahagian dalam kajian-kajian yang dijalankan oleh badan-badan akademik antarabangsa supaya UNISEL dapat mengetahui kelebihan yang ada padanya dan juga kelemahan yang ada padanya, supaya ianya boleh berkembang menjadi sebuah universiti yang berprestij di persada antarabangsa. Kalau tidak, kita tidak tahu di mana kedudukannya UNISEL.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, Pihak Kerajaan perlu membawa usul.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker dan ahli yang terhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :

Bahawasanya, dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dan 26(4) dalam peraturan tetap Dewan Negeri Selangor telah menyambung persidangan ini pada hari ini sehingga jam tujuh malam.

YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Puan Speaker, saya menyokong.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan tidak. Usul dipersetujui.

Ya, terima kasih Puan Timbalan Speaker, tadi saya berucap tentang UNISEL dan saya berharap ini boleh dilakukan supaya UNISEL boleh *benchmark itself against the highest the best technical university in the world* dan saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan tadi saya menyebut tentang golongan profesional yang berkhidmat di luar negara, jadi saya rasa adalah penting untuk kerajaan negeri Selangor sekali lagi mengambil langkah pro aktif kalau boleh kita lakukannya bersama-sama kerajaan persekutuan untuk menarik balik profesional negara Malaysia yang berkhidmat di luar negara. Saya tidak tahu bagaimana kerajaan persekutuan berfungsi. Kerajaan persekutuan menawarkan pelbagai bentuk insentif tetapi pada akhirnya gagal juga. Sama seperti kerajaan persekutuan cuba membantu kaum wanita menjaga kesihatan mereka program memo gram dengan kos yang jauh lebih tinggi pada masa sekarang kita tidak nampak apa-apa usaha ataupun buah hasil pada program yang dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan. Oleh itu untuk program menarik balik golongan profesional Malaysia yang berkhidmat di luar negara kembali ke Malaysia amnya dan berkhidmat di Selangor khasnya maka saya rasa mungkin kita boleh berusaha dengan mereka. Tapi pada pendapat saya kerajaan negeri Selangor perlu pro aktif kita perlu *engaged* mereka yang berkhidmat di UK, USA, Singapura dan tempat-tempat lain di seluruh dunia ini. Kita tanya mereka kenapa mereka memilih untuk tidak kembali ke Malaysia dan kembali ke Selangor

untuk berkhidmat di negeri Selangor. Negeri Selangor merupakan sebuah negeri yang kaya. Ekonomi kita antara yang paling bagus di seluruh Malaysia tapi kalau kita tidak mempunyai tenaga mahir, golongan cerdik pandai yang mencukupi untuk membantu kita maka kita tidak akan berjaya mengekalkan kedudukan kita sebagai negeri yang paling maju di Malaysia ini. Jadi saya harap kerajaan negeri boleh melakukan sesuatu, ini bukan saya berkenaan dengan pembangunan modal insan, ini juga mempunyai satu impak dan kaitan dengan industri dan juga pelaburan ke dalam negeri Selangor. Kita perlukan mereka untuk mereka kembali ke sini untuk berkhidmat dengan negeri Selangor. Satu lagi perkara yang perlu disentuh ialah kita juga tahu terdapat juga anak Malaysia ataupun rakyat Selangor yang berhijrah ke luar negara mereka secara undang-undang bukan lagi warga Malaysia tapi *connection* masih ada lagi di sini. Bapanya mungkin ada lagi di sini. Anaknya atau saudaranya masih ada di sini. Kawannya masih ada lagi di sini. Jadi saya rasa walaupun mereka bukan lagi warga negara Malaysia tapi kita masih boleh *engaged* dengan mereka. Saya ambil satu contoh seperti di Singapura ada juga ramai rakyat Singapura telah berhijrah ke luar negara atas sebab-sebab tertentu tetapi kerajaan Singapura ini dia tidak berputus asa. Dia menubuhkan satu jaringan untuk kerajaan Singapura dan sektor swasta Singapura ini *connect* dengan rakyat Singapura yang telah berhijrah keluar negara. Malahan mereka ada satu website dan saya boleh umumkan di sini *website* itu adalah majalahconnection.com. ini adalah satu *website* dan di dalam *website* ini terdapat banyak aktiviti saya rasa mungkin negeri Selangor kalaulah kita hendak menarik balik golongan cerdik pandai, profesional kembali untuk berkhidmat di negeri Selangor kita lakukannya. Dan jika kita tidak dapat menarik balik bagi mereka yang telah keluar dan berhijrah kita cuba gunakan *network* yang mereka ada. Saya rasa *network* yang mereka ada ini memang banyak gunakan *network* yang mereka ada untuk membawa balik pelaburan ke dalam negeri Selangor. Gunakan *network* yang mereka ada ini untuk memperkembangkan ekonomi negeri Selangor. Gunakan *network* yang mereka ada ini untuk memperkenalkan industri pelancongan di negeri Selangor dan gunakan *network* yang mereka ada ini supaya pelabur-pelabur di Selangor ini boleh *connect* dengan pasaran yang ada sekarang. Jadi saya rasa ini adalah satu cadangan yang saya rasa boleh dipertimbangkan dan kita perlu melihat bagaimana kita dapat melakukannya. Jadi begitulah ucapan saya dan saya akhir sekali saya ingin membawa satu perkara iaitu tentang kebertanggungjawaban kepada dewan yang mulia ini. Dan dalam ucapan semalam kita lihat terdapat banyak cadangan banyak program banyak jawatankuasa banyak badan bertindak telah ditubuhkan. Saya hanya ada satu hasrat sahaja iaitu saya meminta agar EXCO-EXCO yang berkenaan ini supaya pada tahun 2011 kita mula membentangkan atau membawa laporan-laporan jawatankuasa ini ke dewan yang mulia ini. Saya berpendapat sehingga sekarang kita sebagai wakil rakyat kita tidak diberi maklumat yang begitu jelas ataupun mendalam tentang aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh EXCO atau di bawah portfolio EXCO ini. Saya rasa adalah penting supaya satu laporan dapat dibentangkan bukan setiap sesi mungkin setahun atau setengah tahun sekali supaya semua wakil rakyat dan juga rakyat tahu tentang apa yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor. Akhir sekali saya memohon supaya seluruh rakyat negeri dan Selangor dan juga dewan yang mulia ini menyokong penuh memohon supaya seluruh rakyat negeri Selangor dan juga dewan yang mulia ini menyokong penuh kepada ucapan bajet ataupun bajet yang telah dibentangkan oleh kerajaan negeri Selangor. Sekian terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Kelang.

YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB : *Bismillahi rahmani rahim*. Terima kasih puan Timbalan Speaker kerana memberi ruang dan peluang untuk saya ambil bahagian dalam ucapan perbahasan belanjawan 2011. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar Negeri Selangor dan kerajaan kerana telah membentangkan satu belanjawan yang berpaksikan dan yang menjurus bagi menjayakan empat strategi teras. Saya

ingin menarik perhatian dewan tentang strategi kedua iaitu memantau pengurusan perbelanjaan yang cekap. Bagi saya langkah dan iltizam kerajaan memacu strategi ini amatlah tepat, bijak dan adil buat semua. Ini adalah selaras dengan langkah-langkah kerajaan sendiri yang mengujudkan beberapa jawatankuasa pilihan khas dewan bagi memantau dan menyemak prestasi pengurusan dan pentadbiran kerajaan terutamanya peranan yang telah dimainkan oleh SELCAT dengan mengadakan pendengaran terbuka, pendengaran awam. Strategi kedua ini iaitu memantau pengurusan perbelanjaan yang cekap bertepatan dengan komitmen kerajaan Pakatan Rakyat untuk menggiatkan lagi proses semakan, akauntabiliti dan pemantauan yang secara langsung bakal melibatkan seluruh rakyat negeri Selangor melalui apabila diluluskan enakmen kebebasan maklumat negeri Selangor 2010 yang bakal diluluskan di dewan yang mulia ini pada tahun hadapan.

Puan Timbalan Speaker, peranan yang dimainkan oleh SELCAT sebagai contoh telah menambah nilai dan perincian mendalam terhadap proses semakan pengurusan bagi mengelakkan kelemahan-kelemahan yang berulang dilakukan oleh pentadbiran kerajaan negeri terutamanya dalam konteks yang telah dilakukan pada tahun lalu iaitu syarikat-syarikat milik kerajaan negeri. Sebagai contoh sekiranya laporan Ketua Audit Negara bagi negeri Selangor pada tahun 2009 berkenaan PNSB contohnya pada muka surat 120 hanya menyatakan belanja operasi pada tahun 2007 yang berjumlah RM 7.3 juta telah meningkat berbanding tahun 2006 yang berjumlah RM 4.64 juta. Peningkatan itu hanya dinyatakan sebagai pertambahan pelbagai perbelanjaan seperti majlis makan malam tahunan, hari keluarga, program BALKIS dan program mesra rakyat. Namun dengan diadakan pendengaran awam SELCAT pada Mac dan April 2009 proses pendengaran awam telah memperincikan dengan lebih mendalam lagi bahawa PNSB telah menyumbang RM1 juta kepada BALKIS tetapi telah dibelanjakan bukan kepada kumpulan sasaran yang sebenarnya. Dan pendengaran SELCAT juga telah membuktikan lebih RM900,000.00 telah dibelanjakan untuk sukan, makan malam isteri-isteri wakil rakyat oleh BALKIS, PNSB membayar lebih RM1.9 juta untuk lawatan teknikal keluar negara termasuk melawat Disneyland. Bahkan pendengaran awam SELCAT juga telah membuktikan bahawa pembubaran BALKIS dan pemindahan wang lebih dari RM 9.9juta ke BAKTI adalah tidak sah.

Puan Timbalan Speaker, dengan bertambah aktif jawatankuasa-jawatankuasa dewan seperti PAC atau Jawatankuasa Kira-kira Awam yang mengambil tindakan susulan kepada laporan Ketua Audit Negara terhadap aktiviti-aktiviti agensi kerajaan negeri Selangor, Jawatankuasa Pilihan PBT yang memantau pengurusan kesemua PBT negeri Selangor, PADAT yang memantau urusan pentadbiran Pejabat Tanah dan juga JPK ABAS yang memantau syarikat-syarikat milik kerajaan negeri. Pencapaian objektif yang digariskan dalam strategi kedua belanjawan 2011 Insya-Allah pasti akan dapat dilonjakkan. Dengan itu saya ingin memohon agar peranan jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas ini dipertingkatkan dengan memberikan peruntukan yang cukup dari belanjawan 2011 untuk menyediakan pegawai penyelidik dan sistem sokongan kepada jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas dewan sehinggalah kerajaan negeri membuat keputusan muktamad untuk membawa Rang Undang-undang Enakmen Pentadbiran Dewan Negeri Selangor atau SELESA ke dalam satu sidang dewan dalam satu masa kelak.

Puan Timbalan Speaker dan Ahli Dewan, saya ingin menarik perhatian dewan pada usaha-usaha murni kerajaan negeri di bawah kepimpinan YAB Dato' Menteri Besar dalam memastikan pengurusan perbelanjaan yang cekap, teratur, adil dan saksama objektif dan bebas dari sebarang unsur-unsur yang meragukan apatah lagi yang menyeleweng. Usaha-usaha Dato' Menteri Besar ini ditumpukan pada langkah-langkah menerajui PKNS iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sebuah organisasi yang telah banyak menyumbang dalam

pembangunan negeri Selangor. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada Dato' Menteri Besar kerana satu telah memutuskan agar PKNS tidak lagi membangunkan kawasan-kawasan miliknya secara usaha sama atau dengan izin *JV (Joint Venture)* atau secara penswastaaan di kawasan-kawasan strategik sebagaimana yang telah dilakukan sebelum ini. Kedua, menegur pengurusan PKNS yang masih gagal memuktamadkan konsep serta merancang membangunkan ibu pejabat PKNS sendiri. Ketiga, mengarahkan pihak pengurusan PKNS agar menangguhkan pembelian tanah Desaminium milik Desaminium Jaya Sdn. Berhad di Puchong seluas 340.43 ekar dengan harga RM400juta sehingga kajian dengan izin *due diligence* terperinci disempurnakan terlebih dahulu. Empat, telah menolak rancangan pengurusan PKNS untuk menaja bagi penganjuran *Seminar International Herald Tribune Global Forum* pada 27 hingga 28 September 2010 dengan nilai penajaan sebanyak RM3.3juta kerana aktiviti-aktiviti tersebut tidak relevan dengan aktiviti PKNS. Kelima, telah menolak cadangan pengurusan PKNS untuk menjual tanah seluas 1500 ekar milik PKNS di Bernam Jaya kepada pelabur dari negara China iaitu Naga Mas di mana tindakan tegas Dato' Menteri Besar ini dibuat walaupun pengurusan PKNS dikatakan telah menandatangani MOU perjanjian dengan Naga Mas pada 27 Mei 2010.

Puan Timbalan Speaker, lima langkah dan tindakan tegas kerajaan negeri seperti di atas adalah bukti tentang komitmen kerajaan Pakatan Rakyat terhadap penggunaan wang rakyat. Tahniah sekali lagi kepada kerajaan negeri. Setakat Oktober 2010 PKNS telah berjaya menjual sebanyak 1500 unit hartanah bernilai RM 435juta. Semua jualan tersebut dilakukan sendiri oleh anggota jualan dalaman PKNS dari ibu pejabat dan semua PKNS di bawah kepimpinan *controller* pembangunan Wilayah Utara, Wilayah Selatan dan Wilayah Tengah. Saya ingin menarik perhatian tentang projek PKNS di Dataran Jelatik di mana unit *studio type* dicadangkan berharga RM 600,000.00 seunit, unit 2 bilik pada harga RM 900,000.00 seunit dan unit 3 bilik bernilai bakal dijual dengan harga RM 1.5juta. Hulu Kelang ingin menarik perhatian bahawa sebahagian besar golongan muda masih berpendapatan kurang daripada RM 5000 sebulan. Oleh itu unit kurang daripada harga RM 300,000.00 perlu dipertimbangkan. Taman Keramat yang terdapat DUN Hulu Kelang dan DUN Bukit Antarabangsa terdiri daripada penduduk pinggir bandar raya di mana 30% daripada jumlah keseluruhan unit hendaklah dibangunkan sebagai unit-unit mampu milik oleh golongan muda.

Puan Timbalan Speaker, selain daripada itu selaras dengan semangat dewan ini yang bakal meluluskan rang undang-undang kebebasan maklumat di mana rakyat berhak mendapat maklumat yang tepat tentang aktiviti kerajaan terdapat beberapa keputusan dan tindakan pimpinan dan pihak pengurusan PKNS yang Hulu Kelang terima aduan dan maklumat yang perlu diteliti dan diperjelaskan. Pertama, kos sewa, kos perpindahan dan kos ubahsuai pejabat korporat. Perancangan pihak pengurusan yang dikatakan belum muktamad menyebabkan PKNS terpaksa menyewa bangunan lain kerana pejabat korporat PKNS belum dibina lagi. Ini menjadikan kos meningkat dan terpaksa berpindah sebanyak 2 kali. Pertama dari bangunan sedia ada ke bangunan transit dan kedua dari bangunan transit ke bangunan kekal. PKNS dikatakan membayar sewa bangunan transit sebanyak RM 267,932.00 sebulan dengan kontrak 2 tahun. Ini bermakna jumlahnya adalah RM sembilan perpuluhan enam juta. PKNS akan berpindah dan menyewa bangunan milik sebuah syarikat swasta di Bangunan 1-9, Seksyen 13, Shah Alam dengan kos butiran-butiran seperti berikut. Sewa tiga tahun sembilan juta enam ratus empat puluh lima ribu lima ratus lima puluh dua ringgit. Kos perpindahan lima ratus ribu, kos ubahsuai lima perpuluhan enam juta, kos *network* empat puluh ribu ringgit. Jumlah keseluruhan RM lima belas juta tujuh ratus lapan puluh lima ribu lima ratus lima puluh dua ringgit.

Puan Timbalan Speaker, Hulu Kelang minta kerajaan meneliti perbelanjaan ini. Kedua peranan pegawai-pegawai kontrak, terdapat tanggapan dan persepsi dari sebahagian anggota-anggota PKNS, warga PKNS bahawa pihak pimpinan pengurusan PKNS melantik rakan kenalan bekerja di PKNS dan menerajui Syarikat Anak PKNS yang berdaya maju. Terdapat juga aduan bahawa pegawai-pegawai kanan merasa tidak puas hati dan menguatkan lagi tanggapan bahawa pimpinan tidak mempercayai anggota dalaman. Perbezaan gaji yang besar antara pegawai-pegawai kontrak dan pegawai-pegawai kanan menyebabkan anggota-anggota PKNS tidak puas hati kerana pegawai kontrak ini melakukan tugas yang sama dan tidak ada nilai tambah seperti yang diharapkan. Dengan itu persepsi anggota PKNS, warga PKNS menjadi bertambah negatif terhadap pimpinan PKNS apabila semua pegawai kontrak diletakkan di bawah satu syarikat anak iaitu PKNS Holdings dengan gaji yang lumayan. Gaji beberapa pegawai kontrak ada yang sepuluh ribu ringgit, ada yang empat belas ribu lima ratus ringgit sebulan, ada yang lapan belas ribu ringgit sebulan. Seorang individu dari Selaman Sdn. Bhd. yang baru dilantik dipercayai bergaji sebanyak RM24 ribu sebulan.

Puan Timbalan Speaker, sebagai Ahli Dewan yang bertanggungjawab untuk memastikan ketulusan dan akauntabiliti yang baik, Hulu Kelang meminta kerajaan menjelaskan tanggapan anggota PKNS in, pucuk pimpinan dan pengurusan PKNS. Ketiga semua projek usaha sama yang diberikan kepada PKNS Holdings, PKNS dikatakan telah menyuntik modal RM lima juta ke dalam PKNS Holdings bagi melaksanakan operasi. Adalah difahamkan semasa PKNS Holdings diaktifkan ianya akan menumpukan kepada kerja-kerja pemasaran PKNS terutama di Bernam Jaya, Kota Puteri, Antara Gapi, Selangor Sains Park 2. Namun dikatakan bahawa kini semua pembangunan baru PKNS dilaksanakan dengan izin JV *joint-venture* Dato Menteri Besar telah mengeluarkan arahan untuk tidak dilaksanakan dengan pendekatan GAV kini diletakkan di bawah PKNS Holdings. Tiga, dua projek besar dengan izin GAV pertama melibatkan pembangunan tanah seluas tiga belas ekar Bandar Baru Bangi dengan PKNS Holdings memegang tujuh puluh peratus ekuiti dan Syarikat Andaman tiga puluh peratus ekuiti, dengan jumlah keseluruhan GDV dengan izin *gross development value* RM tiga ratus enam belas juta. Kedua melibatkan pembangunan tanah seluas dua puluh dua persepuluh tiga sembilan ekar di Science Park 2 secara JV antara PKNS Holdings memegang tiga puluh peratus ekuiti dengan UEPE tujuh puluh peratus dengan JV bernilai RM lima ratus empat persepuluh satu lima juta. Dengan jumlah projek bernilai lebih lapan ratus juta ini adalah satu risiko yang besar memandangkan PKNS Holdings tidak pernah mempunyai pengalaman dalam projek-projek hartanah dan tidak mempunyai pasukan teknikal untuk memantau pelaksanaan projek. Ke manakah arahan Dato' Menteri Besar agar PKNS tidak membangunkan tanah milik secara JV. Selain itu PKNS memiliki empat syarikat anak lain yang telah menceburi bidang hartanah lebih daripada lima belas tahun. Syarikat-syarikat tersebut adalah SIC Sdn. Bhd., PIB PKNS Infra Sdn. Bhd., PACB Sdn. Bhd. dan Selaman Sdn. Bhd. Keempat-empat syarikat di atas memiliki ratusan pekerja berbanding dengan PKNS Holdings yang hanya memiliki sepuluh orang anggota sahaja.

Puan Timbalan Speaker, demi ketulusan dan amanah kepada rakyat, Hulu Kelang memohon agar tanggapan ini dijelaskan oleh pihak Kerajaan agar tidak timbul tanggapan dan persepsi ujudnya amalan kronisme dalam pengurusan dan kepimpinan syarikat milik kerajaan negeri. Keempat Individu bernama Faridah Rohani Rais dari *Beyond Brand Communication* dapat banyak kontrak PKNS, seorang individu seperti di atas telah diberikan projek-projek .A. *Writing And Editorial Services* dengan bayaran RM tujuh ribu ringgit sebulan skop kerja beliau adalah menyediakan teks ucapan. B. *Consultants Services* dengan bayaran seribu ringgit satu jam walaupun telah diberikan diskaun cas dikenakan bayaran sebanyak RM empat ratus ringgit sejam. C. *Krisis Comuncations Consulting* dengan bayaran seribu ringgit sejam dan setelah diskaun dikenakan empat ratus ringgit satu jam. Tuntutan bayaran beliau untuk bulan Julai

2010 adalah sebanyak RM tiga puluh empat ribu lapan ratus. D. Bekerjasama dengan Program *Rebranding* PKNS melalui syarikat Perunding Refaie Sethi Chua dengan bayaran yang dikatakan melebihi RM dua ratus ribu. E. Menguruskan kerjasama antara PKNS, BERNAMA dan Utusan Malaysia untuk tujuan promosi dengan jumlah hampir RM satu juta. Di mana tindakan ini bercanggah dengan larangan kerajaan negeri Selangor untuk tidak menggunakan Utusan Malaysia sebagai media untuk mempromosi anak-anak Syarikat Negeri Selangor. F. Menjadi perunding bagi PKNS untuk tempoh tiga tahun dengan pilihan lanjutan dua tahun dengan bayaran dikatakan sebanyak RM satu ratus dua puluh lima ribu sebagai perunding menyediakan skop kerja. Bayaran fi dikatakan sebanyak RM lima belas ribu sebulan sepanjang program berjalan dan lima peratus *profit-sharing* dengan izin kepada beliau berdasarkan keuntungan tahunan PKNS dalam program tersebut.

Puan Timbalan Speaker, demi ketulusan dan amanah kepada rakyat Hulu Kelang memohon agar perkara-perkara ini diperjelaskan oleh pihak Kerajaan, agar tidak timbul sangkaan dan tuduhan bahawa berlaku amalan sewenang-wenang dalam mengurus syarikat Kerajaan. Yang seterusnya ini hak rakyat. Kelima menawarkan projek bernilai RM 2.7 juta kepada individu bernama Shahul Hameed bin Shaik Dawood bagi mengendalikan program *telemarketing* tiga syarikat dikatakan telah dilantik untuk skop berlainan tetapi ketiga-tiga syarikat dimiliki orang yang sama dan alamat pendaftaran yang sama. Butir-butir syarikat adalah A.PING Technologies Sdn. Bhd. Skop kerja sewa peralatan ICT dan *software telemarketing* jumlah kontrak RM tujuh ratus tiga puluh satu ribu, pemegang saham Sahul Hamid bin Sheikh Daud. B. Syarikat B agensi Pekerjaan People Resouces Malaysia Sdn. Bhd skop kerja sebagai pengurus *telemarketing* jumlah kontrak RM sembilan ratus tujuh puluh lima ribu empat ratus pemegang saham Sahul Hamid bin Sheikh Daud. C. Syarikat ketiga My Event Sdn. Bhd. skop kerja menyenggara *data base* jumlah kontrak RM 960 ribu pemegang saham Sahul Hamid bin Sheikh Daud. Jumlah projek bernilai hamper RM 2.7 juta, Ini telah diberikan tanpa mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa tender Perbadanan.

Puan Timbalan Speaker, Hulu Kelang memohon agar kerajaan menjelaskan perkara ini. Keenam melantik Profesor Dr. Erman Papazian sebagai konsultan, pimpinan PKNS juga dikatakan telah melantik tanpa membawa ke pengetahuan mesyuarat PKNS terlebih dahulu Profesor Erman Papazian dari Lebanon yang mewakili syarikat KEIPR yang menjadi perunding PKNS untuk tempoh enam bulan bagi dua kawasan pembangunan iaitu Science Park 2 dengan bayaran perundingan sebanyak empat ratus lima puluh ribu dan Bernam Jaya dengan bayaran perundingan sebanyak RM 485 ribu. Kos di atas tidak termasuk kos *overhead* yang akan ditugaskan bersama beliau, tiga tiket pergi balik penerbangan *Business class* Dubai Kuala Lumpur sepanjang tempoh pelantikan, pelantikan perundingan lain jika diperlukan dan jika berjaya membawa pelabur, PKNS akan membayar komisen *upm success* Profesor Erman juga dikatakan telah dibenarkan untuk membuat keputusan untuk menolak atau menerima permohonan pelabur-pelabur untuk melabur di kedua-dua kawasan. Malahan Profesor Erman juga dikatakan telah diberi kuasa untuk membatalkan tawaran pelaburan sedia ada juga tidak bersesuaian dengan beliau.

Puan Timbalan Speaker jika terdapat bukti yang sahih Hulu Kelang memohon agar dua perjanjian antara PKNS.

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Kelang, Kampung Tuanku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Adakah Yang Berhormat dari Hulu Kelang bersetuju dengan saya memandangkan isu-isu di bawah itu begitu penting, begitu kritikal kita minta ketiga-tiga orang EXCO yang ada di sini supaya menolong rakan-rakan kita untuk mencatat soalan atau pun supaya dipanjangkan kepada EXCO-EXCO yang lain yang tidak ada di sepanjang persidangan dewan hari ini. Supaya mereka tahu ataupun kita minta kepada mereka untuk kembalilah di dewan yang mulia ini mendengar dengan sendiri apa yang berlaku? Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya, pengurusan saya ini.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya setuju dan saya jangka pegawai-pegawai hadir untuk membantu pihak Kerajaan. Untuk saya sambung Puan Timbalan Speaker, Hulu Kelang memohon agar dua perjanjian..

YB TUAN NG SUEE LIM : Saya ingin mencelah sedikit.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan. Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya minta Hulu Kelang setujukah kita panggil Yang Berhormat EXCO yang terlibat dalam pelaburan dan sebagainya tolong berada dalam dewan kerana apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang ini berkaitan dengan pelaburan Sains Park dan sebagainya dan berbagai masalah. Saya nampak seolah-olah pihak EXCO kita tidak begitu mengambil serius dan perhatian dalam konteks ini. Ya atau tidak.

YB TUAN LAU WENG SAN : Bukan sahaja pelaburan saya rasa semua juga isu juga tadi.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tetapi menurut petua daripada Tuan Speaker tempoh hari itu tidak menjadi kewajipan untuk EXCO hadir. Dia jawab. Saya percaya bahawa pegawai-pegawai yang ditugaskan merakam, mencatat dan akan menyampaikan perkara-perkara ini kepada EXCO dan saya berharap kerana ini satu perkara yang amat perlu disegerakan kerana perkara ini sudah hampir-hampir menjadi buah mulut awam jadi sebelum dia tidak terkawal, saya merasa bertanggungjawab untuk menyusun perkara-perkara tersebut untuk dijadikan ucapan di dalam perbahasan agar nada penyampaiannya bukan tuduhan, prasangka tetapi meminta penjelasan terutamanya tentang perjanjian PKNS dengan Keipu atau kibir dalam bahasa Arabnya yang telah ditangani pada satu hari bulan sepuluh tahun dua ribu sepuluh diperjelaskan di Dewan ini secepat mungkin.

Puan Timbalan Speaker perkara yang ketujuh dan akhir PKNS juga telah menaja Jamuan Makan Malam Astronaut sempena perkahwinan Angkasawan Negara Dato' Dr. Sheikh Muzafar. Dikatakan pimpinan PKNS telah bersetuju untuk menaja jamuan makan Astronaut dengan kos berjumlah RM lima ratus dua puluh ribu sempena kedatangan Astronaut dari seluruh dunia bagi menghadiri Majlis Perkahwinan Dato' Sheikh Muzafar yang telah diadakan pada lapan Oktober 2010 di SACC Convensation Center Shah Alam.

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Hulu Kelang, terima kasih Puan Timbalan Speaker, saya hairan dan rasa pelik apa kaitan pembangunan rumah dengan pembangunan

hartanah dengan Angkasawan. Adakah pihak PKNS ini menaja Angkasawan belanjakan duit Negeri Selangor untuk menghantar Angkasawan Astronaut untuk membuat teh tarik dan roti canai. Tolong beri penjelasan.

YB TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB : Saya tidak perlu menjawab bagi pihak Angkasawan ataupun Kerajaan tetapi ada dalam konteks menjadi duta kepada Science Park tetapi persoalan yang timbul adalah Jamuan Perkahwinan. Sekiranya contohnya penyanyi Zainal Abidin digunakan untuk menjadi duta untuk teknologi hijau dengan lagu hijau, Angkasawan Negara digunakan untuk mempromosi penjualan-penjualan unit di Science Park 2 itu ada rasional. Tetapi isu yang ditimbulkan di sini adalah menaja Majlis Perkahwinan dengan mengumpulkan hampir-hampir 500 anggota antaranya Angkasawan seluruh dunia untuk meraikan program tersebut. Di mana Kos penganjuran dikatakan seperti berikut. A. Bayaran kepada Beyond Event satu lagi masalahnya PKNS ini banyak menggunakan *Event Management Company* dengan izin sebenarnya bercanggah dengan arahan Kerajaan Negeri untuk Jabatan-Jabatan tidak menggunakan *Event Managemet Company* dalam menganjurkan program. Bayaran kepada Beyond Event untuk membawa kesemua Astronaut pengisian Majlis Makan Malam serta pengacaraan majlis makan malam berjumlah RM empat ratus ribu ditanggung sepenuhnya oleh PKNS. B. Bayaran jamuan untuk lima ratus orang berjumlah RM enam puluh ribu ditanggung oleh SACC convec, C. Bayaran ANP *advertising promotion* berjumlah RM enam puluh ribu oleh PKNS Holdings.

Puan Timbalan Speaker, Hulu Kelang menghargai jasa Angkasawan Negara, Hulu Kelang juga menyokong aktiviti yang memangkinkan lagi sains dan teknologi di Negara ini, namun Hulu Kelang berpendapat peranan ini tidak seharusnya dibebankan di bahu PKNS dengan menggunakan...

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya minta mencelah lagi Puan Timbalan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Puan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Hulu Kelang saya ingat lagi dulu saya menghargai jasa Angkasawan, saya minta boleh perincian perhaluskan bagaimanakah sumbangan dan jasa Angkasawan yang kena mengena dengan Selangor dan kena mengena dengan PKNS. Jasa Angkasawan itu.

YB TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB : Itu kita ucap terima kasihlah kepada Angkasawan yang telah berkorban untuk itu Hulu Kelang mohon penjelasan daripada Kerajaan dan mohon menyokong Belanjawan 2010. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih, Kota Damansara silakan.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Kota Damansara ingin menyertai perbahasan bajet Selangor 2011, terdahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana masih mengukuhkan lagi konsep merakyatkan ekonomi Selangor dan sekarang ada satu lagi konsep hasil negeri untuk rakyat.

Memanglah kami menghargai haluan seperti ini dan juga berbagai kursus yang ada untuk tingkatkan kemahiran dan juga mencerahkan masa depan. Tetapi ada juga terkilan sedikit kerana seolah-olah apa yang kita lakukan itu adalah menuju ke arah ekonomi iaitu aspek sosial menyempurnakan aktiviti ekonomi. Juga kita tidak membincangkan masalah mereka yang bekerja kerana kita bercadang untuk berbagai aktiviti, program untuk mereka mendapatkan kemahiran kerja dan seterusnya mengapa ataupun bagaimana dengan pekerja yang masih bekerja dan juga mengalami masalah kerana kita dapat lihat bahawa sistem yang ada ini walaupun kita selalu sebut tentang rasuah dan sebagainya ianya berkaitan dengan sistem ekonomi, yang ada, sistem yang menindas iaitu berkiblat kepada penindasan dan mentuhankan kepada keuntungan maka timbulkan berbagai-bagai masalah yang dikaitkan dengan rasuah, kronisme, nepotisme, kemiskinan dan seterusnya. Maka kita harus memikirkan kerana apabila kita nak memajukan sesuatu program kita harus juga memikirkan aspek-aspek tertentu dari segi penindasan, mengakibatkan kemiskinan yang menyebabkan dari segi animasi ataupun pengasingan, dan pengasingan juga akan melibatkan masalah sosial. Maka kita juga harus mengambil kira dua aspek penindasan dan juga masalah sosial.

Kita juga harus memikirkan masalah di tempat kerja dan segala interaksi banyak perkara yang ingin saya timbulkan, pernah ditimbulkan tetapi nampaknya tidak register lagi. Tidak tahu kenapa mungkin kita pandangan kita berlainan satu itu gaji minima ini adalah slogan pilihan raya di mana kita menyatakan kalau kita berjaya, kita akan mengadakan gaji minima seribu lima ratus, saya sudah timbulkan di dalam dewan perkara itu secara lisan dan secara bertulis jawapan yang diberi adalah terserahlah kepada federal. Ini pada saya amat tidak memuaskan kerana baru-baru ini saya tahu satu GAC pusat *time dot com* beberapa bulan yang lalu mengadakan gaji minima seribu lapan ratus pada segala semua pekerjaannya yang bancuh air pun seribu lapan ratus, mereka mendapat keuntungan. Kenapa kita tidak dapat melakukan dengan GAC kita yang kita miliki. Tidak payah mengharap kepada federal untuk melaksanakannya. Maka itu juga kerana merasakan bahawa kita bersifat rakyat Selangor, merakyatkan ekonomi Selangor kita masih memikirkan mereka yang bekerja kerana mereka yang menampung anak-anak, orang tua dan merekalah produktif masa ini dan kenapa kita tidak memberi ataupun memberi sokongan kepada mereka ini. Oleh itu juga saya merasakan perkara ini harus kita harus biarkan jadi proaktif syarikat *time dot com* yang syarikat swasta boleh menjadikan syarikat itu aktif kenapa kita tidak boleh dengan GLC kita. Kerana dengan cara ini juga kita CLC ini sebagai tauladan, modal untuk syarikat-syarikat di Selangor ini untuk diikuti Maknanya ada insurans, ada syer pada pekerja-pekerja di dalam syarikat. Itu juga patut kita fikirkan dan yang satu lagi juga telah disebutkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang juga berkenaan dengan pegawai kontrak sekarang ini sistem pegawai kontrak telah berleluasa, segala agensi Kerajaan termasuk Majlis Bandaran boleh katakan 85 peratus pegawai kontrak. Ada yang dah kerja dua belas tahun masih dalam kontrak, ia masih dibaharui tiap-tiap tahun walaupun prestasi mereka melebihi 80 peratus patut disahkan, tapi masih dalam kontrak. Bila ditanya mereka kata ini masalah di peringkat JPA jawapan ini tidak memuaskan sepatutnya pada dasarnya mereka diberi masa percubaan mungkin dalam tiga tahun tidak boleh beritahu mereka untuk cari kerja lain kerana pada kami apabila mereka boleh buat kerja, diperlukan dan pada tiap-tiap tahun kita tidak mengesahkan jawatan, ini adalah seperti kita mencabuli hak, mereka, kita menindas mereka, kita menganiayai mereka. Maka itu juga dalam kita fikirkan dari segi prinsip-prinsip keadilan, *neutral justify* di mana kita menyatakan bahawa sepatutnya ataupun pekerja mendapat sesuatu dalam segala hubungan antara pekerja dan majikan tetapi kita tidak dapat begitu. Masalahnya adalah masalah yang lebih luas lagi kerana satunya masalah pinjaman, kalau kontrak itu tidak mendapat pinjaman rumah dan kenderaan ini bermakna kalau pinjam luar tujuh atau lapan peratus *interest* dan kalau kerajaan empat peratus. Cuti tidak boleh *care for ward*, kalau dihabiskan cutinya mungkin dikatakan bahawa mereka ini malas dan lebih banyak bercuti. Kadang-kadang mereka terancam, kalaulah mereka

berkhidmat sepanjang masa dan kalau disahkan semasa mereka berkhidmat sebagai kontrak tidak diambil kira naik pangkat dan seterusnya. Tekanan seperti ini berlaku apabila masanya sudah tiba tiap-tiap sama ada jawatan mereka akan disahkan atau tidak, mereka merasa gementar, takut, gerun, umur makin meningkat. Maka itu juga saya sebagai kami perjuangkan kehendak rakyat dan juga pekerja perkara ini tidak harus dilakukan begini mungkin ini adalah satu *from of remote control* kepada mereka tetapi ini juga menganiaya mereka maka itu moral mereka amat rendah kerana mereka tidak dapat melakukan sepenuhnya selalu menggelabah.

Satu lagi berkenaan adalah berkenaan dengan sosial ekonomi, kita tahu krisis ekonomi akan dating pada sepuluh tiap-tiap dua belas tahun *it repair it self* dengan izin tetapi kita tidak bersedia, untuk kata sedia payung sebelum hujan ia sudah tahu begitu kenapa kita tidak bersedia. Kita tahu krisis ekonomi banyak yang dibuang kerja terpaksa berhutang tiada *overtime*, miskin menjadi lebih miskin. Kenapa kita tidak bersedia supaya apa yang berlaku ada satu usaha-usaha khusus dari segi tabung tertentu tabung pembuangan pekerja ianya supaya dalam keadaan tertentu mereka dibuang bekerja, mereka ada peluang 2 bulan untuk mencari kerja lain ini juga tidak berlaku, dan kami juga memperjuangkan kerana kalau kita benar-benar memikirkan kehendak rakyat adalah pekerja mereka yang bekerja menampung keluarga dan seterusnya. Tetapi kita tidak memberi penghormatan pada sumbangan mereka dan negara. Juga ditimbulkan masalah perumahan bagi penduduk miskin memanglah pada masa dulu kita memperjuangkan masalah setingan apabila mereka masuk rumah panjang kita rasa seronok tetapi sudah tidak seronok lagi, apabila kita masuk pangsapuri kita rasa seronok dah tidak seronok lagi kerana banyak perkara sudah timbul di mana usaha-usaha untuk memindahkan mereka tempat yang selesa tidak berlaku. Saya juga memang bangunan terbengkalai EXCO perumahan memang banyak berusaha mencari saya juga berharap pada Dato Menteri Besar untuk memikirkan member peruntukan agar beliau dapat menggerakkan sesuatu perumahan itu penting untuk rakyat. Ia *lift* rosak mungkin ada orang kata *lift* itu ada produktif yang lain, *lift* itu adalah *lifeline* pada penduduk yang duduk 20 ke 23 tingkat, tidak ada lif ada tiga *lift* satu yang berjalan trafik jem pagi dan petang kecemasan bagaimana kita punya pendirian ataupun keutamaan harus *we are poor* dengan izin untuk ada masa tertentu dulu masalah menuduh Majlis Bandaran sebagai sabotaj untuk golongan miskin kerana bangunan terbengkalai pihak-pihak yang berkenaan tidak ada pemantauan berkala, kena macam ketuk kepala baru dia bergerak ini tidak patut berlaku, perkara sudah berlaku Dan kerap kali juga pemaju yang patut buat rumah kos rendah ini tak buat, dia buat yang mewah kita tidak buat apa-apa pun pada mereka, mereka boleh buat projek lain di tempat sepatutnya kalau mereka tidak boleh siapkan projek kita patut *blacklist* mereka dengan projek-projek yang lain. Yang lain tu juga kita juga tidak mahu, diri kita ni *apologize* untuk bagi pihak pemaju. Harga tanah dah naiklah, macam-macam lagi, tidak patut, kerana hasrat kita, kiblat kita kekuatan kita adalah pada rakyat. Kalau kita dapat pergi ke PPR, Kota Damansara 12 blok PPR, low kos mungkin terbanyak, kerana Kota Damansara hanya dalam 10 tahun masa memindahkan setingan peneroka bandar, banyaknya pergi ke Kota Damansara. Maka itu juga masalah yang lain, kalau berlaku sesuatu masalah jenayah, kalau kita panggil polis, tak sampai seperti mana juga Yang Amat Berhormat mengatakan tak cukup kakitangan. Sepatutnya setiap projek pembangunan, polis ada patut membantu, memantau supaya tidak berlaku jenayah.

Masalah yang lain juga dari segi perumahan adalah sampah sarap. Saya, Kota Damansara setuju dengan Menteri Besar, Alam Flora memang tak boleh pakai. Dua tiga hari saya dapat SMS, tempat busuk, tak buat kerja, alasan nak tukar kontraktor, saya tidak faham, dan saya cadangkan, Kota Damansara cadangkan kita boleh cari kontraktor-kontraktor yang lain yang boleh buat kerja kerana mereka dapat duit tiap-tiap bulan tetapi rakyat merana, dengan busuknya, dengan tidak ada pemantauan dari segi kesihatan, ini juga saya juga tegur pada Majlis Bandaran tentang perkara ini kerana sejak kami ambil alih saya tidak dapat gambaran di

mana ada pegawai-pegawai yang memantau berkala, maknanya dalam seminggu sekali, tengok tempat, bila ada masalah panggil baru dia datang, tak tau apa yang dia buat di tempat masing-masing. Juga berkenaan dengan sewa. Dulu RM124.00 di naikkan RM25, jatuh balik RM124.00, kita berharap selesai, tapi belum selesai lagi. Banyak lagi bermasalah kerana mereka masih belum dapat RM124.00, ada yang masih RM250.00 dan hutang bertunggak. Kita ada usaha nak cuba membolehkan mereka membayar tunggakan dengan kerja, itu pun tak bergerak juga. So, pada kami, kita meninggalkan mereka ke belakang, walhal mereka adalah pekerja menjadi tulang belakang kepada ekonomi negara, tetapi kita membelakangkan mereka, kerana kita tidak memandang mereka sebagai aset tetapi sebagai liabiliti. Sekiranya kita tidak memandang mereka sebagai aset, maka itulah jiwa kita, *altitude* kita terhadap mereka juga memang kita anggapkan tidak memuaskan.

Juga masalah golongan miskin, masalah bantuan dari zakat dan juga kebajikan. Mungkin ada yang mengatakan memang kita kena sabotaj, ada yang memang bermasalah menerima bantuan dipotong begitu saja, tidak memberi alasan. Itu juga merupakan satu masalah yang kami rasa patut diambil kira kerana kami menerima berbagai-bagai aduan kerana mereka kesesakan, kerana mereka bermasalah, bukan mereka sudah ini mereka sudah berubah lagi bagus, tidak, begitu. Yang itu juga yang harus difikirkan bersama adalah program memperkasakan rakyat. Memang berbagai-bagai aktiviti kita lakukan tetapi banyak kita menghulur. Bila saya kata memperkasakan rakyat, membantu mereka kita *follow-up*, kita menjadi pemangkin, apa yang harus mereka lakukan, adakah kita boleh membantu mereka dari segi pemasaran, maknanya adakah mereka boleh bekerja sebagai satu kelompok, ataupun mengikut persatuan, mereka boleh bertukar pandangan, menentukan haluan bisnes mereka. Kami juga berterima kasih dengan mendapat jahit, mesin jahit tapi mesin jahit yang diberi pada kami adalah mesin jahit yang komersial, tekan butang dia meletup ke depan. Orang nak menjahit pun tak reti, terpaksa kami beli mesin jahit yang tekan begitu pun tak boleh, pasang tali lepas baru pergi berperingkat-peringkat. Sekarang ni kita dah peringkat kedua, peringkat yang pertama dah lulus, kita sekarang tempah buat baju budak sekolah, dan baju ini akan kita berikan kepada kanak-kanak di kawasan kami. So, kita nak begitu, di mana adakah *follow-up*, hanya memberi tapi tidak ada *follow-up*, maknanya kejayaan kita adalah apabila mereka berjaya melakukan sesuatu, *that is our index of succes*, bukan berapa banyak yang kita beri.

Maka itu juga, Puan Timbalan Speaker, perkara ini pernah Kota Damansara timbulkan tapi tidak juga selesai, masih bermasalah, diharap sangat pihak-pihak EXCO, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, juga mengambil kira bahawa apabila kita mengatakan kita nak membantu rakyat ialah benar-benar kita membantu mereka dengan segala pertolongan, bukan kita nak mewujudkan sesuatu budaya pautan tapi supaya mereka dapat bernafas, dapat berdikari. Terima kasih. Puan Timbalan Speaker.

TIMBALAN SPEAKER : Baik, terima kasih. Sri Muda, silakan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Puan Speaker. Pertamanya saya ingin ucapkan tahniah kepada kerajaan negeri yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Ijok, selaku Menteri Besar di atas Pembentangan Belanjawan ataupun Bajet yang 2011 ini, yang ditakrifkan sebagai bajet berimbang, iaitu membelanjakan mengikut kemampuan kerajaan negeri.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri, kerana pada kali ini sudah masuk program merakyatkan ekonomi, ekonomi negeri Selangor bagi fasa yang ketiga. Dan ini sebenarnya menggambarkan kerajaan negeri tidak lagi ke belakang dalam memberikan faedah terbaik kepada rakyat yang mana sudah memasuki fasa yang ketiga dalam program ini,

walaupun di peringkat pertama fasa yang pertama, fasa yang kedua kita menghadapi pelbagai rintangan dan juga halangan. Saya ingin menyentuh sedikit tentang belanjawan yang dikemukakan oleh Dato' Menteri Besar semalam berhubung dengan satu skim yang mana telah pun juga telah termasuk dalam fasa ketiga program merakyatkan ekonomi Selangor yang di namakan skim sel ataupun skim kredit mikro yang telah diperuntukkan sebanyak RM 50 juta hasil daripada kutipan hutang yang kita kutip daripada syarikat TALAM Corporation. Saya menyambut baik akan usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri ini. Cuma saya berpandangan dan rasa sedikit bimbang sekiranya pinjaman yang dikemukakan yang diberikan kepada peminjam-peminjam tidak dapat dibayar ataupun tidak mahu dibayar mengikut jadual yang telah diberikan. Memandangkan yang RM50 juta ini adalah duit yang dikutip daripada hutang TALAM Corporation, kalau sekiranya kita tidak mempunyai satu jadual kutipan ataupun mengutip kembali hutang-hutang ini saya bimbang RM50 juta itu nanti tidak akan dapat dikutip semula dan akhirnya hasrat kerajaan negeri bagi membantu golongan-golongan sasaran ini untuk tahun-tahun yang akan datang tidak akan tercapai sepenuhnya. Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan wang yang diperuntukkan hasil daripada hutang TALAM ini yang berjumlah RM 20 juta yang digunakan untuk menangani kemiskinan bandar dalam skim yang dinamakan MIMBAR Selangor ataupun skim kredit mikro miskin bandar. Saya juga beranggapan ataupun melahirkan kebimbangan tentang kutipan daripada pinjaman ini yang mana dalam skim sel sebanyak RM50 juta diperuntukkan dan RM20 juta dalam MIMBAR Selangor, kalau tidak diselenggarakan ataupun dikawal pengeluaran dikawal cara pengambilan balik dan pemantauan, saya amat bimbang akhirnya keseluruhan sebanyak RM70 juta ini akan mungkin, boleh jadi akan menjadi mengecut ataupun mengecil daripada RM70 juta yang telah kita tetapkan. Justeru itu saya ingin mencadangkan agar satu mekanisme atau kaedah pengumpulan semula pengambilan balik hasil ataupun pinjaman ini hendaklah diberikan dengan secara teratur dan kemas supaya akhirnya hasrat untuk membantu golongan-golongan sasaran ini tidak menjadi beban berkali ganda kepada pihak mereka.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, berhubung dengan syarikat berkaitan dengan kerajaan atau GLC yang mengalami tunggakan cukai yang sukar untuk membayar cukai kepada kerajaan negeri, saya mencadangkan agar satu tempoh masa diberikan kepada mereka terutama sekali kepada syarikat-syarikat yang agak liat di dalam memperjelaskan cukai tunggakan tanah yang sudah menghantui kerajaan negeri. Saya mencadangkan agar diberikan satu *time frame* dengan izin, atau tempoh masa yang bersesuaian bagi memastikan pendapatan kerajaan negeri melalui kutipan hasil ini terus meningkat, dan sekiranya orang penting di setiap GLC ini atau syarikat berkenaan berkaitan kerajaan ini tidak dapat menyelesaikan permasalahan-permasalahan ini, maka saya mencadangkan supaya tempat mereka ini diberikan kepada orang lain yang lebih berkemampuan. Saya juga ini mencadangkan supaya GLC pada hari ini untuk membuat pelaburan, pelaburan dalam bidang yang dikatakan strategik sama ada dalam negeri atau di luar negara. Walaupun kita tahu mungkin terdapat kekangan daripada segi enakmen ataupun undang-undang yang menghalang GLC ini daripada membuat pelaburan di luar negara atau melakukan pelaburan di negara luar maka menjadi tugas kepada kerajaan untuk memastikan yang enakmen ini dapat kita ubah dan memberikan ruang secukupnya kepada GLC untuk meluaskan potensi perniagaan mereka. Saya juga mencadangkan supaya GLC ini terlibat di dalam bidang-bidang yang saya katakan tadi strategik. Selain daripada bidang hartanah yang dilihat strategik, saya juga melihat GLC boleh memainkan peranan untuk mempertingkatkan pendapatan mereka melalui pelaburan dalam bidang farmaseutikal umpamanya yang mempunyai ruang yang akan keuntungan yang besar kerana dalam bidang perubatan ini sama ada situasinya dalam keadaan aman apatah lagi perang, kita memerlukan ubat-ubatan ataupun peralatan-peralatan ini dan ia adalah merupakan salah satu cabang perniagaan yang cukup

strategik dan kalau GLC dapat melakukan ini, saya percaya peluang untuk meningkatkan keuntungan jauh lebih tinggi.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya juga tertarik untuk mengulas tentang simpanan yang dimiliki oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang dianggarkan berjumlah sebanyak RM190 juta. Saya berpandangan sebagai sebuah kerajaan tempatan yang mana kebanyakan hasil daripada MBPJ ini, hasil yang dipungut oleh MBPJ adalah merupakan cukai yang dikutip daripada rakyat. Justeru itu saya berpandangan sebagai sebuah kerajaan tempatan yang bertanggungjawab kepada rakyat secara langsung sebagai barisan hadapan kerajaan negeri maka saya mencadangkan supaya MBPJ tidak menyimpan sebanyak RM191 juta di dalam simpanannya. Wang ini boleh dicairkan atau dikeluarkan dan diberikan kepada mana-mana projek pembangunan yang mungkin ada dalam kawasan Majlis terlibat dan kalau mahu menyimpan juga ianya bukan dalam satu jumlah yang begitu besar seperti yang telah disebutkan dalam Belanjawan semalam.

Yb Puan Timbalan Speaker Dan Ahli-ahli Sekalian,

Saya juga ingin menyentuh tentang Modal Insan yang diperuntukkan sebanyak peruntukan wang yang begitu banyak sekali. Ya, soalan saya ialah Apakah ukuran kepada kejayaan yang telah kita gunakan dalam Modal Insan ini dan saya lihat peruntukan pendidikan yang juga termasuk di dalam Modal Insan ini yang disediakan sebanyak RM38.8 juta merupakan satu jumlah yang cukup besar bagi bidang pendidikan. Saya ingin mencadangkan supaya jumlah ini boleh kita agihkan atau pun tumpukan di kawasan-kawasan luar Bandar khususnya di kawasan Kampung-kampung Tradisi di kawasan-kawasan setinggian ataupun peneroka luar Bandar atau pun di kawasan FELDA yang pada hari ini kita menerima hakikat terlalu banyak kekurangan yang ada di persekitaran mereka. Jadi saya mencadangkan supaya EXCO yang terlibat dengan pendidikan ini untuk mendapatkan maklumat lanjut atau pun cuba mencari maklumat-maklumat yang bersesuaian supaya jumlah peruntukan ini dapat kita salurkan dulu ke kawasan-kawasan yang saya sebutkan ini memandangkan bidang pendidikan adalah satu bidang yang penting dan kalau kita bagi sama rata dengan penduduk-penduduk di kawasan Bandar saya rasa hasrat kita untuk mempertingkatkan pendidikan tidak akan tercapai.

YB Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang pusat *Cyber* Rakyat yang disebutkan semalam bahawa sebanyak lima (5) pusat *Cyber* Rakyat pun sudah diwujudkan dan mengikut perancangan sehingga 2015 akan adakan 56 buah pusat *Cyber* Rakyat yang saya kira untuk mencapai tahun 2015 itu kita memerlukan tempoh selama empat (4) tahun. Saya mencadangkan oleh kerana yang melibatkan ICT ini ianya cepat mengubah maka tidak perlulah di tunggu sehingga 2015 untuk kita lengkapkan pusat *Cyber* Rakyat ini di keseluruhan 56 kawasan DUN. Saya mencadangkan supaya ianya digerakkan ataupun diwujudkan dengan seberapa segera memandangkan bidang *Cyber* ini adalah merupakan satu bidang yang teknologinya bergerak terlalu pantas.

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan. Terima kasih Sri Muda saya ingin bertanya Adakah Sri Muda tahu bahawa sebenarnya di beberapa PBT khususnya PBT yang berkemampuan sebenarnya telah diwujudkan Pusat-pusat *Cyber* Rakyat atau pun dipanggil sebagai Pusat Komuniti di kawasan mereka dan adakah Y.B. setuju dengan saya kalau kita hendak memulakan Pusat *Cyber* Rakyat ini sebenarnya sekarang juga sudah mampu dan dapat kita mulakannya.

YB TUAN MAT SUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Yang Berhormat sahabat Kampung Tunku. Ya saya amat bersetuju memandangkan yang ICT ini adalah merupakan satu teknologi

pantas, teknologi yang cepat berubah, teknologi yang kalau nak tunggu tempoh dua (2) tahun pun sudah lapuk. Maka saya amat bersetuju sekali sekiranya Pusat-pusat *Cyber* ini diwujudkan dalam tempoh yang kita katakan tidak lebih daripada enam (6) bulan. Ya, supaya apa juga yang ingin dilaksanakan oleh penduduk-penduduk atau pun rakyat di kawasan setempat ianya boleh dirasakan oleh keseluruhan kawasan atau pun 56 kawasan Dewan Negeri yang ada di Negeri Selangor ini.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Satu juga yang saya nak sebut adalah berkenaan dengan hasil bahan bantuan yang mana pagi tadi Yang Berhormat Sungai Panjang sudah memberikan beberapa pandangan-pandangan yang saya kira merupakan satu pandangan yang amat tidak realistik daripada seorang bekas Menteri Besar, saya walaupun mempunyai fakta yang banyak berhubung dengan apa juga hasil-hasil yang kita kutip tetapi ini kepada Yang Berhormat EXCO dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk memperjelasannya. Cuma saya ingin menyebutkan sedikit ialah tentang penglibatan saya di Syarikat Kumpulan Semester ini supaya Sungai Panjang tahu. Ia saya adalah merupakan Pembantu EXCO yang menjaga Sumber Alam bukan semat-mata kerana ADUN Sri Muda. Adalah Pembantu EXCO yang terlibat membantu Yang Berhormat EXCO dan kebetulan telah diberikan tanggungjawab untuk menjadi salah seorang Ahli Lembaga Pengarah pada bulan Jun tahun ini. Jadi aktiviti yang dilakukan sebelum ini adalah di bawah pengawalan Kumpulan Semester sepenuhnya dan saya tahu sebab kenapa Yang Berhormat Sungai Panjang begitu iri hati atau pun kita katakana berasa begitu berdendam dengan Kerajaan kini pada hari ini. Ini adalah disebabkan masa pentadbiran beliau selama lapan (8) tahun sebagai Menteri Besar. Ya kita mempunyai banyak fakta-fakta yang kita ada yang kita kumpulkan semenjak lagi daripada Pentadbiran Kerajaan Negeri yang diambil alih mulai Mac 2008 yang boleh mensabitkan mengaitkan tetapi saya tak berhasrat nak ceritakan nak dedahkan dalam Dewan ini. Cukup kalau saya katakana bahawa Sungai Panjang sudah diberikan peluang untuk membuktikan Pentadbiran yang baik yang telus yang bertanggungjawab tetapi beliau sudah mensia-siakan peluang tersebut dan hari ini apa yang beliau katakan itu tidak lebih hanya sebagai satu cara untuk menarik perhatian Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri itu sahaja.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan peruntukan yang melibatkan penyebaran maklumat atau pun informasi. Pada kali ini saya melihat bahawa Kerajaan Negeri sudah memperuntukkan sebanyak RM15 juta yang saya kira dalam Sidang Dewan Negeri Tahun 2008 juga kita sudah sebut tentang peri pentingnya untuk kita menyejajarkan satu penyebaran maklumat oleh Kerajaan Negeri sendiri dan saya melihat walaupun ianya agak terlambat dua (2) tahun tetapi tidak lah terlalu lewat sangat bila dimulakan dengan peruntukan sebanyak RM15 juta ini dan saya ucapkan tahniah kerana Kerajaan Negeri menyedari tentang penyebaran maklumat ini ada merupakan satu instrumen yang begitu penting. Dan saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menyejajarkan informasi untuk seluruh rakyat Negeri Selangor maka penting sangat-sangat untuk Kerajaan Negeri menyejajarkan pembinaan atau pun pemasangan papan iklan tentang apa yang sudah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada seluruh rakyat negeri ini. Jadi fasal-fasal dalam ekonomi Selangor seperti Fasal 1 yang termasuk juga pemberian 20 meter padu percuma air itu dan lain-lain serta Fasal 2 dan Fasal 3 yang kita akan laksanakan ini akan dapat difahami oleh rakyat seluruh perosok negeri. Saya tidak mahu lagi Kerajaan Negeri melengah-lengahkan perkara ini. Sudah pun kita nyatakan beberapa kali supaya ianya disegerakan dan kita mengharap Tahun 2011 pun pemasangan papan ini akan dapat dilaksanakan dengan segera. Saya juga ingin menyentuh berkenaan Selangor Kini akhbar edaran Kerajaan Negeri yang mesti dicari satu jalan penghantaran. Pada hari ini kita menerima Aduan tentang kelewatan dan juga tak sampainya akhbar ini ke rumah-rumah yang mana saya difahamkan cetakannya untuk setiap keluaran lebih daripada 200,000 keping. Ia

memandangkan penduduk Selangor ada lebih kurang 5 juta dan kalau diambil sebahagian daripada itu ya mungkin dalam 2 juta maka seharusnya Kerajaan Negeri mencetak satu jumlah yang besar untuk memastikan Selangor kini boleh sampai ke setiap rumah.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan sebuah Bandar dan kawasan pendudukan yang selesa dan selamat untuk Rakyat Negeri Selangor. Berkaitan dengan hubungan ini, dengan persoalan ini saya ingin bertanyakan berkenaan dengan Projek-projek Terbengkalai yang satu ketika dahulu sudah nyatakan bahawa terdapat beberapa projek yang sedang dibaik pulih tetapi apa yang saya lihat walaupun projek Terbengkalai terutamanya di kawasan saya ada satu kawasan, satu kampung di Kampung Jalan Kebun satu projek rumah terbengkalai yang sudah pun diambil alih untuk dipulihkan tetapi sampai hari ini selepas enam (6) bulan projek terbengkalai itu menjadi terbengkalai kali kedua. Jadi saya minta supaya EXCO yang terlibat untuk meneliti semula Syarikat-syarikat yang diberikan peranan dan tanggungjawab untuk memulihkan rumah terbengkalai agar keadaan-keadaan yang seperti saya sebutkan ini tidak berlaku.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, akhir sekali ingin meminta jasa baik daripada EXCO Infra terutamanya yang melibatkan jalan, parit, longkang dan sebagainya untuk memberikan peruntukan-peruntukan yang bersesuaian berasaskan apa yang telah saya mohon bagi kawasan DUN saya kerana apa yang saya lihat di dalam pembentangan belanjawan itu yang terperinci semalam tidak menyatakan jumlah yang diberikan pada setiap DUN. Saya ada bermohon untuk pembinaan sebuah jalan negeri yang melibatkan jalan itu sepanjang hampir 8 kilometer jaraknya yang mana jalan ini sudah pun dalam keadaan begitu uzur yang mana memerlukan pembaikan bukan sahaja daripada penyelenggaraan. Saya lihat bahawa ada diberikan tetapi hanya sebanyak RM500,000 dan ini adalah satu jumlah yang tidak mencukupi dan saya berharap agar diberikan ruang kepada kampung jalan kebun satu jalan yang menghubungkan satu lagi kampung yang dinamakan Jalan Kampung Lombong peruntukan yang bersesuaian untuk menaik taraf itu daripada jalan yang diiktiraf sebagai jalan macam kampung sahaja kepada sebuah jalan yang memberikan keselesaan kepada ribuan penduduk di persekitarannya. Dan sebagai penutup satu lagi jalan yang ingin saya bangkitkan adalah Jalan di Kampung Johan Setia. Jalan ini sudah pun disiapkan pada Tahun 2008 bulan November yang saya difahamkan jumlahnya adalah sebanyak RM23 juta. Malangnya sebaik siap sehingga hari ini jalan itu tidak dapat dinikmati sepenuhnya oleh rakyat kerana terdapat tujuh (7) spot atau pun tujuh (7) kawasan mendapan yang mengakibatkan lima (5) jiwa sudah kehilangan nyawa. Justeru itu saya memohon kepada Kerajaan Negeri ya walaupun saya melihat dalam tempoh sebulan yang selepas ini ada diberikan peruntukan-peruntukan untuk memperbaiki jalan tersebut tetapi pada saya ianya tidak mencukupi kerana daripada tujuh (7) spot yang kita kenal pasti hanya dua (2) sahaja yang diberikan peruntukan. Saya memohon supaya jalan itu dibaikpulih sepenuhnya supaya wang RM23 juta yang digunakan untuk membina jalan ini dapat memberikan manfaat terbaik kepada seluruh rakyat.

YB Puan Timbalan Speaker, saya menyokong belanjawan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri semalam. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Bangi berdiri untuk membahaskan Anggaran Perbelanjaan Negeri Selangor 2011 dan menyokongnya. Anggaran Perbelanjaan ini boleh disebabkan sebagai bajet berimbang, bajet peningkatan, bajet yang mengukuhkan kedudukan Pakatan di Selangor. Bajet yang boleh menjadi teladan bagi Negeri-negeri lain di Malaysia. Kita jangan mendengar sangat apa yang diungkapkan oleh

Sungai Panjang yang telah menaburkan apa fitnah dan bisa-bisa kemudian dia tinggalkan begitu sahaja dengan tidak mahu mendengar pendapat-pendapat orang lain. Kita mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Menteri Besar Selangor yang telah berjaya mengemukakan bajet positif dan berimbang 2011 sejumlah RM1,430,440 bagi mengatasi 2010 berjumlah 1 bilion 424 juta 675, 74934. Jika bajet kerajaan Persekutuan yang dibentangkan pada 15 Oktober 2010 yang berjumlah 67 bilion itu sebagai usaha puncak bagi merealisasikan wawasan 2020 maka bajet Negeri Selangor 2011 menjelang 3 tahun pemerintahan PR di Selangor adalah bajet pengukuhan bagi Kerajaan PR bagi menambahkan keyakinan dan sokongan rakyat terhadap PR di Selangor dan di juga di Malaysia. Jika Kerajaan Persekutuan bergerak bagi menyatukan dan mendapat sokongan masyarakat ialah dengan slogan satu Malaysia maka bagi kita di Selangor slogan kita ialah merakyatkan ekonomi Negeri Selangor. Dalam masa ekonomi negara masih belum betul-betul pulih dari "resection" memperlihatkan pimpinan peringkat pusat mahu membina legasi diri iaitu mahu mendirikan pencakar langit warisan merdeka seolah-olah menandingi bangunan berkembar Petronas dan Bruth Khalifa di Dubai.

Selangor tidak seharusnya mencontohi amalan pembaziran yang berharga 5 bilion itu sedangkan ruang kosong masih banyak di bangunan-bangunan di negara ini. Kerajaan Negeri memang memberi tumpuan kepada projek yang memberi manfaat kepada rakyat seperti penumpuan penyelenggaraan jalan raya yang berjumlah 289 juta peningkatan perkhidmatan Jabatan Agama, 264 juta meningkatkan pengurusan Jabatan Pengairan dan Saliran hingga 109 juta peruntukkan pelajaran 35 juta meningkatkan sektor pertanian pada 26 juta, menekankan Kebajikan Masyarakat 16 juta, dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain lagi yang menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap pembangunan. Kita ahli-ahli dewan terutama daripada kalangan ahli-ahli dewan biasa berusaha untuk meningkatkan prestasi pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Saya ADUN Bangi ingin menyebutkan tentang *retreat* yang telah diadakan oleh wakil-wakil rakyat biasa dari Kerajaan Negeri Selangor yang memerintah yang berlaku pada 18 dan 19 Oktober 2010 di *Golden Palm Trees* di Sepang yang tidak begitu disentuh lagi oleh ADUN-ADUN yang lain yang antaranya perlu disebutkan iaitu kita perlu mempraktikkan konsep pengasingan kuasa dalam Kerajaan pemerintahan di PPR di Negeri Selangor supaya tidak bercelaru dari segi pemerintahan dan memperbaiki kelemahan struktur yang ada sekarang dari segi pentadbiran begitu juga apa kita putus tentang Pejabat Dewan kita yang tidak dapat menampung kerja-kerja Jawatankuasa Dewan oleh kerana ketiadaan atau kekurangan tenaga dan tidak ada sokongan profesional kepada dewan ini yang sebagaimana kita putus. Ahli dewan juga tidak mempunyai peranan dalam pengurusan dan pentadbiran dewan, begitu juga yang diputuskan tindak balas pengurusan dewan agak lembap terhadap permintaan ahli dewan, boleh jadi kerana kekurangan tenaga-tenaga dan juga ini benda ni yang telah disebut bahawa elaun ahli-ahli dewan sebenarnya lebih kecil dari Timbalan Pegawai Daerah yang benda ini sepatutnya elaun mereka ini dinaikkan sesuai dengan tugas mereka yang agak makin bertambah. Begitu juga kita telah mengambil keputusan supaya dewan ini menambahkan sayapnya, bangunannya supaya dapat ditambahkan bilik-bilik bagi ahli-ahli dewan dan bilik-bilik dari berbagai-bagai keperluan. Sekarang, maknanya ahli-ahli dewan biasa tidak ada tempat, kalau nak rehat pun bertaburan di merata tumpang di kerusi di sana sini, ertinya tidak ada tempat untuk mereka berehat ataupun untuk membaca ataupun membuat rujukan atau sebagainya. Begitu juga mereka sebenarnya sebagaimana juga telah disentuh kita ahli-ahli dewan biasanya macam terputus dengan pihak EXCO dari segi maklumat dan sebagainya. Kadang-kadang benda ni diambil tindakan tidak kita ketahui sehingga perkara itu berlaku dan sebagainya. Jadi kalau maklumat sedemikian disampaikan kepada kita umpamanya ini akan memberi lebih banyak faedah kepada ahli-ahli ADUN-ADUN yang biasa. Begitu juga benda ni yang dibangkitkan tentang kedudukan ADUN-ADUN di PBT dan Pejabat Daerah yang saya ingat penting belum dibangkitkan lagi iaitu perlu

kita diperkasakan kedudukan ADUN di PBT. Kita rasa tersisih dan semacam benda ini orang luar bila kita menghadiri benda ni mesyuarat-mesyuarat sama ada penuh apatah lagi yang tidak penuh bahkan tempat duduk pun sebenarnya kita didudukkan bersama dengan pemberita-pemberita. Kadang-kadang kalau ada pelawat menerangkan sesuatu polisi dan sebagainya kita disampingkan mencari tempat sementara tidak ada tempat duduk, ini sebenarnya memalukan ADUN itu sendiri di dalam dewan apa lagi suaranya tidak diberi perhatian. Sebab itu kita berpendapat kedudukan ADUN di PBT perlu dihormati dan diberi hak-hak nya dan juga di Pejabat Daerah. Begitu juga kita juga mengambil keputusan kalau boleh mengurangkan kekurangan kewangan terutamanya yang dihadapi oleh Pejabat Daerah berbanding dengan PBT oleh kerana bahagian peruntukkan di Pejabat Daerah ni disalurkan daripada Persekutuan tetapi oleh kerana kita negeri PPR banyak peruntukkan ini yang telah disekat yang menyebabkan pembangunan terutamanya di luar bandar walaupun diputuskan supaya diambil tindakan tetapi tidak dapat dilaksanakan oleh kerana peruntukkan tidak ada. Sebab itu Kerajaan Negeri sepatutnya tidak membiarkan keadaan ini. Kita tahu Penghulu Kampung yang gelisah dengan ketiadaan peruntukkan di kawasan kampung masing-masing walaupun diluluskan peruntukkan tetapi tidak ada kewangan.

Begitu juga kita telah mengambil keputusan kemungkinan melantik ADUN dan ini bukan satu perkara yang baru kerana pernah dilantik bekas Y.B. Salomon menjadi Dato Bandar, jadi tidak akan menjadi kesalahan atau kejanggalan kiranya mereka yang berkelayakan daripada ADUN-ADUN diberi peluang menjadi Dato Bandar atau YDP atau Timbalan YDP di mana-mana PBT yang bersesuaian atau yang ada kekosongan. Selain daripada itu ADUN patut diberi hak tunjuk peruntukkan di PBT. Saya ingat ini satu kejayaan yang telah dicapai kerana baru-baru ini sudah diluluskan ertinya ADUN diberi hak 1 juta untuk menunjukkan projek-projek di kawasan di bawah PBT masing-masing. Ini satu kejayaan semasa kita hadir di *retreat*. Begitu juga kita minta supaya ada hak yakni ada peruntukkan JKR MARRIS dan '*endorsement*' melalui apa-apa Jawatankuasa ADUN satu-satu polisi walaupun kita tidak ada diwakili oleh ADUN di mana mesyuarat-mesyuarat PBT ataupun Pejabat Daerah, JKR dan sebagainya. Dan kita juga menuntut dalam keputusan itu supaya ADUN-ADUN mempunyai suara dalam mesyuarat penuh "*full board meeting*" sebagaimana saya katakan tadi kita berasing bukan saja suara tidak didengar, terasing, jadi kita sepatutnya diberi hak untuk bersuara dalam mesyuarat PBT. Seorang ADUN kalau dilantik dalam syarikat tidak boleh melebihi elaun daripada 2,000 ringgit sebulan kerana kita ada dengar ada yang mendapat elaun berpuluh ribu sampai 90 ribu, ada disebut juga satu bulan, jadi ertinya elaun begitu besar sebagai sesuatu yang tidak munasabah. Sebab itu untuk mengelak daripada buah mulut masyarakat dan sebagainya supaya mereka ini disekat daripada benda ni sewenang-wenang mendapat elaun apa lagi kalau dia lebih dari satu syarikat anggota di dalamnya. Begitu juga kita menuntut supaya ADUN mempunyai suara di dalam menentukan projek PBT dan kuota dalam meluluskan hal-hal ertinya bukan lulus tapi suara kita, lulusnya mungkin daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan tapi kita ada suara di dalam menentukan tanah-tanah yang dikurniakan atau diluluskan kepada pihak-pihak yang memohon.

Hanya Pegawai Kerajaan sudah ada disentuh juga, hanya Pegawai Kerajaan yang berkhidmat dengan kerajaan Negeri lebih daripada 20 tahun baru dibenarkan layak memohon tanah kediaman seluas 60 kaki kali 50 kaki persegi, kecilnya saja cukup untuk rumah banglo, untuk mereka ada tempat kediaman sebelum menghembuskan nafas yang terakhir. Tidak sewenang-wenangnya sekarang boleh maknanya dia memiliki memohon tanah dapat potongan harga dan sebagainya. Dan permohonan ini dikira macam permohonan biasa, dia kena bayar tapi diberi hak untuk memohon tempat kediaman. Saya ingat permohonan ADUN-ADUN ini begitu rendah diri, nampaknya. Begitu juga permohonan tanah ibadat bukan Islam kita setuju dijawab dalam masa tempoh 6 bulan sama ada lulus atau ditolak supaya tidak tertunggu-tunggu dari segi jawapan dan peruntukan kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah

Rendah Agama selama ini tidak diketahui atau diberitahu kepada ADUN sepatutnya diberi maklumat seperti peruntukkan-peruntukkan yang diberi macam kita mesyuarat Sekolah Tamil tadi, Sekolah Cina, kadang-kadang peruntukkan itu sampai saja tidak diketahui oleh kita. Jadi sekarang seharusnya melalui ADU N-ADUN di kawasan masing-masing supaya peruntukkan itu dapat disampaikan dan ada interaksi antara ADUN dengan sekolah-sekolah berkenaan.

Dari segi peningkatan pembangunan di Negeri Selangor ni sebenarnya kontras dari apa yang dikatakan oleh Sg. Panjang kerana daripada apa yang dibentangkan di dalam dewan ini semalam oleh Y.A.B. Menteri Besar menunjukkan bahawa pemulihan, peningkatan dari segi sektor perdagangan dan pembuatan antara 1.7 hingga 3.2 peratus pada suku kedua 2010 dari segi kenaikan KD. Ini menandakan bahawa ekonomi Negeri Selangor sebenarnya makin bertambah pulih bahkan mendahului negeri-negeri yang lain termasuk juga pertumbuhan ekonomi iaitu sebanyak 8.9 peratus suku kedua tahun 2010. Manakala pembuatan ialah 15.9 peratus hingga 26 peratus perkhidmatan KDNK juga 5.9 hingga 7.3 peratus, jadi ini menunjukkan bahawa ekonomi negeri Selangor meningkat terutama dalam lima bidang yang telah disebutkan oleh Y.A.B. Menteri Besar iaitu perkhidmatan 60.5 peratus, pembuatan 32.4 peratus, pembinaan 5.5 peratus, pertanian 1.5 peratus, perlombongan dan kuari .1 peratus. Ini adalah hasil daripada urus sumber negeri yang dilakukan secara bijaksana dan pemantauan pengurusan perbelanjaan secara cekap yang mendorong kepada pembangunan terutama dari segi modal insan dan melestarikan pembangunan negeri, dan hasil daripada ini sebab itu kita lihat umpamanya, baru-baru ini telah dilancarkan ertinya pada peringkat tahap kedua dari segi merakyatkan ekonomi di negeri Selangor ini yang barangkali kita tak perlu sebutkan dari segi apa TAWASnya, dari segi Bekalan Airnya, hadiah apa ini anak masuk universiti, Skim Mesra Emas, Pusat Krisis Serenti, Tabung Anak-anak Bekerja, Cuti Bersalin dan sebagainya. Semua memperlihatkan peningkatan dari segi peruntukan. Misalan Mesra Rakyat kepada 34.5 juta, peruntukan apa dia ni, ah! Bagi Warisan, Tawas 3.5 juta, masuk universiti 7.7 juta dan seterusnya peruntukan-peruntukan yang lain memperlihatkan apa dia ni peningkatan. Satu yang saya fikir kemungkinan yang boleh mempopularkan dan memberi imej yang baik barangkali saya bercanggah sedikit Sri Muda iaitu tentang Al-Qadrul Hasan ia ini Skim Kredit Mikro, dan apa ni, ini sebenarnya boleh mempertingkatkan semacam jugalah kita mengadakan pada peringkat permulaan dari segi usia emas itu dan juga bantuan-bantuan yang lain yang telah memperbaiki, meningkat imej kita di negeri Selangor maka Al-Qadrul Hasan ini adalah satu ruang bagi kita memprojeikan imej negeri Selangor ini dari segi memberi bantuan kepada mereka yang berkelayakan dari segi perniagaan dan usahawan. Kalau yang lain umpamanya aspek-aspek kebajikan yang kita lakukan, kita adalah lebih bersifat memberi sahaja dan digunakan begitu sahaja tak ada pulangan.

Tetapi Al-Qadrul Hasan ini bersifat iaitu kita beri dan dapat pulangan dapat hidupkan modal itu bagi membantu peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan. Al-Qadrul Hasan ini sebenarnya adalah ertinya konsep ekonomi dalam Islam macam juga sistem perbankan Islam. Al-Qadrul Hasan ini sebenarnya asalnya adalah berasaskan kepada mereka yang mempunyai kelebihan modal. Modal itu dipinjamkan, misalnya surau. Saya pengalaman pergi buka benda ini, apa dia ini kebajikan surau. Surau itu dia membeli asas sedikit ertinya membeli peralatan yang boleh disewakan oleh masyarakat setempat, macam kita katakan apa *canvas*, apa tu, *tent*, apa tu yang boleh disewa oleh masyarakat dan modal itu disumbangkan oleh orang yang mempunyai kelebihan kewangan dan apabila alat-alat ini disewa oleh masyarakat setempat dan bila untung dipulangkan kembali kepada pemodal itu, modal yang telah ditanamkan. Jadi konsep Al-Qadrul Hasan ini sebenarnya bersifat *fastabikul khairah*. Ertinya berlumba-lumba untuk buat kebajikan, untuk menolong orang yang susah. Dalam konsep ini barangkali ini ada lain sedikitlah. Tapi sebenarnya berasas kepada Al-Qadrul Hasan di mana kita kerajaan negeri mempunyai peruntukan yang kita tahu 50 juta untuk luar bandar, 20 juta untuk orang miskin di

bandar. Peruntukan ini akan diberi kepada orang-orang yang memerlukan dengan syarat-syarat tertentu dan apa dia ni ikatan-ikatan tertentulah dan saya kira kalau ini dapat dikendalikan dengan baik kita akan menubuhkan peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan yang akan terus berkembang maju dan boleh memprojeakkan, erti menaikkan ekonomi negeri dan memprojeakkan imej yang baik kepada negeri Selangor, cuma sebagaimana Sri Muda sebut tadi saya pun juga berharap macam itu juga.

Ini akan disusun dengan sebaik mungkin supaya dia tidak akan mengurangkan modal dan akan dapat terus membantu mereka-mereka yang memerlukan tanpa walau pun ini daripada prinsip Islam tidak bererti ini untuk orang Islam sahaja ya. Dan tidak mesti untuk orang PR sahaja ertinya untuk semua rakyat dan kita harap Al-Qadrul Hasan ini dapat dikembangkan dengan sebaik mungkin dalam membantu rakyat yang miskin. Selain daripada itu saya Bangi ingin menyentuh tentang satu potensi yang besar dari segi pendidikan di negeri Selangor ini sebagaimana yang disebut dalam ucapan Dato' Menteri Besar semalam bahawa kita di negeri Selangor ini mempunyai sebanyak universiti di peringkat negeri iaitu dua buah dan swasta 87, 13 universiti, 4 universiti awam dan 17 universiti swasta. Saya fikir ertinya setakat ini kita kurang memberi perhatian terhadap universiti-universiti dan pengajian-pengajian tinggi yang ada di negeri kita ini.

Kita barangkali memberi tumpuan pada 2 universiti sahaja. Saya fikir kita mesti memperluaskan pengaruh kita kepada semua universiti. Apa yang dilakukan dalam sebulan lepas iaitu dialog dengan mahasiswa-mahasiswa, saya ingat ini satu yang amat baik. Walau pun pada peringkat permulaan ini sambutan agak kurang memberangsangkan bukan kerana mereka tidak hendak datang saya tinjau-tinjau yang pelajar-pelajar duduk di keliling saya, yang saya hadir mereka ditekan sebenarnya, diminta membuat permohonan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dahulu sebelum boleh hadir, mana boleh nak tulis surat kemudian tunggu surat baru nak datang untuk dialog yang tidak begitu besar sangat ya. Jadi itu, ini penekanan, tekanan-tekanan yang dikenakan terhadap mahasiswa. Tetapi kita mesti mencari kaedah yang boleh kita dekatkan dengan mereka. Kita boleh meluaskan pengaruh Selangor di semua institusi pengajian yang ada di Negara kita. Tidak mesti bersifat dialog kita boleh memilih berbagai pendekatan. Umpamanya seminar atau pun secara santai *retreat* dengan dia, di mana-mana tempat yang boleh menarik kehadiran mereka dan kita boleh tanamkan apa dia ni, apa-apa mesej yang kita hendak sampaikan kepada pelajar-pelajar yang belajar di universiti-universiti atau pengajian tinggi di tempat kita, yang bukan sahaja orang Malaysia tetapi juga pelajar-pelajar sekarang ertinya 30% pelajar-pelajar di pengajian tinggi ini adalah datangnya daripada luar Negara.

Jadi, kalau kita dapat tanamkan pengaruh pada pelajar-pelajar terutama luar Negara ini ertinya dia mengenali Selangor, dan banyak mungkin faedah bila mereka biasanya bila mereka datang sini, bila mereka balik jadi orang besar di tempat masing-masing. So, kita boleh buat hubungan nanti ada yang belajar, daripada UIA yang balik yang menjadi Perdana Menteri dan berbagai-bagi lagi, jadi memudahkan dari segi hubungan kita dengan pelajar-pelajar yang akan balik di tempat masing-masing. Begitu juga kita boleh umpamanya mengadakan sukan ya. Kalau pun tidak secara formal, ertinya melalui universiti kerana ada tekanan, ini pengalaman kitalah dengan universiti tempatan di DUN Bangi sendiri. Kita tidak boleh berhubung dengan pihak universiti secara formal tetapi kita menggunakan pelajar-pelajar yang tinggal terutamanya di luar daripada kampus dan mereka ini boleh mempengaruhi dalam kampus mengambil bahagian dengan berbagai-bagai kegiatan yang kita adakan. Tetapi saya fikir kalau pada peringkat negeri kita buat hubungan dengan universiti-universiti tempatan, pusat-pusat pengajian tinggi yang ada di tempat kita ini, saya fikir tidak semua menolak. Sebab pengalaman kita di DUN Bangi macam Institut Jerman, Institut Perancis dan berbagai-bagai ada beberapa universiti lagi

kita dapat masuk dengan baik. Kita dapat masuk dengan berdialog dengan mereka, dan ertinya diterima baik kita.

Jadi ertinya kalau pada peringkat negeri mengadakan pertemuan, dialog, perhimpunan, konvensyen antara pelajar-pelajar universiti bahkan barangkali kita boleh buat sukan antara pengajian-pengajian tinggi di negeri kita ini untuk merapatkan hubungan kerajaan negeri dengan apa dia ni ah! Pihak-pihak universiti tempatan dan kalau kita dapat lakukan ini, kita sebenarnya mudah ertinya kita dapat memasukkan pengaruh kita, atau pun mesej kita tanpa kita mengendalikan sebuah universiti yang begitu mahal harganya untuk kita kendalikan. Jadi, dengan adanya sampai apa dia ni 130 buah pengajian tinggi di tempat kita, kita ini adalah satu cara bagi kita mendekati pengajian-pengajian tinggi juga ertinya pelajar-pelajar bahkan tenaga pengajar. Saya ingat kita boleh mengambil faedah dari apa dia ni berbagai-bagai tenaga pengajar intelektual berbagai-bagai universiti memberi pandangan-pandangan mereka. Saya fikir tempat kita ini kita kurang menghargai intelektual setempat universiti-universiti yang ada di negeri Selangor ini. Mengapa tidak, umpamanya kita membuat siri umpamanya seminar ke, atau pun wacana ilmiah, bertukar-tukar fikiran atau pun kita adakah apa-apa bidang-bidang yang kita dapat memanfaatkan dari pemikiran-pemikiran mereka yang apa dia ni yang mereka pakar dalam bidang-bidang berkenaan. Sama ada ekonomi, sosial, agama dan berbagai-bagai lagi.

Yang saya nampak, yang saya hadir selama ini kita utamakan tenaga atau pun intelektual daripada luar negeri. Yang kadang-kadang kita tengok bukan intelektual sangatnya, bukan pada peringkat profesor, kadang-kadang dia tenaga biasa kerana datang dari luar kita rasa hormat kepadanya. Pada hal tempat kita begitu ramai tenaga-tenaga pengajar yang boleh kita memanfaatkan pemikiran-pemikiran mereka yang juga barangkali cadangan-cadangan yang dapat diberikan kepada kita. Yang kita hormati, apa dia ni Puan Timbalan Speaker, ah! Saya ADUN Bangi ertinya memberi ucap tahniah di atas apa dia ni pendekatan kita selama ini yang tidak diberi perhatian oleh kerajaan yang sebelum daripada kita iaitu perhatian kita kepada sekolah Tamil, sekolah Cina dan Sekolah Agama Rakyat. Pengalaman kitalah. Sekolah-sekolah Tamil ini begitu memberi penghormatan terhadap kita. Cuma kita nak sampai sahaja peruntukan 30 ribu ringgit kepada mereka yang baru ini disampaikan. Mereka mengadakan apa dia ni majlis yang agak besar-besaran kerana untuk menerima 30 ribu ringgit sahaja jadi diraikan semua jawatankuasa dia datang dan ini di *West Country*lah.

Jadi, ertinya mereka amat menyanjung di atas peruntukan yang kita salurkan kepada sekolah Tamil. Cuma satu sekolah Tamil apa dia ni, pekan Bangi saya bertanya mengapa sekolah yang agak teruk dan susah ini tak sampai bantuan. Sekolah yang saya hadir itu agak apa dia ni agak sempurna jugalah. Jadi yang satu lagi tidak sempurna. Dan yang apa ini, begitu juga peruntukan yang diberi kepada Sekolah Agama, baru-baru ini peruntukan 100 ribu membaiki bangunan mereka amat menghormati kita kerana kita beri peruntukan 100 ribu dan ditambah lagi sikit lagi. Jadi ini, satu apa dia ni, satu maklumat yang begitu menyeluruh di DUN Bangi tentang peruntukan yang kita beri yang selama ini tidak diberi oleh Kerajaan Persekutuan terhadap sekolah-sekolah agama. Jadi, kita harap peruntukan ini akan diperluaskan lagi, kerana memang banyak sekolah-sekolah Tamil, sekolah Cina dan sekolah Agama yang amat memerlukan pada peruntukan-peruntukan ini. Walau pun kita rasa kecil tetapi bagi mereka adalah suatu peruntukan yang amat besar. Tuan Speaker. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyentuh tentang bersih dan hijau dan kawasan selamat di tempat kita. Kita berterima kasih kerana ada beberapa pendekatan yang telah dibuat oleh PBT umpamanya dianjurkan Zon Bersih termasuk di DUN Bangi sendiri. Tetapi zon bersih ini nampaknya dia bersih semasa tempoh di mana zon itu diberi perhatian dalam mana 6 bulan

sahaja. Daripada mula-mula dari bulan lapan tahun lepas sehingga bulan empat. Lepas daripada itu tak diberi perhatian lagi. Ertinya kembali kotor. Kita tidak apa ni mengecam...

TUAN SPEAKER : Ia ada tempoh dia.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Ya,

TUAN SPEAKER : Ia ada tempoh dia.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Ya, tempoh, tempoh bersih. Kemudian kotor balik. Jadi, kita puji pendekatan ini tetapi mekanisme yang harus digunakan seharusnya berterusan. Ertinya tidak hanya setakat lima enam bulan sahaja. Saya fikir tempat lain pun juga dipilih satu tempat bagi tiap-tiap PBT. Kita mengharapkan ertinya konsep bersih ini akan berterusan dengan ...

menganjurkan berbagai-bagai mekanisme. Satu cara yang saya DUN Bangi lihat maknanya skop bersih perlu diadakan. Ertinya ia tidak mengharapkan lori-lori yang mengangkat sampah sahaja, sampah sahaja dia setakat menyampu sampah. Jadi kalau ada skop bersih ini yang mereka dia tidak semestinya tempat ertinya ia akan bergerak daripada satu zon kepada satu zon membersihkan ertinya tempat-tempat kotor. Barang kali dalam satu minggu tempat dia akan pergi nescaya dia akan lebih kelihatan bersih kawasan-kawasan setempatnya. Kalau tidak dia akan tinggal begitu sahaja sehinggalah kita mengadakan gotong-royong membersihkan. Kadang-kadang gotong-royong ini memang baguslah dari perhubungan kemasyarakatan tapi bila kita kira tolak campur daripada peruntukan ADUN kita katakan keluar 100 ribu yang gotong-royong sebenarnya 1 jam atau 2 jam selagi tempat mana yang tidak bersih lebih banyak kita peruntukan sampai 100 ribu. Jadi kita tolak campur ertinya rugi sekalung gunilah dari segi peruntukan yang kita buat. So kalau kita ada skop bersih, bersih apa ini kawasan-kawasan pekan bandar dan sebagainya lebih ertinya

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, saya hendak mencelah sedikit

TUAN SPEAKAR : Ya, celah sikit

YB TUAN NG SUEE LIM : Sebab saya kurang faham tentang apa skop bersih itu sebab skop bersih itu sama ada skop itu bersih ataupun skop itu sapu bersih kawasan. Saya hendak tahu skop bersih sendiri yang bersih ataupun sapu bersih kawasan.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Sekinchan. Skop bersih ini pasukanlah. Pasukan yang bersih. Sebagai contohkan. Tapi dia bekerja untuk membersihkan kawasan-kawasan dia ada alat-alatlah sama ada lori yang moden yang sedut itu sampah yang tidak payah hendak menyampu atau bersih dengan penyapu boleh juga. Tapi boleh juga ia di bersih betul-betul ertinya dari satu tempat ke satu tempat. Saya ingat skop ini zaman penjajah dahulu. Memang ada dia kerja bersih jalan, baiki jalan pemandunya sekarang konsep itu agarnya boleh diperbaikilah diwujudkan balik supaya ada skop itu dan ada ketuanya akan bergerak ke satu tempat ke satu tempat untuk bersih.

TUAN SPEAKER : YB Seri Muda hendak mencelah

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Mencelah sikit

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Boleh-boleh, laku juga nampaknya

TUAN SPEAKER : Ini menarik. *Point* yang menarik sikit

Saya hendak bertanya bimbang hendak memberi pandangan saya bimbang skop bersih ini tugas yang sepatutnya dipikul oleh pihak-pihak yang terlibat telah tidak dilaksanakan sepenuhnya. Sebab dia sudah tahu kalau dia tidak membuat dengan bersih pun ada pula skop membuat bersih yang akan pergi bersih. Jadi kalau hendak buat kaji suatu kaedah yang bersesuaian. Walaupun begitu saya menyambut baiklah cadangan dari Bangi. Mungkin pihak yang terlibat boleh mengkaji itu pandangan saya.

TUAN SPEAKER : yang *point* itu sangat menarik sebab saya dengar YB belanja hingga sampai 100 ribu untuk gotong-royong

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Ya untuk gotong-royong

TUAN SPEAKER : Kalau saya, saya tidak bagi. Saya bagi RM1,000 je.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Ini kita himpulkan kawasan-kawasan. Kerjanya 1 jam makannya 2 jam sampai RM10 ribu. Sebab itu dikira-kira ia tidak untung. Tak untung terutamanya untuk komunikasi sahajalah dengan masyarakat setempat dia *infrasi* memberi makan dan sebagainya.

TUAN SPEAKER : Apa makan sampai RM10.000

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Ini banyak tempat ia serentak kami pada tahun lepas membuat projek pembersihan peringkat ADUN peringkat mejalah 10 kali. Manakala kawasan-kawasan yang menganjur sendiri saya ingat lebih daripada 20 ertinya 20 kali gotong-royong yang diadakan. So peruntukan itu adalah sebahagian daripada peruntukan ADUN yang digunakan. Kita boleh turun ke kawasan-kawasan rapatkan perhubungan. Insya-Allah Cuma yang lebih untung kita berjumpa rakyat dia merasa mesra kita menyediakan makanan. Jadi bersihnya tak bersih sangatlah

TUAN SPEAKER : Yang bersih makanan yang bersih

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Yang bersih makanan sahaja. Tapi sebenarnya idea secara segi bersihnya kita hendak menuju lebih tinggi lagi bukan sahaja tempat Zon Bersih sahaja. Saya ingat macam ADUN Bangi ini kerana kawasannya agak kompak luas sebenarnya ia boleh dipertingkatkan jadi sebagai ertinya taman bandar taman tak jadi mustahil. Kalau kita tengok Subang Jaya umpamanya Shah Alam semua jalan tempatnya bersih tepi jalan dan sebagainya macam taman-taman. Macam AUN Bangi walaupun ada Zon Bersih tak meningkat kepada taman seperti yang saya kata tadi tidak bersih setakat 5/6 bulan. Mengapa kita umpamanya sebagai bandar ilmiah kami juga slogan bersih tapi orang selalu bersih tak bersih tak apalah kita slogan bersih harap-harap jadi bersih. Tapi kalau kita harap daripada bersih kita tingkatkan menjadi sebagai bandar taman. Umpamanya tempat kami itu tempat lalu masuk ke Putrajaya dari Selatan dan juga dari Kuala Lumpur datu lagi Puchong. Jadi imej nampak mula-mula masuk kemudian lalu pula pergi ke Putrajaya hendak pergi ke Kajang, Bangi bulatan itu kosong macam padang pasir. Ertinya tiada hiasan pada taman-taman. Kalau diperbaiki dengan hiasan taman dengan indah. Jadi projek imej yang baik. Kalau hendak pergi makan sate Kajang ertinya ikut sebelah kiri tol. Hendak pergi bandar ilmu terus sahaja. Kalau hendak pergi Putrajaya sebelah kanan. Pembangunan pusat Pentadbiran Kerajaan. Tapi imej tempat masuk itu tidak begitu menarik. Begitu juga bahagian selatan masuk ke tol Bangi bahagian selatan kita

jaga gerbang selatan Negeri Selangor yang bermula daripada Negeri Sembilan. Jadi gerbang selatan ini pun juga tidak menarik orang tahu tempat-tempat insiden sahaja kerana orang selalu di situ. Masuk tol juga *klill* tiada hiasan apa pun bahkan berbau disebabkan kolam tempat saliran air-air pencemaran daripada industri tempat. Jadi kita mengharaplah pihak PBT terutama MPKj memberi perhatian yang lebih terhadap ADUN Bangi ini kerana selain daripada dia tempat pusat ilmu juga industri supaya dia menjadi suatu bandar yang menarik yang boleh kita mempertingkatkan menjadi taman Bangi sebagai bandar taman sesuai dia dengan taman ilmu dan juga sebagai taman segi fizikal dan ini juga berkait ingin konsep alam sekitar yang kita mahu tingkatkan. Yang ironisnya di Bangilah mula-mula didikan pejabat hijau istilah pejabat penghijauan konsep penghijauan di Bangi didirikan oleh Perdana Menteri. Tetapi ertinya konsep hijau ini tidak hijau memanglah pemerintahan Bangi itu hijau tetapi konsepnya tidak menyeluruh konsep hijau ini PASlah diarit semua orang. Ertinya sesuilah diberi konsep hijau di Bangi sebab dia di kawasan hijau. Tetapi fizikalnya hijau jadi kita harap penghijauan akan meliputi daripada bukan sahaja pejabat kawasan dan juga konsep hijau akan berkembang di Bangi itu sendiri. Jadi itulah harapan Bangi dan Bangi menyokong anggaran perbelanjaan Negeri Selangor 2011. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sijangkang

YB TUAN DR. AHAMD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum* dan selamat sejahtera. Saya kira Sijangkang tidak mengambil masa yang panjang. Apa kira Sijangkang menyokong perbelanjaan 2011 yang dibentangkan pada semalam. Minta di izin saya memulakan perbahasan dengan serangkap pantun:

PRU 12 Tragis bertempuh
Peralihan kuasa cukup menghayati
Selangor konsepnya *bothdatun toibatun warabun*
Belanjawan seimbang 2011
Temanya Hasil negeri untuk rakyat

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sekalung tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Selangor yang saya kira cukup berani tema yang cukup bermakna ini untuk rakyat sudah tentu rintihan dan regekan harapan daripada rakyat di atas tema perbelanjaan ini satu harapan yang menggunung daripada rakyat yang dinanti-nantikan. Cuma apa yang saya khuatir manipulasi sukakan kerajaan pada hari ini atau pihak pembangkang boleh membawa kepada satu impak negatif sekiranya Pakatan Rakyat terus gagal kerakyatan informasi program-program Kerajaan Negeri cukup baik ini kita nyatakan secara yang lebih baik di masa akan datang. Saya kira kemasyarakatan bandar-bandar rakyat Negeri Selangor ini cukup baik dan ia memberi satu impak yang secara langsungnya kepada rakyat sehingga ke hari ini kita lihat program-program kemasyarakatan ekonomi ini Negeri Selangor ini terutama yang menjurus kepada terus mendapatkan satu menjadikan satu bahan kepada kerajaan pusat untuk mengambil ini bajet bagi pada tahun hadapan. Saya kira ini satu pujian yang saya kira kerajaan Negeri Selangor ini yang dipimpin oleh Tan Seri Menteri Besar Selangor harus mendapat pujian. Jadi sebelum saya meneruskan ucapan ini saya kira saya ingin menyentuh sedikit dan memperbetulkan tanggapan Sg. Panjang pada pagi tadi yang mana membuat perbandingan Kerajaan Pusat memberi sumbangan kepada pendidikan Negeri Selangor lebih kurang RM80 juta itu kepada peruntukan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Sekolah Agama Rakyat berjumlah RM60 juta itu. Saya kira ini bukan satu perbandingan yang tepat kerana kita imbas kembali Kerajaan Negeri Selangor pada hari ini bagaimana telah memberikan satu peruntukan yang agak besar RM16 juta itu untuk tujuan pendidikan yang saya kira selama ini tidak pernah di ambil difikirkan oleh Kerajaan Negeri Selangor terutamanya kepada Sekolah Agama Rakyat

yang mana kita telah memberi peruntukan RM6 juta itu untuk pembangunan baik pulih Sekolah Agama Rakyat yang saya kira sebelum ini mereka melihat bahawa tidak ada kepentingan di situ hatta seolah-olah mematikan Sekolah Agama Rakyat. Begitu jugalah dengan program-program yang lain saya kira satu manipulasi yang diperlihatkan oleh Kerajaan Barisan Nasional kepada masyarakat sehingga akhirnya program-program yang baik yang telah kita tujukan kepada rakyat gagal mendapat menarik perhatian kepada rakyat atau pendapat atau dinatijahkan oleh masyarakat di Negeri Selangor ini. Jadi saya kira dalam realisasikan hasrat perbelanjaan belanjawan pada tahun hadapan beberapa strategik sentuh secara langsung oleh Dato Menteri Besar pada semalam 4 strategik utama uruskan sumber negeri dengan bijaksana, memantau pengurusan perbelanjaan dengan cepat, modal-modal insan dan realisasikan negeri ini adalah satu strategik yang saya kira cukup baik dan olahan yang perlu disokong sama-sama terutamanya kita di dalam Pakatan Rakyat ini. Jadi YB Tuan Speaker saya jika saya mungkin akan menyentuh beberapa perkara ataupun isu yang berkait rapat secara langsung kepada ADUN Sijanggang atau Kuala Langat itu sendiri yang mungkin dan juga boleh jadi satu iktibar kepada kawasan-kawasan yang lain. Jadi saya kira dalam sektor perindustrian Kuala Langat telah menyumbang kepada 37% kepada KNDK Negeri Selangor pada tahun 2010. sudah tentu perindustrian di ADUN Sijanggang sendiri yang mana termasuk juga Zon Perindustrian Bebas Telok Panglima Garang menjadi antara penyumbang kepada penajaan sumber kekayaan Negeri Selangor itu sendiri. Jadi saya melihat bahawa bagaimana kita perlu memperkasakan terutama di ADUN Sijanggang ini yang saya kira zon perindustrian yang banyak kilang-kilang yang ada di situ telah menyumbangkan yang agak besar. Jadi saya melihat bahawa kita khuatir apa yang berlaku di kawasan DUN Sijanggang ini akhirnya akan memberi satu bentuk ketidakpercayaan kepada pelabur-pelabur yang sedia ada atau pelabur-pelabur yang akan datang terutamanya di dalam pembangunan berinfrastrukturnya termasuklah sistem perparitannya, termasuklah sistem jalan rayanya dan kemudahan-kemudahan asas yang lain. Saya kira di dalam pada tahun 2008 apabila berlaku banjir di kawasan zon perindustrian Sijanggang itu sendiri memberi satu kekhawatiran, ketakutan kepada pelabur-pelabur sendiri apabila terutamanya melibatkan kematian dua orang pekerja di dalam membantu untuk menyelesaikan masalah banjir tersebut. Alhamdulillahlah sehingga hari ini saya kira banjir itu tidak berlaku kerana saya lihat ada beberapa usaha yang sangat baik yang telah dilakukan untuk mengatasi masalah banjir ini. Saya lihat zon perindustrian di Kebun Baru atau pun di Sijanggang ini khususnya demografinya memanglah laluan aliran sungai, laluan air ke muara sungai yang mana apabila berlaku paras air yang tinggi di laut dan hujan berlaku begitu lebat terutama di dalam musim tengkujuh ini akhirnya akan menyebabkan kebanjiran. Jadi saya kira air ini yang datangnya daripada kawasan hulu atau pun kawasan-kawasan yang bersebelahan termasuklah kawasan-kawasan daripada Puchong yang mana Tanjung Dua belas yang mana pada satu ketika itu dulu juga ada satu projek *Channel City* atau pun kolam tebatan banjir yang saya kira tidak tahu sehingga peringkat ini apakah perancangan yang akan dilakukan seterusnya walau pun tanah atau pun tapak yang dicadangkan itu pada hari ini sudah dikorek pasirnya telah dikeluarkan tetapi kita tidak tahu sama ada projek itu akan dilakukan secara berterus atau pun tidak.

Satu perkara yang saya lihat di dalam bajet yang lepas juga dan perbelanjaan yang lepas telah ada peruntukan lebih kurang kalau tidak silap saya di dalam 15 juta begitu untuk tujuan pembersihan parit di luar bandar di seluruh Negeri Selangor dan saya kira ini adalah juga satu inisiatif yang baik hasil daripada sidang kita yang lepas diberikan kepada melalui kampung atau pun Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung bagi membersihkan atau pun membantu memperbaiki sistem saluran yang kita ada dan saya mengharapkan supaya perkara ini akan diteruskan lagi dan bajet akan diberikan lagi semata-mata untuk membantu tujuan pembersihan parit ini dan akhirnya saya kira sedikit sebanyak membantu mengelakkan daripada berlaku kebanjiran. Jadi saya kira di zon perindustrian Sijanggang ini juga jalan raya

juga perlu diambil satu perhatian yang agak serius kerana kalau kita lihat menjadi laluan utama daripada Klang ke Banting dan saya juga ingin menekankan di sini ada satu laluan lain yang menghubungkan laluan alternatif kepada Shah Alam ke Banting begitu yang saya kira jalan ini adalah jalan yang jalan kampung, yang sempit yang perlu diperbaiki lagi, perlu di baik pulih lagi supaya ianya tidak menjadi masalah terutamanya kepada orang-orang kampung itu sendiri. Jadi beberapa jalan raya yang saya kira perlu diambil perhatian di situ supaya dinaiktarafkan terutamanya daripada jalan Teluk Panglima Garang ke bandar lama Carey di mana jetinya ada di situ, projek-projek memunggah besi-besi buruk untuk dibawa ke Mega Steel juga melalui situ saya kira jalan-jalan ini akan diberi perhatian di dalam bajet pada tahun 2011 ini.

Jadi saudara-saudari yang saya hormati sekalian, saya juga melihat bahawa di DUN Sijangkang ini ada sebatang jambatan yang sedang dibina yang saya kira telah berlaku kelewatan begitu dan pertukaran kontraktor yang pada asalnya hanya menelan belanja lebih kurang RM26 juta sehingga kalau tidak salah saya sehingga RM40 juta lebih pada hari ini yang masih belum selesai yang mana alasannya apabila dalam pembinaan itu selalu dilanggar oleh tongkang-tongkang yang membawa besi buruk tetapi saya sehingga hari ini, saya kira perancangan untuk membawa besi buruk melalui sungai menghala ke Mega Steel itu masih lagi belum berlaku. Dan saya mendapat makluman bahawa perlu ada pendalaman sungai yang melibatkan lebih kurang RM30 juta begitu untuk membolehkan laluan sungai ini berfungsi dan saya mengharapkan supaya perkara-perkara ini dapat dijalankan dengan baik dan akhirnya kalau kita dapat melihat pada hari ini beberapa kejadian yang saya kira tidak sepatutnya berlaku termasuklah lori-lori pengangkutan besi buruk ini terbalik di jalan menyebabkan kesesakan jalan raya dan ini juga membahayakan kepada laluan di sepanjang laluan Klang ke Banting itu.

Jadi saudara-saudari yang saya hormati sekalian, selain daripada ini juga saya ingin menyentuh beberapa perkara yang saya kira perlu diambil perhatian terutamanya di dalam kemudahan Bomba di kawasan Kuala Langat ini jika kita bandingkan dengan kemudahan-kemudahan Bomba di daerah-daerah lain contohnya di Sabak Bernam saya kira perindustriannya tidaklah sebegitu hebat kalau kita bandingkan dengan Kuala Langat tetapi hari ini kita lihat kemudahan Bomba ini di Kuala Langat terlalu tertinggal. Walau pun saya faham ini adalah kuasa Kerajaan Pusat tetapi sudah tentunya kita di peringkat Negeri Selangor perlu menekankan tekanan kepada kerajaan pusat ini supaya dibina kemudahan Bomba ini ke taraf yang terbaik pada masa ini. Saya kira di Kuala Langat bukan sahaja kemudahannya agak tertinggal tetapi sekiranya berlaku kebakaran dua tingkat rumah kedai pun kita tidak dapat menyelamatkan dengan sebaik mungkin kerana berlaku baru-baru ini daripada zaman mula Pakatan Rakyat memerintah sehingga ini di kawasan saya, di kawasan perindustrian itu ada lima kilang yang mengalami kebakaran yang akhirnya kebakaran ini juga tidak dapat dibereskan dengan cara yang terbaik. Ini juga merupakan satu perkara yang saya kira perlu diberi penekanan di situ.

Jadi saudara-saudari yang saya hormati sekalian, Yang Berhormat Tuan Speaker isu yang kedua yang saya ingin bawakan adalah berkaitan dengan gerai atau pun bengkel atau pun kilang pembangunan projek luar bandar. Saya cukup terima kasih dengan kerajaan negeri yang mana telah memberikan peruntukan untuk mengecat dan baik pulih balai raya pada tahun ini tetapi apa yang saya ingin tekankan bagaimana keadaan gerai-gerai atau pun kedai atau pun bengkel atau pun kilang pembangunan luar bandar yang mana projek ini adalah dibiayai oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang mana peruntukan pembinaan ini disalurkan melalui pejabat Pembangunan Negeri pada peringkat awalnya dan hari ini kedai-kedai PNB ini telah diserahkan kepada Majlis Daerah atau pun PBT dengan tujuan untuk memperkemaskan pemantauan kutipan sewa atau pun ke atas penyewa-penyewa premis ini.

Kita lihat pada hari ini keadaan kemudahan-kemudahan ini terlalu uzur, ada yang masih boleh dibaikpulih dan kebanyakannya sudah tidak perlu dibaikpulih kerana ianya akan memakan belanja yang besar dan sudah seharusnya projek-projek ini dirobuhkan. Saya kira dengan kekuatan PBT yang ada pada hari ini tidak mampu untuk menyelesaikan masalah-masalah ini dan kita lihat kalau dari statiknya hingga terkini tahun, terkini sehingga Disember 2007 kita mempunyai gerai-gerai atau pun kedai-kedai ini sejumlah 1590 buah, kalau di Petaling Jaya ada 153 gerai, bengkel ada 23 dan jumlahnya 180. Di Klang ada 185 gerai dan bengkel, di Gombak ada 38 di Kuala Langat ada 297 gerai dan kedai dan ada 15 bengkel jumlahnya 312. Hulu Langat ada 129, Hulu Selangor ada 197, Kuala Selangor ada 213 gerai dan bengkel ada 20, Sepang ada 127 bengkel ada 16 jumlahnya 143. Sabak Bernam mempunyai 161 gerai dan kedai, bengkel ada 12 jumlahnya 173. Dan jumlah keseluruhannya adalah 1590 yang kebanyakan daripada gerai-gerai dan bengkel ini adalah dalam keadaan uzur dan kita mempunyai permasalahan apabila diberikan daripada Pejabat Daerah kepada Majlis atau pun PBT yang mana antara yang melibatkan kutipan yang telah tertanggung yang tidak dapat dikutip oleh Pejabat Daerah yang saya kira jumlahnya terlalu besar kalau Gombak mempunyai tunggakan kutipan sewa sejumlah RM35,650 Kuala Langat ada RM116,210; Hulu Langat ada RM62,990; Hulu Selangor ada RM197,090; Kuala Selangor ada RM162,010; Sepang ada RM71,320 dan Sabak Bernam ada RM255,705 tunggakan yang tidak dapat dikutip.

Jadi saya kira kalau inisiatif yang dapat dijalankan dengan baik dan dapat dikutip hutang-hutang ini sekurang-kurangnya saya kira mungkin dapat menyelesaikan sedikit sebanyak permasalahan yang dihadapi. Masalah yang saya sebutkan tadi berkenaan gerai-gerai ini kebanyakannya gerai-gerai ini adalah uzur. Pengubahsuaian yang telah dilakukan tanpa kebenaran dan sebagainya telah dijadikan sebagai premis kediaman, premisnya kotor, penyewa asal menyewakan kepada pihak yang lain tanpa kebenaran dan ini berlaku juga di Kuala Langat apabila kita kesan sebahagiannya pemilik adalah daripada JKK termasuklah Ketua-ketua Kampung yang lama pemiliknya adalah daripada golongan nazir-nazir masjid dan ahli jawatankuasa masjid yang mana mereka ini tidak menggunakan secara optimumnya tapi mereka menyewakan. Dalam keadaan itu mereka tidak membayar tunggakan-tunggakan ini dan akhirnya memberikan masalah kepada kita. Selain daripada itu, gerai-gerai juga didirikan atas tanah individu dan saya dapat maklumat bahawa ada gerai yang dibina atas nama seseorang individu pentadbir masa dahulu kemudian dibina atas tanah kerajaan dan akhirnya dijual ini sudah seharusnya perkara yang tidak seharusnya berlaku. Jadi saya mencadangkan supaya ada satu bentuk inisiatif daripada kerajaan negeri untuk menyemak balik, membuat satu inventori yang mana perlu dirobuhkan dihapuskan perlu dihapuskan yang mana perlu dibaik pulih perlu dibaikpulih dan akhirnya gerai-gerai atau kedai-kedai bengkel ini dapat memberi manfaat kepada mereka-mereka yang memerlukan. Dan saya kira sudah tentulah mereka-mereka atau individu-individu yang diberikan gerai-gerai ini kemudian menyewakan kepada orang-orang lain atau pun penyewa yang kedua kita akan tarik balik dan berikan kepada mereka-mereka yang benar-benar memerlukan.

Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker dan saudara-saudari yang saya hormati sekalian, saya juga ingin membawakan isu yang tidak disentuh di dalam ucapan Menteri Besar di dalam belanjawan semalam yang ini berkaitan dengan pembangunan modal insan bagi yang beragama Islam saya kira masjid yang ada pada hari ini antara wadah utama di mana kita dapat mentransformasikan masyarakat yang ada pada hari ini. Secara umumnya saya dapat lihat dan mendapat *respons-respons* daripada sahabat-sahabat bahawa masjid pada hari ini hidup dan pelbagai program yang dijalankan di seluruh masjid-masjid di Negeri Selangor dan saya kira masjid yang kita ada pada hari ini yang mana kita tidak mempunyai satu tanda mercu masjid di Negeri Selangor ini daripada segi contohnya reka bentuknya, catnya yang pelbagai yang tidak mempunyai satu tanda kepada Negeri Selangor ini saya kira masjid-masjid ini

perluah supaya satu bentuk pemikiran yang bagaimana kita dapat memperlihatkan mercu masjid ini dapat dipertunjukkan sekurang-kurangnya daripada segi warna catnya atau pun sedikit sebanyak reka bentuknya yang perlu kita perhalusi kembali.

Jadi saya juga ingin menekankan di sini supaya masjid-masjid ini kalau dahulu mungkin program-program ini tidak begitu banyak tetapi hari ini program-program yang dilakukan boleh dikatakan setiap minggu ada sahaja programnya tetapi berlaku lintar pintas dan sebagainya tidak cukup *power*, berlaku pelbagai masalahnya saya mengharapkan supaya Jabatan Agama Islam sendiri mungkin ada satu bentuk yang lebih proaktif ada satu bentuk jawatankuasa untuk meneliti setiap masjid dan melihat kekurangan-kekurangan atau pun perbaiki kelemahan atau kemudahan-kemudahan asas yang mana memberi masalah untuk diperbaiki bukan hanya mengharapkan *complain* atau pun cadangan-cadangan daripada jawatankuasa masjid yang sedia ada. Saya kira ini perlu juga diberikan penekanan. Selain daripada itu saya juga ingin menekankan bahawa sudah tiba masanya hari ini Jabatan Agama Islam memikirkan kembali bagaimana sekolah-sekolah menengah agama perlu diperbanyakkan lagi yang ada kita pada hari ini 23 sekolah agama bantuan kerajaan yang mana telah diambil oleh pusat dan kita ada hanya 2 sahaja sekolah Tahfiz Integrasi untuk sekolah menengah saya kira sudah tiba masanya bagaimana kita memikirkan supaya diperbanyakkan lagi sekolah menengah agama supaya permintaannya begitu banyak terutamanya pada masa sekarang hari ini dapat kita berikan wadah untuk pendidikan anak kita yang akhirnya kalau kita lihat pada hari ini masalah gejala sosialnya berlaku di kalangan anak-anak Melayu yang beragama Islam yang begitu ketara sekali yang sekurang-kurangnya apabila ada sekolah menengah yang begini kita dapat memberikan satu bentuk wadah untuk pembangunan insan anak-anak kita itu yang lebih baik daripada sebelum ini. Kalau kita lihat sekolah rendah agama atau pun KAFA yang ada di Negeri Selangor ini melebihi daripada 500 buah sekolah begitu dengan sekolah menengahnya yang hanya sekadar 25 buah sekolah, saya kira kita tidak sudah tidak memberi satu kelengkapan kepada anak-anak kita terutamanya di peringkat sekolah menengah.

Jadi saudara-saudari yang saya hormati sekalian, Yang Berhormat Tuan Speaker, satu perkara yang akhir saya ingin sentuh di sini adalah berkaitan dengan kemudahan stadium di Kuala Langat. Kalau saya bandingkan dengan daerah-daerah lain sudah tentu stadium di Kuala Langat yang kita kenali sebagai Stadium Jugra ini amat tertinggal jauh. Stadium yang berusia 33 tahun ini sejak tahun 1977 berkeadaan begitu daif dari segi prasarana padang dan infrastrukturnya. Kemudahan *track* bitumen yang dibina pada tahun 1984 itu hari ini sudah jadi lebih teruk daripada jalan raya. Padangnya sudah tidak rata dan keadaan balapan yang tidak memenuhi spesifikasi. Kalau kita imbas balik di Kuala Langat yang mana olahragawan-olahragawan negara pernah dikeluarkan daripada Kuala Langat contohnya Norsamyun, olahragawati negara, Fatimah Abu Samah, Noraisyah Wajib, Isnin Abd Rahman, M. Manoharan, Abd. Mutalib Razak, Sarida Daud, Saadiah Saleh, P.Balu, M. Prabakaran dan lain-lain yang merupakan atlet yang datangnya dari Kuala Langat. Tapi hari ini kita lihat stadium di Kuala Langat adalah stadium yang terburuk yang kalau dibandingkan dengan daerah-daerah lain. Di Sabak Bernam pun ada 2 buah stadium yang saya kira cukup terkini, cukup baik balapannya. Jadi saya kira sebagai satu inisiatif kerajaan negeri pada hari ini sekurang-kurangnya kita dapat baik pulih walaupun tidak bina yang baru kerana saya mendapat maklumat bahawa kegagalan ini, untuk membaik pulih telah dijanjikan oleh beberapa orang kepimpinan sebelum ini semasa Kerajaan Barisan Nasional termasuklah daripada EXCO Sukannya. Semasa penutupan kejohanan olahraga Kuala Langat pada tahun 2000 dan juga pada 2005 telah dijanjikan untuk pembaikpulihan dan menaik taraf stadium ini tapi tidak berlaku. Malah Menteri Besar sebelum ini telah menjanjikan pembaik pulih yang lebih baik daripada itu di dalam mesyuarat di kediamannya pada tahun 2006. Jadi ini sangat mengecewakan kepada persatuan olahraga amatir daerah Kuala Langat dan saya mengharapkan supaya inisiatif-

inisiatif beberapa isu yang saya sebutkan tadi dapat diambil kira dan akhirnya memberi manfaat kepada masyarakat keseluruhannya. Jadi saya kira cukup sekadar itu, saya mengucapkan terima kasih dengan itu saya menyokong belanjawan yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar kelmarin.

TUAN SPEAKER : Ya Teratai.

YB PUAN LEE YING HA : Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan Teratai mengambil bahagian dalam perbahasan usul bajet 2011. Tadi sudah dengar Yang Berhormat Sijangkang mengatakan stadium malah rintihan di Ampang Jaya lagi teruk kita stadium pun tak ada. Mana dapat penyelenggaraan. Jadi saya berharap....

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, yang kita bahaskan sekarang bukan usul bajet, yang kita bahaskan sekarang adalah Rang Undang-undang Perbekalan.

YB PUAN LEE YING HA : Rang Undang-undang Perbekalan. Ok. Maaf ya. Jadi kita nak ucapkan tahniah dan syabas kerana negeri Selangor telah pun melancarkan pelbagai dasar-dasar inovatif yang memberi bantuan kepada masyarakat dari pelbagai aspek. Jadi kerajaan dalam pimpinan Pakatan Rakyat dalam beberapa tahun ini telah mewujudkan pelbagai dasar untuk menjaga anak negeri Selangor yang lahir iaitu TAWAS sehingga meninggal iaitu SMUE (Skim Mesra Usia Emas). Itu cara kerajaan negeri Selangor yang terdiri dari Pakatan Rakyat untuk mengembalikan hasil kepada rakyat yang disebutkan oleh Menteri Besar semalam. Negeri kita tidak ada pembangunan yang mewah seperti apa yang dibuat oleh kerajaan pusat yang mana kerajaan pusat menggunakan sejumlah RM5billion untuk membina satu bangunan Warisan Merdeka dengan tingginya 100 tingkat. Kalau katakan jumlah wang itu diberikan atau diperuntukkan oleh kerajaan negeri Selangor Teratai percaya prioriti Pakatan Rakyat adalah untuk membina rumah masyarakat iaitu dengan prospek iaitu dengan izin menambah infrastruktur contohnya stadium yang ada sekarang atau yang tidak ada stadium, menambah baik sistem pengangkutan awam ataupun kembalikan wang peruntukan itu untuk memupuk atau membela *human capital* dengan izin.

Tuan Speaker, dasar yang bagus boleh memanfaatkan rakyat jelata tetapi kalau sistem penyampaian tidak sempurna ia akan menjadi satu kekangan yang besar demi memajukan negeri Selangor. Jadi saya dapat berbagai-bagai isu yang harus ditambah baik dengan segera kalau tidak sistem penyampaian tidak akan baik selama-lamanya. Jadi selama setahun Teratai mengkaji jabatan-jabatan contohnya di MPAJ saya mendapati ada jabatan-jabatan yang telah mencalonkan pegawai yang tidak betul atau tidak layak dan juga pegawai yang memangku terlalu banyak jawatan, ia bukan saja akan merendahkan produktiviti tetapi juga menjadikan satu pembaziran cukai orang ramai. Ini disebabkan orang yang layak diketepikan, tetapi orang yang tidak layak dicalonkan kepada jawatan-jawatan yang memang penting atau pun tidak perlukan kelayakan yang tertentu. Dengan izin, *we have to put the right person to the right place to the right day at the right time*. Jadi saya akan memberi beberapa contoh bahawa beberapa perkara yang memang serius yang berlaku di MPAJ. Yang pertama, Jabatan Khidmat dan Pengurus iaitu sepatutnya dipegang oleh pegawai N44 iaitu Jabatan yang tidak perlu kelayakan tertentu. Apa yang berlaku sekarang ialah seorang pegawai N41 yang menduduki di kedua-dua bahagian bawah jabatan Khidmat Pengurus iaitu bahagian Pentadbiran Awam dan Perolehan dan juga Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Beliau juga adalah kakitangan untuk kedua-dua bahagian. Jabatan ini merupakan *Purchasing Department* dengan izin untuk seluruh MPAJ kenapa seorang boleh menentukan semua cara-cara penggunaan wang. Ini jawatan untuk N44 tapi pegawai yang layak N44 yang patut duduk di jawatan itu sekadar diletak di bahagian penjaja yang mana jabatan itu hanya memerlukan

kakitangan N41 sahaja. Kedua, Jabatan Belia Kemasyarakatan dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan pegawai yang menjadi pengarah Jabatan itu adalah N48 ia berasal dari Jabatan Belia dan Kemasyarakatan tetapi beliau sekarang memangku jawatan perkhidmatan perbandaran dan kesihatan selama satu tahun. Teratai dapati dalam masa satu tahun ini majlis tidak pernah mengiklankan untuk mengisi jawatan-jawatan perkhidmatan perbandaran dan kesihatan yang mana memerlukan gred kakitangan U48 iaitu hanya doktor sahaja boleh pegang jawatan ini. Dalam web MPAJ juga dipamerkan tiada jawatan kosong walaupun jawatan U48 ini dipangku oleh seorang dari Jabatan Belia dan Kemasyarakatan. Pegawai pentadbir yang memangku jawatan dalam perbandaran dan kesihatan iaitu gred N41 telah pun ditukar ke bahagian pembangunan belia dan sukan. Seorang lagi yang mempunyai kelayakan doktor *degree* grednya 41 sepatutnya boleh memangku jawatan perbandaran dan kesihatan tetapi beliau hanya kekal di bahagian kesihatan sahaja. Dan juga kembali ke Jabatan Belia dan Kemasyarakatan terdapat satu bahagian penyelenggaraan landskap. Walaupun ada seorang grednya N41 yang mendapat ijazah dalam landskap tetapi beliau diketepikan dan digantikan dengan orang yang tidak ada kelayakan dalam landskap menguatkuasa dan menentukan projek-projek landskap di bawah MPAJ. Jadi isu yang ketiga dalam MPAJ, Jabatan Kejuruteraan. Grednya sepatutnya ialah J48 bermaksud pegawai yang mempunyai kelayakan dalam kejuruteraan boleh dapat jawatan ini. Jawatan ini sekarang dipangku oleh seorang pegawai J44. walau pun keperluan dalam jawatan ini adalah J48. Tapi J44 yang memegang jawatan ini. Pegawai ini mempunyai kepakaran dan pengalaman yang tak dapat dipertikaikan. Walau bagaimanapun saya diberitahu juga seorang pegawai yang betul-betul J48 yang ditukar dari Majlis Perbandaran Selayang hanya diberi satu kerja iaitu menjaga cerun di MPAJ. Sedangkan J48 adalah lagi senior dari J44 tapi J48 itu hanya jaga cerun dan J44 jadi ketua jabatan. Malah saya juga ketahui pegawai yang mempunyai gred yang lagi tinggi J48 tidak diberikan satu meja pun dalam majlis. Jadi tiap-tiap hari dia pergi kerja untuk punch card dan balik rumah sebab tak ada meja langsung dan tak ada bilik pun untuk dia. Jadi kasihanlah. Walaupun saya tak kenal dia tapi saya rasa satu jawatan yang tak betul diletak pada orang yang tak betul dan orang yang ada kepakaran tidak diletak di dalam jawatan yang betul. Yang keempat, Jabatan pembangunan dan seni bina. Jawatan J44. seorang pegawai yang mempunyai gred yang sama J44 sudah lama bercuti ambil cuti dari MPAJ dan pemangkunya sekarang adalah pegawai J41. Sudah lebih dari 3 tahun. Kenapa majlis tidak tanya kepada pegawai tersebut akan balik dan mengiklankan supaya orang lain dapat mengisi jawatan ini. Tidak ada usaha di situ. Yang kelima, Jabatan Penguat kuasa. Gred jawatan N44. Ini bermakna pengarah untuk jabatan tidak perlu kelayakan tertentu seperti doktor atau peguam. Tetapi sekarang pegawai yang memangku untuk jabatan penguat kuasa adalah mempunyai *degree* dalam bidang undang-undang. Dia memangku jawatan yang boleh dipegang oleh mana-mana pihak. Kenapa majlis tidak meletak pegawai N44 untuk jawatan ini dan pemangku pengarah yang sekarang mempunyai pengalaman dalam bidang undang-undang ditukar ke jabatan Undang-undang. Kesannya meletak orang yang tidak betul dalam jawatan yang tidak betul mengakibatkan kelewatan dalam penguatkuasaan dan semangat rendah di kalangan penguat kuasa. Contohnya bila orang ramai mengadu dapat satu papan tanda UMNO yang haram telah didirikan di tepi jalan yang melindungi papan tanda jalan sudah 3 minggu pemanggil meminta penguat kuasa untuk mengambil tindakan tetapi tidak ada tindakan langsung. Sampai ahli majlis kena ketukkan meja dalam mesyuarat baru ambil tindakan. Yang keenam, Jabatan Pelesenan. Untuk memegang jawatan sebagai Pengarah dalam Jabatan Pelesenan hanya N41. N bermaksud tidak perlu kelayakan tertentu. Apa yang berlaku sekarang seorang yang mempunyai ijazah dalam undang-undang beliau diletakkan sebagai Pengarah Jabatan Pelesenan. Jadi untuk pegawai yang mempunyai Ijazah dalam Undang-undang sepatutnya duduk dalam jabatan undang-undang. Kenapa pergi pelesenan. Kenapa kes ini boleh berlaku. Dan teratai juga dapati pegawai yang berpengalaman atau lama berkhidmat tidak dapat dinaikkan pangkat. Dan kebanyakan mereka terdiri dari golongan

wanita. Contohnya pegawai dalam bahagian Sistem Maklumat. Bahagian Perhubungan Awam, Bahagian Urus setia, Bahagian Pembangunan Belia dan Sukan, kesemua ini adalah pegawai N41. Tanpa layak memegang jawatan yang penting. Tetapi semua diketepikan. Semua ini adalah golongan wanita.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat masa sudah pukul 7 malam. Dengan itu dewan ditangguhkan dan Yang Berhormat boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan sehingga hari esok Rabu 10 hari bulan bermula jam 10 pagi.

(Dewan ditangguhkan jam 7.00 malam)